

TULIS dengan TULUS

Zakiah Hanum



adhicipta (m) sdn. bhd.

1 9 7 9 1 7 1

Kuala Lumpur

1997

© Hakcipta **adhicipta (m) sdn. bhd.**, 1997

Semua hakcipta terpelihara. Tidak ada sebarang bahagian pun yang dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) ataupun dipancar walau melalui sebarang cara pun termasuk kaedah elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau lain-lain, tanpa kebenaran penulis terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:

adhicipta (m) sdn. bhd.

1 9 7 9 1 7 T

23 Jalan Telawi Dua

Bangsar Baru

59100 Kuala Lumpur

Kulit buku : Karya Mukhlis Nor

Lukisan : Nae

Penyunting: Rozely Khalid

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalog-dalam-
Penerbitan

Zakiah Hanum, Dato',

Tulis Dengan Tulus/ Zakiah Hanum

ISBN 983-9113-09-7

Dicetak oleh:

Percetakan Jiwabaru Sdn. Bhd.

Lot 14 No. 2, Jalan P/8, Kawasan MIEL FASA 2,

Bandar Baru Bangi, 43650 Bangi,

M 954993

M
959.5
ZAF
4 AUG 1998
Perpustakaan Negara
Malaysia

Kandungan

Majalah Dan Suratkhbar Awal	1
Usaha Dan Perjuangan Akhbar Majlis	7
Hari-hari Awal UMNO	15
Apresiasi Sejarah Menerusi Bahan Bahan Arkib	20
Malayan Union Dalam Retrospek	26
MacMichael Dengan Orang Melayu	34
Melayu Berkabung	43
Kalam Runcing Atas Kertas Putih	49
"Bulan Melayu" Terang Cahayanya	55
Situasi Pendidikan Di Selangor Sekurun Lalu	60
Keindahan Kuala Lumpur Dalam Tahun Dua Puluhan	65
Polis Dan Penjara	71
Media Lama Bertulisan Jawi	75
Pandangan Penulis Barat Terhadap Orang Melayu	81
Za'aba Dengan Penulisan Sejarah Tanah Melayu	93
Sempena Kemerdekaan Tanah Air	100
Persediaan Menyambut Kemerdekaan	105
Laporan Sambutan Kemerdekaan	109
Ke Arah Kemerdekaan	113
Pelbagai Persiapan Menyambut Kemerdekaan	117
Tercapainya Kemerdekaan	121
Kartun Dan Kartunis	125

PRAKATA



Datuk Zakiah Hanum dilahirkan di Alor Setar, Kedah pada 15 September 1937. Beliau menerima pendidikan awal di sekolah Melayu dan Inggeris dan melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya pada tahun 1957 dan lulus ijazah B.A (Hons) dalam Pengajian Melayu pada tahun 1961.

Sebagai seorang pencinta Arkib dan tokoh budayawan, Datuk Zakiah Hanum sering menegaskan bahawa tugas beliau adalah mengumpul fakta-fakta sejarah dengan sejelajelasnya untuk pengetahuan umum. Berlainan dengan sejarahwan yang menganalisa dan merumuskan sesuatu rentetan sejarah, Datuk Zakiah Hanum lebih mengutamakan *facts* dan membiarkan masyarakat menilai sesuatu peristiwa sejarah itu agar dapat dijadikan tauladan dan iktibar.

Justeru itu lahirlah “*Tulis Dengan Tulus*” sesuatu memoir sejarah yang dianggap tepat dan mantap berdasarkan kepada sumber-sumber dari penerbitan akhbar sepanjang satu abad yang lepas.

Ketulusan dan keprihatinan penerbitan seumpama ini yang peka terhadap isu-isu semasa mendorong Datuk Zakiah Hanum merekodkan fakta-fakta sejarah dengan harapan masyarakat tidak akan terkeliru sebaliknya menganggap sejarah sebagai pusaka budaya yang tidak ternilai.

Rozely Khalid

KATA-KATA AWAL

Buku berjudul “*Tulis Dengan Tulus*” ini mengandungi makalah-makalah yang saya tulis semenjak tahun 1994 di bawah tajuk yang sama di akhbar bernama “Era Baru” kepunyaan Encik Idris Tulis. Selain daripada itu saya memasukkan juga makalah-makalah yang pernah saya sumbangkan kepada akhbar-akhbar serta majalah yang memberi perhatian kepada aspek-aspek sejarah negara kita.

Maklumat-maklumat yang saya perolehi untuk artikel-artikel ini adalah daripada surat khabar seperti Utusan Melayu dan Majlis serta majalah-majalah seperti ‘Mujallah Guru’, ‘Bulan Melayu’ dan lain-lain. Kepada saya maklumat yang wujud di suratkhbar dan majalah begitu bermakna sekali dan berasaskan fakta serta perkara-perkara yang sebenarnya telah berlaku. Saya merasa perlu untuk mengeluarkan maklumat-maklumat tersebut di dalam buku ini untuk menggerakkan minat dan kesedaran setiap pembaca mengenai apa yang sebenarnya telah berlaku dalam sejarah di negara kita.

Artikel berjudul “Majalah Dan Suratkhbar Awal” memberi perhatian kepada maklumat mengenai suratkhbar dan penerbitan lebih 100 tahun yang lalu. Bahan-bahan itu yang kesemuanya bertulisan Jawi disimpan di Arkib Negara dan boleh dirujuk oleh sesiapa sahaja yang mahu membuat kajian. Harapan saya mengeluarkan maklumat itu ialah untuk mendorong setiap peminat membuat kajian dan rujukan. Salah sebuah akhbar yang mempunyai peranan hebat menyedarkan orang Melayu mengenai aspek-aspek sejarah serta politik ialah Majlis yang mula diterbitkan dalam bulan Disember 1931. Akhbar Jawi yang diterbitkan di Kuala Lumpur itu memainkan peranan hebat dan istimewa memperjuangkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu serta penubuhan PEKEMBAR atau UMNO dalam tahun 1946.

Apabila membuat kajian mengenai UMNO selama 10 tahun iaitu tahun 1946-1956 yang diterbitkan sebagai sebuah buku yang penuh maklumat, dapat saya memahami apa yang telah berlaku apabila UMNO ditubuhkan. Artikel-artikel yang ditulis itu begitu mantap dan penuh bermakna kerana mengeluarkan maklumat mengenai hasrat dan tujuan menubuhkan parti politik. Dalam buku itu terdapat gambar-gambar semua ahli-ahli jawatankuasa UMNO termasuk gambar ayah saya serta abangnya yang kedua-duanya ahli jawatankuasa paling awal bagi cawangan UMNO di Alor Setar. Seperti biasa saya senantiasa berharap buku tersebut dibaca dan dikaji oleh sesiapa yang ingin mengetahui mengenai penubuhan UMNO dan kepentingannya kepada bangsa Melayu.

Sebagai seorang yang bertugas di Arkib Negara selama 34 tahun saya mengeluarkan maklumat yang saya alami semasa di pejabat tersebut. Kepada saya bahan-bahan yang wujud itu amat menarik dan penuh bermakna. Kepada sesiapa yang betul-betul jujur untuk memperolehi maklumat tulen peluang menggunakan bahan-bahan arkib adalah amat penting dan tabah sekali.

Maklumat mengenai kewujudan *Malayan Union* pada 1 April 1946 telah saya keluarkan untuk mendedahkan apa yang telah berlaku selepas Perang Dunia Kedua di negara kita. Tindakan Harold MacMichael dengan Raja-raja Melayu memaksa mereka menandatangani penubuhan *Malayan Union* amat menyakitkan hati bangsa Melayu. Dato Onn dan rakan-rakan telah menggerakkan orang Melayu menentang *Malayan Union* sehebat-hebatnya. *Malayan Union* dianggap oleh orang Melayu di waktu itu sebagai "titik hitam dalam sejarah" apabila kita kehilangan kuasa di tanah air kita sendiri. Bila *Malayan Union* dibubarkan, Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan dengan pergabungan semua negeri sebagai persekutuan dengan pemberian semula kuasa kepada Raja-raja Melayu.

Saya telah membuat kajian mengenai bahan-bahan penulisan Melayu yang masih ada dan boleh dirujuk serta dikaji oleh sesiapa yang berminat. Bahan-bahan itu terdiri daripada suratkhobar dan majalah yang bermula daripada 1880an. Antara majalah yang mantap isi kandungannya ialah Mujallah Guru yang mula diterbitkan pada 1 November 1924. Antara penulis-penulis utamanya ialah Profesor Za'aba, profesor yang paling terkenal orangnya. Selain daripada menjadi pensyarah, beliau adalah penulis agung yang memberi perhatian sepenuhnya kepada orang Melayu. Beliau juga terlibat penuh dalam usaha-usaha menentang Malayan Union serta penubuhan UMNO.

Majalah 'Bulan Melayu' yang diterbitkan oleh Persekutuan Perempuan Melayu, Johor bermula pada 1 Jun 1930, adalah majalah pertama yang diterbitkan oleh wanita di atas usaha Ibu Zain, tokoh wanita yang masyhur dengan keupayaan menulis begitu hebat dan istimewa. Semua artikel dalam majalah itu penuh maklumat mantap dan mendorong pembaca memahami pelbagai perkara yang melibatkan tanggungjawab wanita. Kepada saya 'Bulan Melayu' adalah majalah unggul yang "terang cahayanya yang menghapuskan gelap-gelita kejahilan di alam Melayu."

Dalam tahun 1994 saya juga telah membuat kajian mengenai sekolah-sekolah di negara kita terutamanya di negeri Selangor dan Perak, semenjak 100 tahun yang lalu yang memberikan maklumat yang begitu menarik dan bermakna. Kajian yang saya lakukan saya keluarkan sebagai artikel pendek untuk menggerakkan minat pembaca yang ingin mengkaji dan menyelidik perkara yang amat bermakna kepada masyarakat kita.

Sebuah artikel yang ditulis mengenai keindahan Kuala Lumpur pada tahun 1926 memberi saya dorongan untuk mengeluarkan perkara-perkara termasuk bangunan-bangunan di bandar Kuala

Lumpur serta keindahan pemandangan di merata tempat yang penuh dengan bukit serta pokok-pokok yang begitu banyak jenisnya seperti yang terdapat di negara ini. Keindahan bukit-bukit dan pokok-pokok ditegaskan berkali-kali dengan harapan masyarakat akan menghayati kehebatan alam semulajadi yang begitu istimewa di negara kita.

Antara perkara-perkara yang saya baca dan mengeluarkan maklumatnya melalui tulisan mengenai Polis dan Penjara berasaskan kepada maklumat yang dikeluarkan pada tahun 1895 di Kuala Lumpur. Pasukan Polis di waktu itu mempunyai jumlah orang Melayu yang paling tinggi dengan dibantu oleh orang-orang Sikh. Laporan juga memaklumkan orang-orang yang dipenjarakan yang sebahagian besarnya adalah orang-orang Cina. Di waktu itu Ketua Polis adalah juga Ketua Penjara dan perhubungan yang rapat antara kedua-dua Jabatan itu wujud dari dulu hingga ke hari ini.

Membangkitkan mengenai kepentingan tulisan Jawi adalah pendirian asas saya. Sebuah artikel mengenai tulisan Jawi di-suratkhabar lama memberi harapan kepada saya untuk menggerakkan masyarakat kita mengenai kepentingan tulisan asas masyarakat Melayu. Saya merasa rusing sekali apabila bertemu dengan orang-orang kita yang tidak tahu Jawi. Saya menyoal mereka, tidakkah mereka merasa malu kerana tidak tahu tulisan asas kita yang begitu hebat dan istimewa. Harapan saya sepanjang masa tulisan Jawi ini mestilah diajar kepada setiap pelajar di sekolah sama seperti yang dilakukan sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi.

Dua penulis barat, Frank Swettenham dan R.J Wilkinson, telah menulis dalam tahun 1893 dan 1910 mengenai orang Melayu. Saya mengeluarkan beberapa perkara mengenai orang Melayu yang mereka menyatakan mereka kenal dengan begitu rapat.

Mereka mengeluarkan pelbagai perkara termasuk rupa paras, adat resam serta tingkah laku orang Melayu dari yang muda serta yang tua. Buku Frank Swettenham *'The Real Malay'* elok sekali dibaca oleh kita semua untuk mendapat tahu pandangan orang Barat terhadap masyarakat kita lebih 100 tahun yang lalu.

Dalam Mujallah Guru, Pak Za'aba telah menulis mengenai kewujudan agama Islam di Tanah Melayu dengan menyentuh mengenai Batu Bersurat yang mengandungi maklumat tentang agama Islam di negara ini pada tahun 1303 Masihi. Batu Bersurat itu dipinjamkan oleh Sultan Terengganu kepada Raffles Museum di Singapura. Pak Za'aba juga telah menulis bukti-bukti lain iaitu kubur orang-orang Islam semenjak tahun 1459 Masihi di merata tempat termasuk Melaka, Terengganu, Pahang dan Perak.

Untuk mendapat kemerdekaan tanah air dengan cepat sekali kita memperolehinya dalam suasana mesra dengan pihak penjajah British. Buku UMNO 10 Tahun yang diterbitkan pada tahun 1956 mengandungi maklumat yang berguna dan bermakna bagi sesiapa yang berminat mengetahui usaha-usaha pencapaian kemerdekaan melalui parti politik yang begitu ikhlas dan mantap pendiriannya.

Persediaan menyambut kemerdekaan terdapat dengan begitu banyak dalam akhbar bermula awal bulan Julai 1957. Pandangan daripada tokoh-tokoh politik dikeluarkan setiap hari dalam suratkhbar untuk menghebahkan mengenai kemerdekaan yang akan dicapai dan apa akan berlaku selepas negara merdeka. Persediaan menyambut kemerdekaan dilaporkan saban hari dengan harapan masyarakat dapat turut sama menyambut hari yang amat bersejarah kepada negara kita dan rakyat Malaysia. Para wartawan Melayu dalam akhbar masing-masing telah menyemai semangat dan perasaan kebangsaan kepada para pembaca. Sebulan sebelum negara menyambut Merdeka suatu kenyataan saheh

dibuat mengenai sambutan Kemerdekaan tanah air kita di Stadium Merdeka, tempat yang amat bersejarah yang dibina sempena Kemerdekaan negara kita. Laporan hari pengisytiharan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dikeluarkan sepenuhnya dalam suratkhbar Melayu. Apa yang telah dilakukan dan berlaku dilaporkan dengan begitu terperinci sekali dengan gambar-gambar yang diambil di tempat-tempat di mana sambutan diadakan.

Minat saya kepada kartun memang wujud semenjak dari kecil lagi kerana di rumah keluarga kami datuk dan ayah saya selalu memamerkan kartun-kartun yang penuh bermakna untuk memberi kami semua semenjak dari kecil lagi keupayaan memahami mesej-mesej hebat dalam kartun. Saya ada mengeluarkan sebuah buku berjudul "Senda, Sindir, Sengat" mengenai kartun-kartun lama semenjak tahun 1936. Kartunis masa lampu berani menyuarakan pendapat dan kesedaran jiwa yang diharap dapat memberi kesan mendalam kepada masyarakat.


Saya mengajak pelukis-pelukis kartun untuk mengeluarkan karya mereka supaya artikel-artikel yang dikeluarkan dalam buku ini dapat menghiburkan para pembaca. Mereka adalah pekartun-pekartun remaja yang mula melibatkan diri dalam lukisan kartun semasa di sekolah rendah lagi. Di negara kita memang terdapat pelukis kartun di merata tempat dan karya mereka amat istimewa, penuh dengan fakta-fakta yang dalam ertinya.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Rozely Khalid selaku penyunting buku ini dan kepada pelukis-pelukis kartun Md. Nazri Ismail dan Mohd Shuhaidi Ibrahim serta kepada Sharizan Mohd Saad dan Samsul Samat yang menaip artikel-artikel dalam buku ini.

Seperti biasa saya *dedicate* buku ini kepada suami yang dicintai Mohamed Nor Ismail, anak-anak yang dikasihi, Mukhlis, Farha dan Haiz serta menantu-menantu yang disayangi Aji Mil Amalia dan Rozely Khalid serta kepada cucu-cucu yang disayangi Leyla Mahirah, Raeda Hanis dan Fadia Jehan.

Zakiah Hanum

9 November 1997



Majalah Dan Suratkhbar Awal

Mengikut intepretasi masa lampau di Malaysia, 'majalah' ialah risalah atau surat berkalah yang dibukukan atau dijilid dan keluarannya ialah sebulan sekali, atau beberapa kali sebulan atau beberapa bulan sekali. Manakala suratkhbar pula adalah bahan-bahan yang diterbitkan di atas keping-keping kertas yang tidak banyak helai lambarannya tetapi besar saiznya dengan isi kandungannya mengenai perkara-perkara yang berlaku setiap hari sama ada berlaku dalam negeri atau luar negeri. Beritanya termasuklah mengenai peperangan, hal-hal mesyuarat, perniagaan serta kejadian-kejadian ganjil. Kandungan majalah meliputi "rencana-rencana dan huraian-huraian mengajak, memimpin dan mengasuh kaum dan bangsa kepada kemajuan dan tamadun serta mengingat dan menjagakan kaum yang lalai supaya jangan tercebur ke dalam lembah kehinaan dan sengsara kehidupan". Terdapat juga karangan-karangan yang membangkitkan perasaan kaum terhadap kemajuan hidup di dunia di samping cerita-cerita yang menggelikan hati para pembaca. Di setiap majalah pasti ada pantun dan syair yang begitu pelbagai topiknya.

Pandangan mengenai suratkhbar dan majalah yang ditulis dalam tahun 1924 mengenengahkan situasi membaca di kalangan masyarakat Melayu yang membuktikan kurang daripada 20% yang suka dan gemar membaca, walaupun kebanyakan daripada mereka yang berusia di bawah 40 tahun boleh membaca dan menyurat. Oleh kerana kurangnya 'peminat' kepada akhbar-akhbar dan majalah ini, maka kebanyakan daripadanya tidak lama umurnya seperti yang terdapat di negeri-negeri maju dan bertamadun.

Huraian yang dibuat mengenai sebab orang Melayu tidak suka membaca termasuklah situasi kemiskinan. Walaupun terdapat

mereka yang tahu membaca tetapi tidak pula mampu melanggan atau membeli bahan-bahan bacaan. Terdapat juga situasi di mana mereka tidak menyedari faedah membaca oleh kerana mereka jarang atau tidak rajin membaca. Di samping itu ada pula mereka yang tidak faham membaca kerana karangan-karangan dalam majalah dan suratkhobar dihiasi dengan perkataan-perkataan “yang tinggi ibaratnya dan berbelit-belit tujuan maksudnya.” Gaya bahasa yang tinggi ini sudah pasti menimbulkan kesukaran bagi mereka yang rendah taraf pendidikannya. Dengan kurangnya jumlah mereka yang berkebolehan membaca mencetuskan kesimpulan orang luar bahawa masyarakat kita belum jauh kemajuannya kerana kemajuan sesuatu bangsa dan negara ditafsirkan daripada banyak serta tingginya bahan-bahan bacaan di dalam negeri.

Antara majalah-majalah dan suratkhobar Melayu yang paling awal diterbitkan dalam kurun ke-19 dan awal 20 termasuklah:

1. “Jawi Peranakan”, diterbitkan di Singapura seminggu sekali bermula tahun 1887. Ini ialah suratkhobar Melayu yang pertama di Tanah Melayu. Suratkhobar ini hidup selama 19 tahun iaitu tamat penerbitan pada tahun 1895.
2. “Sekolah Melayu”, juga diterbitkan di Singapura, seminggu sekali bermula Ogos 1888 dan tamat 1889.
3. “Tanjung Penegeri”, diterbitkan di Pulau Pinang, dua kali seminggu selama satu tahun bermula Oktober 1894.
4. “Jajahan Melayu”, diterbitkan di Taiping, seminggu sekali daripada November 1896 selama dua tahun.
5. “Warta Kerajaan Perak”, diterbitkan di Taiping, sebulan sekali selama dua tahun bermula 1897.

6. "Lingkungan Bulan", diterbitkan seminggu sekali di Pulau Pinang bermula Mei 1900 selama satu tahun.
7. "Jambangan Warta", diterbitkan seminggu sekali di Batu Gajah, Perak bermula Jun 1901 selama satu tahun.
8. "Cahaya Pulau Pinang", suratkhbar seminggu sekali diterbitkan di Pulau Pinang daripada tahun 1899 dan tamat dalam tahun 1906.
9. "Majalah Al Khazinatul-Ulum", diterbitkan di Kuala Kangsar sebulan sekali selama satu tahun bermula tahun 1904.
10. Suratkhbar "Tanam Pengetahuan", diterbitkan di Singapura seminggu sekali, lahir pada Jun 1904 dan tamat selepas empat tahun.
11. "Majalah Al-Imam", diterbitkan sebulan sekali di Singapura bermula Julai 1906 selama tiga tahun.
12. "Utusan Melayu", Singapura, mula-mula diterbitkan tiga kali seminggu, kemudian tiap-tiap hari bermula daripada 1907 dan tamat setelah 15 tahun (1921). Akhbar ini kemudian diterbitkan di Kuala Lumpur.
13. "Neracha", dikeluarkan seminggu sekali di Singapura bermula 1910 selama empat tahun.
14. "Majalah Tunas Melayu", diterbitkan sebulan sekali, juga di Singapura daripada tahun 1912 selama satu tahun.
15. "Suara Perniagaan" merupakan majalah yang diterbitkan di Singapura, selama satu tahun. Tarikh bermula tidak diketahui.

16. "Lidah Teruna", majalah diterbitkan di Muar dua kali sebulan bermula Jun 1920 dan tamat dalam jangka waktu beberapa bulan.
17. "Majalah Al-Kitab" diterbitkan September 1920 di Kelantan sebulan sekali dan tahan selama enam bulan sahaja.

Terdapat empat lagi akhbar yang diterbitkan dalam tahun 1890-an juga dalam waktu yang singkat. Nama akhbar-akhbar ialah Seri Perak, Bintang Timur, Nujumul Fajar dan Syamsyul Qamar. Daripada maklumat-maklumat ini dapat dirumuskan bahawa penerbitan-penerbitan itu amat pendek usianya melainkan suratkhbar Jawi Peranakan yang telah wujud selama 19 tahun. Salah satu sebab mengapa singkat usia penerbitan-penerbitan itu membuktikan kekurangan pelanggan yang dapat dikaitkan sedikit sebanyak dengan masalah perolehan bahan-bahan itu. Kebanyakkan suratkhbar dan majalah-majalah itu diterbitkan di negeri-negeri Selat seperti di Singapura atau Pulau Pinang dan sudah pasti perolehan bahan-bahan itu bagi mereka yang tinggal di negeri-negeri begitu sukar sekali.

Sebahagian daripada bahan-bahan di atas disimpan di Arkib Negara dan kerap digunakan oleh para penyelidik. Maklumat yang tersiar di dalamnya amat menarik sekali dan dapat memberi setiap pembaca gambaran tentang keadaan di Tanah Melayu lebih seratus tahun yang lalu. Walaupun sebahagian besar daripada berita-berita yang disiarkan adalah daripada luar negeri, maklumat-maklumat mengenai negara kita termasuk iklan-iklan, sedikit sebanyak dapat menggambarkan suasana di negara kita pada sesuatu ketika di masa lampau.

Harapan saya mengeluarkan maklumat dan nama-nama suratkhbar dan majalah lama ini ialah untuk menggerak para pembaca mengkaji bahan-bahan tersebut yang disimpan buat selama-lamanya di Arkib Negara Malaysia. Bagi sesiapa yang mambaca suratkhbar dan majalah lama akan mereka memperolehi maklumat dan fakta mengenai apa yang berlaku di negara kita di zaman silam.

20 Februari 1994.



SULAT KABAL LAMA

Usaha Dan Perjuangan Akhbar Majlis

Di negara kita media massa terutamanya akhbar dan majalah, telah memainkan peranan penting semenjak awal kurun ini dalam memperjuangkan hak-hak orang Melayu serta kebebasan dan kemerdekaan tanahair. Perjuangan ini berdasarkan kepada "kesedaran di kalangan *intelligensia* Melayu dan para wartawan serta penulis mengenai keadaan orang Melayu yang serba terbiar itu. Oleh kerana susunan pentadbiran Tanah Melayu pada ketika itu berbeza dari satu negeri ke negeri yang lain, maka orang Melayu pada umumnya belum lagi bersatu dan perasaan interaksi di kalangan masyarakat begitu terhad; setiap negeri memberi perhatian kepada halnya sendiri. Begitulah juga dengan perhubungan masyarakat yang *restrictive* sekali seolah-olah ada satu sistem "kasta yang membeza-bezakan rakyat".

Orang-orang atasan amat sukar menerima orang bawahan yang dianggap rendah dalam apa jua keadaan. Orang bandar memandang orang kampung dengan pandangan rendah sehingga orang kampung sendiri yang merupakan sebahagian besar daripada penduduk Melayu pada ketika itu, merasa amat terpencil kerana hidup dalam situasi serba kekurangan hinggakan mereka menjadi "takut" dan "malu" untuk melakukan sesuatu. Sikap dan prejudis ini lama kelamaan telah melemahkan taraf dan kedudukan orang Melayu dalam negerinya sendiri. Tambahan pula sikap pemerintah Inggeris terhadap orang Melayu sama-sekali tidak membantu untuk memperbaiki keadaan itu. Meskipun terhadap pegawai-pegawai British ada yang berminat untuk membantu orang Melayu, jumlahnya terlalu kecil sekali. Ramai di antara orang-orang British menganggap orang Melayu tidak berguna dan membawa 'beban kepada masyarakat'. Dalam memperhitungkan kepentingan Kerajaan British dan kehendak-kehendak

ekonominya, Kerajaan British di Tanah Melayu pada ketika itu mengamalkan dasar 'pintu terbuka' untuk menerima kemasukan orang-orang asing, terutamanya dari China dan India, untuk menguruskan bidang perlombongan bijih timah serta industri getah.

Jika kita membaca karya-karya penulis British masa lampau, ada yang memberikan gambaran yang tidak menyenangkan mengenai orang Melayu, dikatakan orang Melayu malas, suka berhutang tetapi tidak suka membayar dan bermacam-macam lagi tohmahan. Tetapi siapa pun tidak pernah mencabar atau menulis perkara-perkara yang sebenarnya. Kalau ada pun ditulis hanya terdapat dalam akhbar-akhbar atau majalah-majalah Melayu. Itulah kita orang Melayu, terlalu baik, tertib dan bersopan.

Melihat kepada situasi masyarakat Melayu yang kian dhaif keadaannya bermula dari tahun 1920-an dan seterusnya, para pejuang kebangsaan dan cerdik pandai Melayu berfikir dan berikhtiar untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang menular itu. Mereka menggunakan forum media cetak, khususnya akhbar dan majalah, untuk menyuarakan pendapat supaya timbul kesedaran tentang nasib dan masa depan orang Melayu. Inilah sahaja media yang ada pada ketika itu yang dapat memainkan peranan yang benar-benar diperlukan itu.

Akhbar Majlis diterbitkan di Kuala Lumpur bermula 17 Disember 1931 oleh hartawan terkenal Mohd Amin Yusof (atau Nakhoda Soh). Akhbar itu memainkan peranan penting memperjuangkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu. Keberkesanan sumbangannya ialah dari segi keupayaannya mengubah sikap, cara berfikir dan rasa kesedaran di kalangan masyarakat Melayu untuk menubuhkan barisan bertindak kebangsaan yang berjaya menumpaskan gagasan Malayan Union. Peranan akhbar Majlis yang terakam dalam sejarah ialah

penglibatannya dalam penubuhan UMNO atau PEKEMBAR (Penubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) dalam tahun 1946.

Para wartawan akhbar Majlis telah meniupkan semangat kesedaran politik dengan membentangkan sesuatu isu secara bertubi-tubi; setiap penulis mengingatkan dan membangkitkan kesedaran di kalangan para pembacanya. Pendek kata pendekatan yang digunakan dengan berulang kali membangkitkan sesuatu isu, didapati amat berkesan sekali dan telah mengembelingkan kekuatan orang Melayu hingga menjadi satu barisan tenaga yang begitu kukuh. Pemerintah yang selama ini telah mengenepikan orang Melayu telah mula celik dan sedar serta gusar dengan kebangkitan semangat Melayu itu.

Akhbar Majlis telah membentangkan pendapat dan pendiriannya melalui rencana pengarang yang ditulis setiap hari dengan gaya tegap dan menyentuh perasaan. Adakalanya rencana pengarang telah memuatkan makalah-makalah yang ditulis oleh orang ramai, samada yang memakai nama sendiri atau nama samaran. Pandangan-pandangan yang disampaikan kerap kali lantang tetapi jujur dan menyuarakan perasaan yang telah lama terpendam di sanubari orang Melayu.

Gelanggang atau forum yang disediakan oleh akhbar Majlis telah membolehkan orang ramai menulis mengenai permasalahan tertentu yang meliputi hal-hal politik, ekonomi dan pelajaran. Orang Melayu telah mulai sedar bahawa mereka tertinggal jauh dalam lapangan ekonomi dan pelajaran. Hampir setiap hari perkara-perkara itu ditimbulkan dan dibincang serta dikupas dan dihalusi sehingga kesedaran menjadi nyata. Perkara-perkara itu juga telah menjadi tajuk utama di mesyuarat-mesyuarat dan perbincangan serta di persidangan politik di peringkat awal penubuhan UMNO. Sebelum itu bidang politik, ekonomi dan pela-

jaran tidak pernah menyuarakan sesuatu mengenainya. Hal-hal politik dianggap seperti 'momok' dan menakutkan mereka. Pemerintah juga tidak menggalakkan hal-hal itu disentuh; sesiapa yang membicarakan hal-hal politik dan kebangsaan "dicekup mulutnya" dan ditahan dengan sewenang-wenangnya.

Peranan akhbar Majlis yang paling istimewa dan berkesan di dalam perjuangan kebangsaan Melayu ialah selepas perang dunia kedua, iaitu mulai bulan Oktober 1945 apabila akhbar Majlis kembali 'mengibarkan benderanya'. Akhbar itu mendapati dirinya berada di tengah pergolakan politik tanahair apabila maruah dan hak ketuanan Melayu tercabar. Sebagai akhbar yang biasa dan ghalib dengan isu kebangsaan, Majlis mendapati keadaan genting itu bukan sesuatu yang sukar diatasi. Akhbar itu bukan sekadar menggerakkan pendapat dan padangan orang ramai tetapi menganjurkan kongres, persidangan dan mesyuarat serta menjadi urusetia kepada usaha memungut derma kebangsaan. Peranan yang dijalankan oleh akhbar Majlis bukan kecil ertinya di dalam menyemarakkan perasaan kebangsaan dan menyebarkan seruan, adakalanya secara memujuk, untuk membangkitkan kesedaran terhadap bencana yang mengancam "kedudukan orang Melayu di tanahair sendiri". Sesungguhnya mereka yang melibatkan diri dalam gerakan kebangsaan telah membuktikan '*comittment*' yang luar biasa. Keupayaan mereka menghadapi suasana dan kesukaran di saat-saat negara dalam pulihan selepas perang adalah yang mengkagumkan. Banyak yang perlu dikorbankan—masa, tenaga, pemikiran—bahkan wang ringgit yang tidak begitu banyak di dalam aliran pusingan pada waktu itu. Dipandang dalam retrospek jelaslah pemimpin-pemimpin pada masa itu berjuang dengan hati yang suci dan ikhlas untuk kepentingan bangsa dan negara.

Peranan akhbar Majlis dalam melaksanakan penubuhan Kongres Kebangsaan Melayu Se Malaya pada 1 hingga 3 Mac 1946 di Kuala Lumpur tercatat kekal dalam sejarah penubuhan UMNO. Akhbar Majlis yang bertindak sebagai urusetia pungutan derma Kongres berikhtiar dengan membuat rayuan hampir setiap hari kepada orang ramai melalui rencana pengarangnya. Seruan-seruan itu tidak sia-sia kerana '*response*' datang dengan mencurah-curah dari orang ramai. Derma diterima dari segenap lapisan masyarakat, dari yang berupaya hingga yang tidak berupaya. Yang susah turut menderma tetapi secara berkongsi. Setiap hari disiarkan nama penderma satu persatu; ada yang menderma beratus ringgit dan ada pula yang berpuluh sen. Nama-nama itu tercatat di dalam akhbar dan pada pandangan saya perlu sekali diketahui oleh setiap ahli UMNO sekarang dan masa depan. Semua yang membuat sumbangan berhasrat penuh untuk membantu membangunkan satu usaha bagi kepentingan bangsa.

Pada ketika Kongres Kebangsaan Melayu Se Malaya diadakan, derma yang terkumpul ialah RM 12,000 dan setelah selesai Kongres dan UMNO diwujudkan, derma tersebut dijadikan pula derma kebangsaan untuk keperluan-keperluan awal Parti Politik yang masih muda itu. Dari masyarakat Melayulah sumbangan derma diterima dari serendah-rendahnya hingga setinggi-tingginya. Mereka merasai bahawa adalah kewajipan mereka menyumbang kepada sebuah Parti Politik yang dianggap sebagai satu badan pembela bangsa Melayu. Setiap yang menderma tidak menyangka nama mereka terakam di lambaran akhbar Majlis bersaing dengan laporan-laporan Kongres Kebangsaan Melayu Se Malaya dan berita mengenai penubuhan UMNO dan perjuangan orang Melayu yang disiarkan pada hari-hari yang bersejarah itu.

Di saat-saat terakhir sebelum terbentuknya Malayan Union, satu Kongres tergempar telah diadakan pada 30 dan 31 Mac 1946 untuk mencari jalan dan ikhtiar menumpaskan penubuhan Malayan Union. Kongres tergempar itu telah diadakan di pejabat Majlis di 157 Batu Road, Kuala Lumpur (Jalan Tuanku Abdul Rahman). Salah satu ketetapan penting dibuat di Kongres tergempar itu ialah meminta supaya orang Melayu bergabung sebagai bantahan keras terhadap Malayan Union. Antara ketetapan-ketetapan yang lain di Kongres yang penting itu ialah boikot oleh Rajaraja semasa upacara perlantikan Gabenor Malayan Union yang dijalankan pada 1 April 1946.

Akhbar Majlis terus memainkan peranannya dalam melaporkan setiap peristiwa yang berlaku mengenai Malayan Union dengan memaparkan keburukannya. Pandangan daripada pesara-pesara British yang berada di London yang menentang Malayan Union juga disiarkan sepenuhnya untuk membuktikan rasa simpati mereka terhadap negara yang mereka ketahui dan rakyat yang mereka kenali. Pandangan-pandangan mereka amat berkesan dan berupaya memberi orang Melayu satu keyakinan bahawa perjuangan mereka akan berjaya akhirnya. Makalah-makalah dan surat-surat tempatan yang meluahkan perasaan anti-Malayan Union juga disiarkan pada saban hari. Liputan mengenai Missi Gammans dan Rees-Williams dibuat secara terperinci dan begitu juga mengenai setiap persidangan dan rapat umum yang diadakan dari bandar ke bandar. Dalam pada itu disiarkan juga berita mengenai perjuangan rakyat Indonesia terhadap kemerdekaan tanahair mereka. Berita itu yang merangsang perasaan orang Melayu untuk berjuang, telah membuktikan betapa eratnyanya pertalian di antara rakyat Tanah Melayu dengan rakyat Indonesia. Hakikat ini amat membimbangkan Kerajaan British dan telah sedikit sebanyak mempengaruhi pertimbangan mereka untuk menghapuskan Malayan Union setelah 21 bulan diwujudkan.

Pendek kata, akhbar Majlis dan pejabatnya bergelumang penuh dengan detik-detik sejarah dan usaha-usaha menghapuskan Malayan Union sepanjang jangkamasa rancangan itu dipaksa ke atas negeri Melayu. Peranan dan sumbangan akhbar itu terhadap perkembangan politik tanahair, terutamanya di kalangan orang Melayu, menepati hasrat dan aspirasinya. Sumbangan Majlis sebagai akhbar yang berjiwa kebangsaan tercatat dalam sejarah perjuangan orang Melayu dan sejarah penubuhan parti politik yang terbesar di tanahair iaitu UMNO.

Di kalangan orang Melayu yang cintakan bangsa dan negara, akhbar Majlis sentiasa dikenang kerana sumbangan jasa dan taburan baktinya dalam menyemarakkan semangat kebangsaan dan meniupkan kesedaran politik di kalangan orang Melayu terutamanya untuk menggerakkan mereka menubuhkan satu barisan bertindak yang menjadi parti politik yang terbesar dan kukuh di negara ini.

Harapan saya sesiapa yang ingin mengetahui mengenai kesedaran politik di tanahair kita harus membaca akhbar Majlis yang bertulisan Jawi yang mengandungi maklumat-maklumat yang jelas, hebat dan nyata.

7 Mei 1994.

CIKGU...
HITAM PUTIH TU
APA MAKSUD NYA.



HITAM PUTIH TU
ERTINYA ORANG HITAM
DAN ORANG PUTIH
(INDIA & CINA)



Hari-hari Awal UMNO

Pada 1 September 1956, satu tahun sebelum negara merdeka, Encik Senu Abdul Rahman (Tan Sri), selaku Setiausaha Agung UMNO Malaya, dalam **Buku UMNO 10 Tahun 1946-1956**, telah menyuarakan hasrat supaya segala maklumat yang termaktub dalam buku itu dapat "menolong meringankan pekerjaan ahli-ahli sejarah di masa akan datang dengan bahan-bahan yang penting, berguna dan benar dalam masa mereka menyelidik dan memungut bahan-bahan untuk menciptakan sebuah buku sejarah Tanah Melayu yang sebenar-benarnya dan yang sunyi dari bau penjajahan dan pengaruh-pengaruh asing" (Senu: 1956). Kepada beliau fakta-fakta tulen merupakan bahan-bahan yang amat berguna untuk kajian dan rujukan bagi memastikan setiap maklumat yang diperolehi adalah benar dan sah.

Semasa menyambut usia sepuluh tahun, ahli-ahli UMNO begitu gembira dan bangga kerana parti yang mereka anggotai berjaya di dalam perjuangan-perjuangan selama 10 tahun itu. Untuk menulis pada kali ini saya menggunakan buku UMNO 10 tahun kepunyaan ayah saya, Allayarham Haji Abd. Hamid Hassan, Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Kedah Utara dari peringkat awal penubuhannya dan saya masih ingat lagi betapa komitednya ayah saya terhadap perjuangan parti itu sama seperti ahli-ahli UMNO di seluruh negara di waktu itu. Mereka semua rela berkorban bagi kepentingan parti yang amat bermakna kepada orang Melayu. UMNO dianggap sebagai sebuah benteng yang kukuh dan gagah perkasa untuk mempertahankan dan memperjuangkan hak kedaulatan dan kemuliaan orang Melayu. Parti itu telah mencapai kejayaan gemilang dan merupakan "satu parti politik dunia yang terkemuka, disegani dan dihormati" (Senu: 1956). Dengan kejayaannya merobohkan Malayan Union, UMNO bukan sahaja

dapat mempertahankan hak Raja-raja dan rakyat jelata Melayu tetapi telah meniup kembali semangat kemuliaan, ketuanan dan keberanian orang Melayu di negara ini. Dengan peranan baru ini orang-orang Melayu dapat “mengemudikan bahtera untuk terus menerus menempuh lautan dan gelombang, ribut dan taufan di sepanjang-panjang pelayaran menuju ke pantai Malaya bahagia dan Merdeka” (Senu: 1956).

Sebagai badan siasah, UMNO ditubuhkan untuk orang Melayu menentang *Treaty* MacMichael yang telah mengasaskan penubuhan Malayan Union. Kerajaan Malayan Union ditubuhkan pada 1 April 1946 tetapi telah dibubarkan dan digantikan dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Sebagai tindakan menentang pengisytiharan Malayan Union, Dato' Onn Jaafar telah memanggil Kongres Melayu bersidang secara tergepar pada 29 dan 30 Mac 1946 untuk memisahkan sikap rakyat terhadap Malayan Union yang dilaksanakan secara paksa itu. Kongres itu diadakan pada hari pertama di pejabat akhbar Majlis dan hari kedua di Penang Peranakan Club, Kuala Lumpur. Untuk mempengerusikan Kongres itu nama Tunku Abdul Rahman telah dicadangkan tetapi beliau telah menolak cadangan itu dan akhirnya Kongres itu dipengerusikan oleh Dato' Onn. Antara keputusan Kongres ialah meminta orang Melayu memulaukan istiadat melantik Gabenor Malayan Union, memohon Raja-raja supaya tidak menghadiri majlis perantikan Gabenor itu dan meminta ahli-ahli Melayu yang menduduki Majlis-majlis Mesyuarat Negeri, *Settlement* atau *Federal* memulaukan majlis itu.

Semasa istiadat melantik Gabenor Malayan Union, Sir Edward Gent pada 1 April 1946, beribu-ribu orang Melayu yang memakai tanda berkabung iaitu melilitkan kain putih di songkok

selama 7 hari, telah berkumpul dan berasak-asak di hadapan Stesyen Hotel, Kuala Lumpur, tempat di mana Raja-raja bersemayam pada hari itu. Orang-orang yang berhimpun itu dengan penuh semangat dan perasaan telah bertempelak sorak menyeru "Daulat Tuanku". Bunyi sorak itu begitu hebat dan menyentuh perasaan Raja-raja yang keluar berhadapan dengan mereka. Perasaan kasih mesra dan semangat kerjasama di antara Raja dengan rakyat kelihatan dengan terangnya dalam perjumpaan yang amat bersejarah itu. Raja-raja Melayu yang menyaksikan rakyat datang berduyun-duyun dengan semangat yang menyala telah berasa pilu dan sayu hingga kelihatan Raja-raja mencururkan air-mata tanda suka bercampur duka.

Selepas tertubuhnya Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948, UMNO telah mula pula menghadapi masalah kerana Yang diPertuanya, Dato' Onn Jaafar, bercadang membubarkan UMNO dan menubuhkan sebuah parti yang tidak bercorak perkawman. Ini tidak disetujui oleh ramai ahli dan Dato' Onn sendiri telah keluar dari UMNO dan menubuhkan *Independence of Malaya Party (IMP)*. Penubuhan *IMP* telah memeranjatkan ramai ahli UMNO yang mendengar bahawa UMNO dikatakan akan mati dalam jangkawaktu 6 bulan. Ada pula yang berkata "tak usahlah kita berjuang lagi". Tetapi bagi mereka yang taat setia dan memandangkan UMNO sebagai parti kebangsaan Melayu yang tunggal, mereka tetap berdiri teguh dan "kalau UMNO mati bersamasamalah kami". Maklumat itu disampaikan oleh Tunku Abdul Rahman Putra (Almarhum) selaku Yang diPertua UMNO dan Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada 30 Jun 1956 semasa menulis kata-kata aluan sempena sambutan UMNO 10 Tahun.

Tunku memaklumkan bahawa Dato Abdul Razak (Allahyarham) telah menulis surat kepadanya memintanya

menerima jawatan Yang diPertua UMNO apabila Dato' Onn meletakkan jawatan. Tunku memberi persetujuan tetapi dengan syarat "orang-orang seperti Dato Abdul Razak mahulah bersama". Tunku telah menerima surat daripada *Malayan Graduates Association*, London, yang "mendesak saya terima jawatan Yang diPertua sambil memberi pengakuan hendak menyokong saya". Tetapi semasa mengundi calon untuk Yang diPertua yang diadakan di Persidangan Agung UMNO di Kuala Lumpur pada bulan Ogos 1957, ada juga wakil-wakil yang mengundi calon lain. Walau bagaimanapun Tunku telah menang. Di kala itu Tunku berasa bimbang atas kelayakannya menjadi Yang diPertua sebuah penubuhan siasah yang paling besar dalam negara ini. Tetapi dengan adanya pemimpin-pemimpin seperti Dato Abdul Razak dan ketua ahli-ahli UMNO serta rakyat jelata yang menaruh kasihan kepadanya serta "berpakat menolong, menjaga dan mengasuhnya", maka dapatlah Tunku menjalankan tugasnya dengan yakin dan sempurna. "Mula-mula saya belajar merangkak, kemudian belajar berjalan dan akhirnya baru belajar berlari," kata Tunku dengan penuh kerendahan hati.

Menurut Tunku "orang-orang Melayu yang bukan ahli UMNO telah menyokong juga perjuangan UMNO bagaimana yang kita telah saksikan dalam keputusan pilihanraya". UMNO telah berikhtiar membalas budi orang-orang yang menyokongnya dengan memberi pertolongan atas apa-apa sahaja mereka kehendaki. Harapan Tunku ialah beliau yakin bangsa kita boleh selamat dan maju dengan jayanya. Inilah juga doa kita semua yang kasih dan sayangkan bangsa dan negara kita.

9 Ogos 1994.



HAI ... 



DIA INGAT
DIA HANDSHOME
SANGAT...
MOTO PUN KAPCHAI
AJE...

NABER

Apresiasi Sejarah Menerusi Bahan-Bahan Arkib

Semenjak mendampingi diri dengan bahan-bahan arkib selama lebih 33 tahun di Arkib Negara saya rasa bertuah sekali kerana dapat melihat sejarah dengan pandangan terbuka melalui penggunaan bahan-bahan asal yang begitu tulen dan sah faktanya. Mendampingi diri dengan maklumat-maklumat asal daripada beribu-ribu juta dokumen memberi saya dorongan menghargai sejarah sepenuhnya. Peluang ini menggerakkan saya menghayati segala aspek sejarah terutamanya sejarah lama yan melibatkan masyarakat negara kita.

Melihat kepada bahan-bahan asal sejarah, kita merasai betapa lengkapnya rentetan sejarah negara kita, betapa hebatnya tradisi dan budaya kita dan betapa inovatif dan kreatif masyarakat kita. Maklumat ini terakam dan tercatat dalam sejarah dan terpujulah kepada kita masyarakat asal negara ini untuk melihat, menilai serta menghayati dengan setulus-tulusnya asal dan tulen. Bahan-bahan maklumat asal itu membuktikan keadaan sebenarnya di negara kita di mana jua kita berada. Bukti-bukti itu, apabila dilihat dan dinilai dengan minda yang terbuka dan perasaan tulus, dapat memberikan kita keupayaan menghargai sepenuhnya sejarah kita. Selama ini ramai di kalangan masyarakat kita melihat sejarah semata-mata menerusi hasil karya penulis-penulis dan sejarahwan luar negeri sahaja.

Penulis-penulis ini umumnya menilai sesuatu perkara berasaskan interpretasi dan fahaman mereka sendiri. Tetapi juga penulis-penulis tempatan yang menerima penuh kenyataan daripada penulis-penulis luar dengan mengutip maklumat-maklumat tersebut dan memasukkan ke dalam karya-karya mereka pula. Karya-karya jenis inilah yang ada dengan banyaknya dan

digunakan oleh mereka yang perlukan data dan maklumat mengenai sejarah kita. Memang ada banyak aspek sejarah kita yang berhubung rapat dengan perjalanan hidup kita tetapi tidak mudah bagi mereka yang bukan warganegara kita memahami dan menghayati apa yang wujud itu. Dalam menilai karya-karya penulis luar itu saya kerap mendapati interpretasi elemen-elemen sejarah yang dibuat oleh mereka tidak seimbang dengan fakta sejarah kita yang sebenarnya. Orang-orang Barat umumnya dapat melihat sejarah mereka dengan tepat dan mantap kerana mereka faham dan memahami aspek-aspek budaya yang menjadi sejarah mereka. Orang Barat selalunya membuat rumusan mengenai sejarah timur dari pandangan mereka sendiri. Jadi berapa lama sekalipun mereka berada di timur, serta mendampingi tradisi dan budaya timur, sukar bagi mereka menghayati sepenuhnya apa yang wujud dan berlaku di kalangan masyarakat timur.

Semasa saya di sekolah dalam tahun 40 an dan 50 an, saya mempelajari matapelajaran sejarah untuk memenuhi keperluan kurikulum sekolah dan untuk lulus dalam Cambridge School Certificate. Sejarah yang kami pelajari di waktu itu lebih banyak melibatkan sejarah dunia; sejarah Tanah Melayu digambarkan dengan begitu malap sekali. Berasaskan suasana yang agak membosankan ini, minat dan penghayatan saya terhadap sejarah negara kita amat cetek sekali. Saya tidak dapat memahami dan menghayati apa yang berlaku dalam sejarah kita dan selalu merasai subjek sejarah itu membosankan. Pada keseluruhannya sejarah dibentangkan dalam bentuk rentetan peristiwa sahaja. Kepada saya sejarah yang dilihat sebagai rentetan peristiwa semata-mata tidak menyeronokkan. Walaupun di waktu itu tidak ramai para pelajar yang mudah bosan atau '*boring*' seperti sekarang, penghayatan terhadap sejarah bagi pelajar-pelajar umumnya tidak begitu menyenangkan. Kepada kami mempelajari sejarah sebagai satu matapelajaran seelok-elok sahaja pelajaran Tingkatan Lima selesai.

Saya memasuki bidang arkib dalam tahun 1961 setelah tamat pengajian di peringkat universiti. Saya berminat untuk bertugas di Arkib Negara kerana jabatan itu bertanggungjawab mengenai pemeliharaan bahan-bahan asal berkaitan dengan sejarah negara kita. Harapan saya dengan bertugas di Arkib Negara dapat saya melihat fakta-fakta sebenarnya mengenai sejarah negara kita. Bermula dari waktu itu timbullah kesedaran dan penghayatan saya terhadap sejarah negara kita. Selama bertugas di Arkib Negara, hubungan saya dengan bahan-bahan dan dokumen-dokumen asal yang ada kepentingan kepada sejarah begitu rapat dan erat sekali. Peluang mengkaji dan menilai bahan-bahan arkib membuat saya merasa betapa hebatnya sejarah negara dan bangsa kita dan betapa unggul dan hebatnya budaya dan resam hidup kita. Seandainya saya tidak mendampingi diri dengan bahan-bahan arkib, mungkin saya tidak dapat menghayati atau menghargai apa yang berlaku dalam sejarah serta hubungkaitnya dengan pembangunan negara. Melihat sejarah menerusi bahan-bahan asal dan fakta-fakta asas atau bahan-bahan arkib begitu hebat dan bermakna sekali. Kepada saya membaca dan mengkaji bahan-bahan asal mengenai sejarah, melihat gambar-gambar asal mengenai sesuatu peristiwa, menyaksikan filem mengenai sesuatu upacara yang penting atau mendengar rakaman ucapan serta bualan tokoh-tokoh sejarah membuat saya melihat masa lampau itu sebagai ketika yang mantap dan hebat perjalanannya.

Saya amat bersyukur dan gembira sekali apabila mendapat tahu pelajar-pelajar sekolah menengah sekarang disyaratkan menjalankan kajian sejarah dengan menggunakan bahan-bahan asal. Arkib Negara sekarang menerima lebih sepuluh ribu penyelidik setiap tahun berbanding dengan satu atau dua ribu penyelidik sebelum ada program kajian ini. Memanglah hasrat Arkib Negara untuk menjadikan masyarakat kita warganegara yang gemar menjalankan kajian dan penyelidikan. Masyarakat seperti itu dirasai

bertanggungjawab dan berwibawa dalam menangani isu-isu hidup. Mereka yang menulis berasaskan fakta pasti melakukan kerja masing-masing dengan penuh keyakinan dan tidak merasa runting atau gementar seandainya karya mereka dikritik atau disoal oleh sesiapa.

Saya berpeluang berinteraksi dengan pelajar-pelajar muda yang telah menggunakan bahan-bahan arkib sebagai bahan kajian dan rujukan. Saya begitu gembira sekali kerana mereka pintar berfikir dan dapat mengeluarkan pandangan dan buah fikiran dengan yakin dan ikhlas. Mereka melihat sejarah dengan pandangan yang terbuka dan memberangsangkan sambil mengeluarkan fakta-fakta unggul yang mengkagumkan. Semasa bercakap dengan mereka ingatan saya kembali ke waktu-waktu lampau apabila saya pernah berbicara dengan pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang sejarah peringkat '*tertiary*' yang kebanyakannya telah lupa kepada fakta-fakta sejarah seelok-elok sahaja mereka tamat belajar. Mereka yang belajar sejarah dengan senangnya telah lupa kepada pelajaran yang diperolehi dan mereka tidak pula menghayati ilmu dan maklumat yang mereka telah pelajari itu. Pada pandangan saya kalaulah pelajar-pelajar itu dibimbing dan diajar menggunakan bahan-bahan asal dalam perolehan maklumat, mungkin mereka boleh menjadi kumpulan individu yang sama kepintarannya dengan pelajar-pelajar muda yang saya telah berinteraksi itu.

Pada 14 Oktober 1994 saya berpeluang berdialog dengan guru-guru pelatih yang mempunyai pengkhususan dalam matapelajaran sejarah. Mereka berminat sekali menggunakan bahan-bahan asal dalam kajian dan rujukan fakta-fakta sejarah. Kepada saya ini adalah kumpulan yang istimewa kerana mereka mahu mendekati diri dengan fakta sejarah berasaskan bahan-bahan arkib. Harapan Akrib Negara ialah supaya setiap guru sejarah di

sekolah-sekolah dapat merapatkan diri dengan bahan-bahan asal atau bahan-bahan arkib supaya mereka berupaya menggerakkan minat dan pengetahuan pelajar-pelajar dalam matapelajaran yang amat penting tetapi tidak begitu popular selama ini.

Peluang bagi Arkib Negara mengetengahkan bahan-bahan arkib wujud di banyak peringkat termasuk menerusi pihak media. Yang penting bagi Arkib Negara ialah menggunakan peluang-peluang ini yang sehingga ini dilakukan menerusi pameran, penulisan, program-program TV (seperti Hari Ini Dalam Sejarah dan Wadah Warisan) serta lain-lain. Projek-projek Memorial dan Pustaka Peringatan yang diusahakan oleh Arkib Negara banyak memberi peluang mengetengahkan bahan-bahan arkib. Melalui promosi-promosi seperti itu harapan saya masyarakat kita akan dapat melihat sejarah dengan lebih bermakna melalui bahan-bahan asal yang tulen kandungannya dan sah faktanya.

15 September 1994.

AWAK NI ASYIK
KERJA ABE ...
TAK KAWIN - KAWIN
LAGI KE? NANTI
JADI BAHAN ARKIB
PULAK KAMU!

TAK DAK
JODOH ... TUAN!



Ketam (K)
1997

Malayan Union Dalam Retrospek

1 April 1946 tercatat sebagai titik peralihan yang mengubah corak perjalanan sejarah negara ini. Pada hari itu Malayan Union atau Kesatuan Malaya ditubuhkan, hari yang dianggap oleh orang Melayu sebagai titik hitam dalam sejarah apakala kita kehilangan kuasa di tanahair sendiri. Dalam pada itu ada yang menganggap peristiwa yang mengugut taraf dan kedudukan orang Melayu sebagai suatu hikmat pula. Mengapa tidak, kata mereka, dengan sebab Malayan Union, orang Melayu buat pertama kalinya telah bangun dan bersatu untuk memadukan tenaga menubuhkan satu barisan bertindak siasah menentang gagasan yang mencabar maruah bangsa. Tindakan bersepadu yang begitu berani dan tersusun yang tidak pernah dilihat di negara ini sebelum ini telah memeranjatkan pihak British, terutamanya mereka yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan rancangan Malayan Union itu.

Sebelum ini orang Melayu tidak berpeluang bersatu kerana keadaan dan jenis pemerintahan negara tidak memungkinkan mereka berbuat demikian. Sistem pentadbiran berlainan corak yang meliputi Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu sukar mendorong rakyat bergaul dan berinteraksi, tambahan pula perasaan kedaerahan tebal di kalangan orang Melayu. Akibatnya keadaan orang Melayu tertinggal dalam serba-serbinya terutamanya dalam pelajaran, ekonomi dan sosial. Walaupun orang Melayu sedar tentang kedhaifan mereka di negeri sendiri, mereka tidak berupaya bersuara dan tidak berani bertindak kerana terkongkong dengan resmi sejati, patuh dan hormat kepada yang memerintah dan yang berkuasa. Namun begitu wujud juga segelintir orang Melayu yang menyedari kelemahan ini dan muncul sebagai nasionalis dan pejuang bangsa. Tetapi sebagai pejuang bangsa mereka dipandang

serong oleh pemerintah British dan dianggap keterlaluan dan 'telah memihak ke kiri'. Mereka yang dicap mempunyai fahaman "kiri" dianggap musuh kepada negara oleh pemerintah yang mengamati dan mengikuti setiap gerak langkah mereka. Dengan ancaman itu amatlah sukar bagi seseorang yang tidak mantap pendiriannya dan tidak kuat semangat kebangsaannya untuk bertindak dan memperjuangkan hak-hak dan kepentingan bangsa.

Rancangan Malayan Union dianggap oleh sesetengah pihak sebagai peristiwa yang 'menggegarkan umat Melayu seolah-olah satu gempa telah berlaku'. Ada yang menganggap peristiwa Malayan Union sebagai 'satu revolusi yang telah berlaku kepada umat Melayu' yang dikejutkan dari lena yang berpanjangan. Tetapi kepada Kerajaan British, walaupun peristiwa itu merupakan satu kegagalan yang besar dan tamparan kepadanya, ianya dianggap hanya sebagai 'satu insiden dalam sejarah Empayar British'. Ramai menganggap kegagalan dalam melaksanakan rancangan begitu besar yang mengakibatkan perubahan secara total kepada sistem pentadbiran sebagai sesuatu yang 'luar biasa'.

Sehingga ke hari ini, walaupun banyak yang telah diperkatakan dan dianalisis mengenai gagasan yang gagal itu, masih ramai yang belum puas hati dengan sebab-sebab mengapa Malayan Union diwujudkan dan dipaksa ke atas Tanah Melayu. Masih ramai yang ingin menyelami muslihat di sebalik rancangan itu yang dilaksanakan dengan begitu pantas dan penuh misteri itu.

Kerap kali diperkatakan Malayan Union sebagai rancangan yang berlainan daripada dasar British di Tanah Melayu sebelum perang yang pada umumnya mengakui hak dan ketuanan Melayu. Pihak British sedar Raja-raja mempunyai kuasa tertentu di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu di mana mereka adalah mercu paling tinggi bagi segala-galanya. Malayan Union telah mengubah

keadaan ini dan telah menyatukan negeri-negeri sepenuhnya sehinggakan Raja-raja kelihatan tidak mempunyai peranan di negeri masing-masing dan hanya berkuasa sebagai Kadi Besar sahaja yang bertanggungjawab dalam hal-hal agama, itupun di bawah kawalan dan arahan Gabenor Malayan Union. Kerakyatan di Tanah Melayu disamaratakan antara anak negeri dengan mereka yang dibawa masuk dari luar negeri. Pendek kata, dalam serba-serbinya tidak ada lagi hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu yang hilang identiti dan dikenali sebagai 'Malayan'. Banyak lagi 'domain' khas orang Melayu dihapuskan dan sebagai gantinya semua rakyat diberi hak yang sama. Perubahan ini kelihatan kemas dan teratur sebagai rancangan tetapi kepada mereka yang memahami keadaan di negeri ini sebenarnya, yang bersimpati terhadap nasib orang Melayu, rancangan Malayan Union adalah "sesuatu yang mustahil dan tidak akan berjaya di tanah Melayu". Keadaan dan perasaan ini wujud hampir lima puluh tahun. Bagaimana pula pandangan generasi sekarang terhadap perkara ini? Adakah kita masih mempunyai mereka yang bersimpati dengan nasib orang Melayu? Atau kita merasai tidak perlu lagi wujud identiti orang Melayu?

Bila Malayan Union dibubarkan, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan berasaskan kepada penyatuan semua negeri sebagai persekutuan dengan pemberian semula kuasa kepada Raja-raja. "Sistem pemerintahan secara ini lebih mudah diterima oleh Raja-raja dan rakyat kerana lebih mirip kepada sistem yang mereka biasa di zaman sebelum perang". Namun begitu ada juga yang berpendapat Persekutuan Tanah Melayu itu tidaklah banyak bezanya dengan Malayan Union kerana pada dasarnya 'penyatuan' telah dibuat, yang satu di bawah 'Kesatuan' atau 'Union'.

Sebelum Perang Dunia Kedua, negeri-negeri di Tanah Melayu mempunyai sejenis hubungan dengan Britain yang dianggap unik tetapi bukan sebagai jajahan seperti Sri Lanka. Hubungan atau pertalian yang terjalin adalah secara negara naungan. Jika di bandingkan dengan Sri Lanka, terdapat beberapa persamaan terutamanya dari segi perhubungan ekonomi dan sosial, tetapi kuasa Britain terhadap Tanah Melayu adalah sebagai penaung. Raja-raja Melayu senantiasa dianggap sebagai kuasa yang tertinggi dan berdaulat. Asas undang-undang dan perhubungan di antara Britain dengan setiap negeri di Tanah Melayu adalah melalui perjanjian dan persetujuan yang dibuat di antara tahun 1874 sehingga 1930, sementara hubungan Britain dengan Sri Lanka adalah melalui *Foreign Jurisdiction Act (FJA)* 1890 sebagai tanah jajahan. Kerajaan Britain juga bercita-cita, selepas Malayan Union di Tanah Melayu terlaksana, kuasa FJA itu akan dipergunakan untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahannya.

Pihak berkuasa di Britain, terutamanya Pejabat Tanah Jajahan, telah mencuba beberapa kali semenjak tahun tiga puluhan lagi untuk menyatukan sistem pentadbiran Tanah Melayu yang mempunyai tiga jenis peringkat pemerintahan iaitu Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Sistem itu didapati tidak kemas dan sukar dikawal; kerap kali ianya dikatakan tidak cekap dan merumitkan pemerintah. Di kalangan pihak British, ramai yang berpendapat kekalahan British di tangan Jepun dengan begitu mudah semasa Perang Dunia Kedua adalah disebabkan tidak ada pertahanan pusat yang kukuh di Tanah Melayu. Oleh kerana pengalaman pahit itu, pihak British tidak lagi mahu meneruskan sistem memerintah secara yang boleh melemahkan pertahanannya jika berlaku lagi peperangan di kawasan Asia Tenggara.

Kerajaan British mempunyai hasrat untuk memberi negara-negara jajahannya atau yang dinaunginya taraf berkerajaan sendiri 'pada satu hari nanti' tetapi bagi Tanah Melayu mereka merasa khuatir untuk melepaskannya dengan begitu cepat. Mereka merasa terlalu berat hendak melepaskan negara yang begitu makmur dan kaya dengan hasil-hasil bumi terutamanya di saat-saat selepas perang kerana mereka sendiri memerlukannya untuk pengukuhan ekonomi Britain.

Ada pendapat yang menyatakan bahawa pihak British memang telah lama merancang untuk merombak sistem pentadbiran Tanah Melayu dengan cara meminta Raja-raja memberi persetujuan tanpa mengadakan sebarang rundingan. Di dalam kes Malayan Union, meskipun mereka menjangka akan ada bantahan dari kalangan Raja-raja, mereka samasekali tidak menyangka penentangan dari orang Melayu menjadi begitu hebat dan bersepadu.

Kerajaan British runsing dengan keadaan di Asia Tenggara pada ketika itu yang sedikit sebanyak telah menggugat kepentingan mereka. Mereka bimbang terhadap keselamatan pengkalan-pengkalan mereka di Singapura dan Tanah Melayu, kedua-dua kawasan yang memberi kekuatan dari segi ekonomi dan politik. Kawasan ini perlu dipelihara supaya stabil dan kukuh sepanjang masa. Pihak British mendapati ada di kalangan orang Melayu yang berpandangan kiri dan pejuang-pejuang kebangsaan yang telah menunjukkan minat untuk mengeratkan perhubungan dengan rakyat Indonesia. Ada bukti yang memperkuat sangkaan-sangkaan ini. Memorandum dari Kesatuan Melayu Great Britain, misalnya, membuat lunjuran mengenai kemungkinan Tanah Melayu dan Indonesia disatukan. Perjumpaan sulit Ibrahim Yaakub dan Dr. Burhanuddin dengan Presiden Soekarno dan Hatta di Taiping pada 12 Ogos 1945 menimbulkan kebimbangan di

kalangan pihak British. Begitu juga seruan-seruan yang begitu lantang yang dibuat oleh akhbar-akhbar mengenai konsep Melayu Raya. Pejabat Tanah Jajahan memandang berat kepada perkara-perkara ini dan adalah tidak mungkin Kerajaan British membenarkan Tanah Melayu mendapat kemerdekaan secara penyatuan dengan Indonesia 'yang bukan di dalam Komanwel dan terkeluar pula dari kawasan sterling itu'.

Mengikuti pandangan mereka yang tidak mempersetujui rancangan Malayan Union, pihak British seringkali melakukan kesilapan dalam perhitungan melaksanakan sesuatu dasar, samada pada masa-masa sebelum perang ataupun selepas perang. Kerapkali pemberian maklumat yang tidak lengkap telah mengakibatkan pihak British melakukan kesilapan. Antara kesilapannya iaitu menyangka bahawa Tanah Melayu perlu dibebaskan dengan kuasa tentera daripada pemerintahan Jepun apabila perang tamat. Apa yang sebenarnya berlaku ialah Jepun telah menyerah diri dengan aman tanpa perlu ditawan oleh tentera. Ada pula pihak-pihak British yang menyangka apabila mereka kembali semula ke Tanah Melayu mereka akan menerima bantuan dari orang-orang Cina terutamanya Malayan Peoples' Anti-Japanese Army (MPAJA). Lagi sangkaan pihak British yang meleset ialah berkenaan dengan sambutan orang Melayu terhadap British setelah tamat peperangan. Pada jangkaan mereka, orang Melayu tidak akan bekerjasama dengan mereka kerana, menurut laporan yang mereka terima, orang Melayu telah berbaik-baik dan menjadi talibarut Jepun. Tetapi sebenarnya, orang Melayu telah mengalu-alukan kepulangan British ke Tanah Melayu. Nampaknya segala prasangka atau buruk sangka British membuktikan mereka kurang mendapat fakta yang betul. Mereka telah disogok dengan maklumat-maklumat yang berat sebelah. Pejabat Tanah Jajahan juga menghadapi keadaan yang sama semasa membuat perancangan Malayan Union. Mereka berpendapat rancangan itu adalah sesuatu yang

baik dan berfaedah, pada hal ia mengandungi kesilapan dari awal-awal lagi dirancangkan.

Dalam menjalankan persediaan melaksanakan rancangan Malayan Union, Kerajaan British telah meminta Brigadier H.C. Willan selaku Timbalan Pegawai Hal Ehwal Awan BMA untuk membuat tinjauan mengenai kesetiaan Raja-raja Melayu terhadap Britain samada sesungguhnya mereka semua bersimpati dan bersubahat dengan pihak Jepun atau sebaliknya. Willan mendapati tuduhan yang dibuat terhadap Raja-raja adalah tidak benar, 'Raja-raja tidak bersalah dan mereka taat kepada British'. Bahkan mereka semua menanti-nantikan kembalinya pemerintahan British di Tanah Melayu. Jelaslah bahawa sangkaan British terhadap Raja-raja dan rakyat Melayu tidak tepat sama sekali.

Walaupun terdapat di kalangan Kerajaan British mereka yang menyedari kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam rancangan Malayan Union, mereka masih mahu meneruskan cadangan itu dengan tujuan 'menyatukan' Negeri-negeri Melayu. Hasrat utama pihak British ialah untuk menyamaratakan rakyat, baik anak negeri mahupun menjadi rakyat yang bergelar 'Malayan'. Kerajaan British lebih yakin ia boleh mentadbir dan memerintah di bawah satu sistem pusat di mana kuasa tertinggi berada di tangannya dan Raja-raja diberi kuasa yang serendah-rendahnya. Namun begitu, isu-isu seperti ini ditentang keras oleh orang Melayu yang menganggap rancangan Malayan Union sebagai penghapus hak dan ketuanan mereka di tanahair sendiri.

31 Oktober 1994

BOTAK DI DEPAN
TANDANYA BERFIKIR,
DAN BOTAK DI TENGAH
TANDANYA PANDAI !!

HABIH ! HANG
FIKIR HANG DAH
PANDAI ? ...



♥ UJIE ...

NAE®

MacMichael Dengan Orang Melayu

Misi Harold MacMichael ke Tanah Melayu dalam tahun 1945 dirancang dan dilaksanakan dengan begitu pantas sehingga ramai rakyat termasuk pegawai-pegawai British yang berada di Tanah Melayu pada ketika itu, tergamam dan terkapai-kapai dengan kehairanan. Sebelum itu mereka tidak diberitahu atau diberi sebarang arahan mengenai rancangan yang sebegitu besar.

Kertas Putih Malayan Union diumumkan di Dewan Orang Ramai British pada 10 Oktober 1945, hanya sehari sebelum Harold MacMichael tiba di Tanah Melayu. Kerajaan British telah merahsiakan cadangan dengan amat ketat sekali sehingga tidak diketahui oleh sesiapa, lebih-lebih lagi Raja-raja Melayu yang merasakan rancangan itu seolah-olah telah "memerangkap" mereka.

Harold MacMichael dalam laporan mengenai misinya, menyatakan bahawa tujuan lawatannya adalah untuk mendapatkan "persetujuan rasmi" Raja-raja kepada *Treaty* yang mempunyai matlamat untuk 'memberi negara ini taraf Kemerdekaan dan berkerajaan sendiri di dalam Komanwel'. MacMichael merasakan perlu untuk mendapatkan kerjasama daripada Raja-raja untuk mewujudkan satu 'sistem perlembagaan baru yang akan menyerahkan kuasa memerintah kepada baginda King'.

Di dalam setiap perbincangan mengenai Malayan Union nama Harold MacMichael diingati sebagai orang yang bertanggungjawab 'menghapuskan orang Melayu di dunia ini'. MacMichael sendiri sebenarnya tidak terlibat dengan perancangan Malayan Union semasa *idea* itu diperbincangkan iaitu dalam bulan Mac 1944 kerana pada ketika itu beliau berada di Palestine. Beliau

menerima arahan untuk menjalankan misinya ke Tanah Melayu dalam bulan September 1945 dan memulakan tugas pada 11 Oktober 1945.

MacMichael di dalam misinya telah diturut serta oleh Brigadier A.T. Newbould, pegawai MCS yang bertugas di Tanah Melayu pada masa itu. MacMichael telah mendapatkan tandatangan pertama daripada Sultan Johor pada 20 Oktober 1945 dan selepas itu tandatangan Raja-raja lain pula diperolehi satu persatu walaupun ada Raja-raja yang membantah. Setelah selesai menandatangani, Raja-raja menyerahkan memorandum kepada Setiausaha Tanah Jajahan untuk meminta supaya "hak dan ketuanan Melayu dipertahankan" terutamanya di dalam menghadapi "kemasukan bangsa-bangsa asing dari luar negeri". Sebaik sahaja MacMicheal selesai menjalankan tugasnya di Tanah Melayu, beliau pun kembali untuk memulakan tugas lain di Malta. Dalam masa yang begitu singkat di Tanah Melayu nama MacMichael telah terakam dalam sejarah kerana peranan "buruknya" yang memaksa Raja-raja Melayu menyerahkan kuasa kepada Kerajaan British.

Cara MacMichael mendapatkan tandatangan juga telah menjadi isu yang sangat hangat apabila diperkatakan mengenai rancangan Malayan Union. Raja-raja dipaksa menandatangani perjanjian yang ringkas setelah teks diberi untuk dibaca selama sehari sahaja. Walaupun semasa perbincangan dengan MacMichael, Raja-raja diiringi oleh ahli-ahli Majlis Mesyuarat atau penasihat-penasihat (kecuali Sultan Johor), mereka semua tidak dibenarkan engkar kepada perintah British. Ada saja ugutan yang diberi kepada tiap-tiap Sultan untuk mendapatkan tandatangan mereka. Sultan Kedah dilaporkan menandatangani *Treaty* dengan bantahan. Begitu juga dengan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Raja Perlis. Yang mendukacitakan ialah Raja-raja tidak dibenarkan berunding sesama sendiri untuk membincangkan mengenai cadan-

gan yang sebegitu besar. Kerap diperkatakan Misi MacMichael itu dijalankan dengan secara gopoh sehinggakan tidak ada jadual lawatan yang disediakan. Dengan kerana kekecohan itu ramai menganggap MacMichael melakukan arahan Kerajaan British dengan menggunakan kuasanya sendiri.

Salah satu sebab kegagalan Misi MacMichael ialah kejahilan beliau mengenali Tanah Melayu dan orang Melayu sendiri. Contoh kejahilan itu boleh dilihat dari laporannya kepada Pejabat Tanah Jajahan setiap kali beliau berjaya mendapatkan tandatangan Raja-raja. Beliau menghuraikan perjalanan perjumpaannya satu persatu dengan menyatakan kekaguman terhadap sambutan yang diberikan kepadanya yang sebegitu tertib dan tenteram. "Raja-raja sentiasa gembira menerimanya". Pada anggapan MacMichael ini adalah tanda kerelaan dan kesanggupan Raja-raja menerima cadangan Malayan Union itu. Sudah pasti MacMichael tidak memahami resmi dan sifat orang Melayu yang sentiasa menghormati dan bersopan santun terhadap tetamu, walaupun tetamu itu tidak disenangi sama sekali.

Para pesara British (bekas pegawai-pegawai MCS) seperti Winstedt, Swettenham dan lain-lain yang menjadi pengecam keras rancangan Malayan Union mendapati tindakan menghantar MacMichael, orang jahil mengenai Tanah Melayu dan orang Melayu, sebagai langkah yang mundur dan salah. Kesilapan itu dikecam berkali-kali dalam makalah-makalah dan surat kiriman pengkritik rancangan Malayan Union itu. Mereka juga mengecam tindakan menghantar MacMichael, yang dikatakan begitu kasar tingkah lakunya, untuk menghadap Raja-raja dan mendapatkan tandatangan secara paksa.

Apabila tersiarnya berita mengenai Kertas Putih Malayan Union kepada umum, orang Melayu menerimanya dengan rasa terperanjat dan marah terutamanya di kalangan pejuang-pejuang kebangsaan dan para wartawan. Akhbar Majlis menyiarkan berita pertama mengenainya pada 12 Oktober 1945, dua hari selepas pengumuman dibuat di London dan sehari selepas ketibaan MacMichael. Akhbar Majlis memberi reaksi pertamanya pada 13 Oktober 1945 dan ulasan-ulasan seterusnya hampir setiap hari selepas itu. Pada mulanya kebanyakan orang Melayu, yang ada pada ketika itu masih sibuk untuk memulihkan kehidupan masing-masing selepas perang, mendapati cadangan Malayan Union terlalu jauh dari pemerhatian dan pemikiran mereka. Perkara-perkara seperti mendapatkan makanan yang cukup untuk keluarga, membina balik hidup yang hampir musnah akibat peperangan lebih mendapat keutamaan. Namun begitu apabila mendengar berita yang menggemparkan itu dan diseru pula oleh pejuang-pejuang kebangsaan untuk menentang Malayan Union, mereka tidak dapat berdiam diri. Akhbar-akhbar Melayu telah memainkan peranan yang amat berkesan sekali; melaluinya orang-orang Melayu dapat mengetahui keadaan yang berlaku di tanahair pada masa itu. Pada masa itu tidak ada media lain selain daripada radio yang terhad penggunaannya yang boleh menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Tetapi orang Melayu dengan begitu pantas dapat menggembelikan tenaga memberi sokongan kepada Raja-raja yang telah "diperdaya dan dirampas kuasa itu". Orang Melayu merasa amat terkejut apabila diberitahu bahawa "kebudayaan dan identiti bangsanya" akan luput dengan adanya cadangan kerak-yatan yang sama bagi semua kaum di negara ini istilah "Melayu" tidak akan digunakan lagi tetapi diganti dengan istilah "Malayan". Pada masa itu orang Melayu pasti merasai kenyataan Hang Tuah bahawa "Takkan Melayu hilang di dunia" tidak lagi ada maknanya.

Satu lagi '*response*' kepada bencana Malayan Union yang jarang dilaporkan ialah perihal kumpulan orang-orang tertentu di Johor yang bertindak hendak menurunkan Sultan Johor dari takhtanya kerana telah menandatangani *Treaty* Malayan Union tanpa rundingan dengan Majlis Negeri. Tetapi rancangan itu akhirnya tidak dilaksanakan kerana Dato' Onn Jaafar telah mencampurtangan. Kumpulan yang bertanggungjawab untuk tindakan itu terdiri daripada pembesar-pembesar Johor dan mereka adalah orang Melayu yang pertama mengesan implikasi Malayan Union sebaik sahaja Kertas Putih Malayan Union diumumkan. Mereka telah mengutus telegram ke London untuk membantah cadangan Malayan Union itu. Kumpulan itu telah menubuhkan Kesatuan Melayu Johor dengan tujuan bertindak dalam hal-hal kepentingan kebangsaan tanpa menggunakan "kekerasan". Pemimpin mereka ialah Dato' Onn Jaafar iaitu orang yang paling lantang menyuarakan penentangan terhadap rancangan Malayan Union.

Dato' Onn Jaafar telah berjaya menggerakkan orang Melayu untuk bangun dan menentang satu isu yang melibatkan bangsa Melayu sendiri. Beliau menjelajah ke seluruh negara untuk memberi syarahan di rapat-rapat umum (rapat-rapat umum ini dilaporkan sepenuhnya dalam akhbar yang kadang-kala menyiarkan ucapan beliau secara "*verbatim*"). Beliau disambut dengan begitu hangat di mana jua beliau berucap. Sesungguhnya karisma dan personaliti Dato' Onn adalah amat luar biasa sekali. Beliau dianggap sebagai pemimpin semulajadi yang dapat menyedarkan orang Melayu dan menyatukan mereka dengan begitu segera. Walaupun ada suara-suara sumbang di sana-sini yang tidak senang dengan kepimpinan beliau, keupayaan Dato' Onn menggerakkan rakyat untuk menentang Malayan Union dengan cara "aman, bersopan serta berdiplomasi" sentiasa dikagumi. Dato' Onn dan kumpulannya hanya dapat bergantung kepada akhbar untuk publisiti kerana tidak ada media lain yang dapat

mempromosikan perjuangan mereka. Peranan akhbar seperti Majlis adalah begitu bermakna sekali dalam sejarah kebangkitan nasionalisma Melayu di zaman selepas Perang Dunia Kedua.

Masyarakat Melayu berdiri teguh di belakang Dato' Onn. Tindakan dari tenaga yang bersatu padu telah membuktikan kejayaan yang mungkin orang Melayu sendiri tidak menyangkakan, apatah lagi Kerajaan British yang sebelum itu menganggap orang Melayu mudah "dicucuk hidung". Tidak dapat dinafikan bahawa semangat bersatu adalah satu-satunya senjata yang dapat menguatkan usaha, memperkukuhkan perjuangan dan membenteraskan situasi yang tidak diingini. Tanpa semangat bersatu apa jua usaha yang diikhtiar dan dilakukan tidak membawa kejayaan. Inilah seruan yang dibawa oleh Dato' Onn Jaafar di mana sahaja beliau menjelajah. Seruan ini yang maha penting kepada '*survival*' bangsa Melayu, harus dilaungkan oleh para pemimpin buat selama-lamanya. Semangat bersatu juga telah memberi rasa keyakinan yang luar biasa kepada Raja-raja yang merasa begitu kesal dan tertipu dengan helah MacMichael. Seterusnya Sultan Johor telah menarik balik tandatangan Baginda dengan diikuti oleh Raja-raja lain. Baginda semua melantik John Foster M.P. sebagai penasihat undang-undang dalam penentangan terhadap gagasan Malayan Union ini.

Apabila Kongres Melayu Se-Malaya diadakan pada Mac 1946, Dato' Onn sendiri telah menghubungi Sultan Johor di London untuk menyembah maklum mengenainya. Penubuhan Kongres itu adalah tanda pergabungan tenaga Melayu buat pertama kalinya bagi seluruh negara. Melalui Kongres itu, yang mewujudkan UMNO, pembantahan terhadap Malayan Union disalur secara rasmi dan tindakan yang bersepadu dan tersusun telah dijalankan. Barisan penentang yang kuat itu telah menggabungkan tenaga orang Melayu, Sultan Johor di London dan pesara-pesara

British (bekas MCS). Berbagai-bagai taktik digunakan; telegram dihantar kepada pemimpin-pemimpin dunia untuk mendapat sokongan, makalah ditulis dalam akhbar-akhbar tempatan (Inggeris dan Melayu) dan di London. Dengan tindakan bersepadu seperti itu perhatian dan simpati daripada orang ramai dengan pantas mula diperolehi. Di Britain sendiri, pesara-pesara British yang berwibawa telah membentangkan dalam Parlimen dan melalui akhbar. Tetapi malangnya pada peringkat permulaan itu semua tidak dapat menyakinkan Pejabat Tanah Jajahan yang berpegang teguh kepada pendirian bahawa Malayan Union membawa faedah kepada Tanah Melayu dan rakyatnya.

Untuk beberapa ketika usaha menentang Malayan Union kelihatan seperti menghadapi jalan buntu. Pihak Pejabat Tanah Jajahan tetap tegas dan tidak berganjak dari keputusannya. Taktik seterusnya daripada pesara-pesara British ialah dengan melengahkan pelaksanaan *Straits Settlements (Repeal) Act* yang bertujuan membolehkan *Foreign Jurisdiction Act (FJA)* tidak dilaksanakan ke atas Tanah Melayu. Kumpulan yang menentang Malayan Union menggesa supaya satu suruhanjaya dilantik untuk menyiasat tuduhan-tuduhan terhadap MacMichael sebagai cara melengahkan masa.

Di Dewan Orang Ramai British, perdebatan mengenai Malayan Union terus dijalankan dengan panjang lebar dan ini kian memberi imej yang buruk kepada Kerajaan British. Gammans bercakap dengan lantang dan membaca surat-surat dari Raja-raja Melayu. Ramai ahli apabila mendengar hujahnya mengecam Kerajaan British di atas kesilapan mengadakan satu rancangan yang membawa masalah kepada Britain. Tetapi walaupun seberapa banyak kecaman dilemparkan kepada Kerajaan, keputusan diambil untuk melaksanakan juga Malayan Union pada 1 April 1946. Dengan itu Malayan Union telah diwujudkan di Tanah Melayu

tetapi secara *'framework'* sahaja. Gabenor Malayan Union, Edward Gent, dan Gabenor General Malaya, Malcolm MacDonald, telah diberi kuasa menyediakan butir-butir lengkap. Pada peringkat itu cadangan mengenai kerakyatan yang menyamaratakan semua rakyat juga telah ditangguhkan dari perlaksanaan.

Harapan Kerajaan British ialah supaya perlaksanaan secara berperingkat dapat mententeramkan Raja-raja. Tetapi jangkaan British sekali lagi tidak tepat. Raja-raja menjadi begitu murka dan berazam untuk melawan rancangan ini berhabis-habisan. Mereka bersedia untuk mengambil tindakan undang-undang dan mencabar *Treaty* Malayan Union yang dianggap tidak sah itu. Raja-raja menghantar memorandum kepada *King* yang di antara lain meminta negeri-negeri dikekalkan autonominya dan jawatan Gabenor dijadikan Persuruhjaya Tinggi. Raja-raja memaklumkan mengenai kesediaan berunding dengan pihak British bagi mencari *alternatif* kepada Malayan Union yang berasaskan kepada konsep 'menyatukan' negeri-negeri dalam bentuk 'Persekutuan'.

Sementara tindakan-tindakan ini berjalan dan laporan-laporan dipaparkan setiap hari melalui akhbar, Kongres Melayu Se-Malaya bertindak untuk memboikot segala sambutan atau sebarang peristiwa berkaitan dengan Malayan Union. Mereka mengisytiharkan perkabungan selama dua minggu daripada 1 April 1946, pada hari Malayan Union ditubuhkan dan Edward Gent dilantik menjadi Gabenor.

15 Oktober 1994.

ENGKAU BAGAI AIR YANG JERNIH...
DI DALAM BEKAS YANG BERDEBU...
ZAHIRNYA KOTORANITU TERLIHAT
KESUCIAN TERLINDUNG JUA...
CINTA BUKAN HANYA DI MATA...
CINTA JUGA TAK KENAL
TUA.....

HOI ! HANG NI
MACAM DOK PERLI
TAN SRI - TAN SRI
DENGAN DATOK - DATOK
PUN..... ?



NAE

Melayu Berkabung

Orang Melayu umumnya berkabung apabila Rajanya mangkat dengan memakai songkok yang dililit dengan kain putih. Dalam tahun 1946 suatu tindakan berkabung di kalangan orang Melayu telah dilakukan sebagai tanda protes kepada tertubuhnya Malayan Union. Inilah kali pertama tindakan berkabung kerana protes dilakukan di kalangan masyarakat keseluruhannya. Tindakan itu dilakukan hasil keputusan persidangan tergepar Kongres Melayu Se Malaya di Kuala Lumpur yang memutuskan **Minggu Berkabung** itu bermula pada 1 April 1946 iaitu hari pengwujudan Malayan Union.

Persidangan tergepar Kongres itu telah dimulakan jam 3.00 petang pada hari Sabtu 30 Mac 1946 di pejabat akhbar Majlis dan dihadiri oleh wakil-wakil dari tiap-tiap negeri dari seluruh Semenanjung kecuali dari Terengganu. Dua isu utama yang dibincangkan ialah mengenai langkah yang perlu diambil berkenaan Malayan Union dan juga persediaan kedatangan ahli-ahli Parlimen British iaitu Gammans dan Rees-Williams. Persidangan itu dipengerusikan oleh Za'aba (Tan Sri). Kemudian Dato' Onn selaku Pengerusi Kongres telah memimpin majlis persidangan. Za'aba, selaku wakil negeri Selangor, telah mengemukakan cadangan mengenai langkah-langkah yang harus diambil dan apa yang perlu dilakukan oleh orang Melayu menentang Malayan Union. Ramai wakil Persidangan membuat beberapa keputusan yang termasuk meminta orang-orang Melayu seluruh Semenanjung berkabung selama satu minggu bermula 1 April 1946. Kongres telah menghantar kawat ke setiap negeri menerusi persatuan-persatuan dan kesatuan-kesatuan yang mengambil bahagian. Kawat juga dihantar kepada Gammans dan Rees-Williams menjemput mereka datang ke Semenanjung untuk berunding dengan orang-orang Melayu berkenaan dengan Malayan Union.

Dengan wujudnya Malayan Union yang bermakna datangnya "pentadbiran sivil" seharusnya menggembirakan orang Melayu kerana itulah tanda negara mula pulih semula daripada keadaan azab sengsara peperangan kepada keadaan aman sentosa. Tetapi malangnya kedatangan pentadbiran sivil di bawah konteks Malayan Union bukan sesuatu yang menggembirakan orang Melayu kerana ia menghapuskan hak-hak orang Melayu.

Kedatangan Malayan Union pada 1 April 1946 membawa makna yang mungkin juga kelihatan melucukan kerana kepada orang putih, 1 April adalah '*fool's day*' iaitu hari orang bodoh ataupun orang yang mudah diperdayakan. "Boleh jadi ada sesuatu hikmat ataupun pengertian yang tersembunyi di dalamnya maka pentadbiran sivil itu datang pada 1 April 1946". Umat Melayu tentu insaf bahawa jika mereka mahu hidup mulia di dunia ini tiada jalan lain melainkan berhendakan kepada kekuatan. Jalan kepada kekuatan memerlukan masyarakat bersatupadu dalam setiap aspek hidup yang boleh membawa tercapainya kekuatan itu. Pengarang akhbar Warta Negara yang diterbitkan di Pulau Pinang menyeru kepada orang Melayu supaya sedar dunia ini medan perjuangan, siapa yang kuat akan berjaya dalam hidup. Orang Melayu harus mengerti bahawa "keadilan itu ialah sepatah perkataan yang lemak manis yang ada maknanya hanya jika ada kekuatan". Orang Melayu harus faham bahawa ikrar janji boleh diubah mengikut kesukaan hati mereka yang ada kekuatan.

Oleh itu orang Melayu diseru supaya capai kekuatan dengan jalan bersatu hingga tiada boleh dipatahkan oleh sesiapa jua. Rakyat diseru supaya "tidak berpecah belah, kata mengata" tetapi hendaklah menumpukan tenaga untuk mencapai kekuatan, meskipun jalan menuju kepadanya tiada serupa. Mereka diminta "berpedoman ke arah itu, kelak di belakang hari kita akan sampai ke sana". Rakyat diingatkan bahawa "umat kita bukan sedikit,

bukan bodoh". Kita mesti selalu ingat bahawa umat kita adalah dua kali lebih banyak daripada umat penaung kota. Pengarang Warta Negara meminta para pembaca berkabung beramai-ramai sebagai permulaan menuju hari berbahagia kerana "memanglah adat dunia ini lepas susah tak dapat tiada datang kesenangan".

Orang Melayu berkabung pada 1 hingga 7 April sebagai tanda berdukacita dan sebagai langkah membantah perbuatan atas kedatangan Malayan Union. Begitu juga dengan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Penasihat dan orang-orang ternama Melayu, semuanya tidak menghadiri majlis itu. Hari itu dianggap "sehabis-habis cela-ka bagi orang Melayu" dan ianya juga hari yang sehabis-habis sedih bagi mereka. Berkabung menandakan kesedihan orang Melayu dan mengandungi perasaan yang amat dalam maknanya. Pada setiap hari berkabung perasaan orang Melayu terhadap nasib bangsa dan tanah airnya semakin mendalam. Hari-hari itu tidaklah melemahkan semangat atau menghilangkan tenaga dan ikhtiar orang-orang Melayu, tetapi memantapkan semangat dan keazaman mereka untuk memulihkan dan menghidupkan semula bangsanya". Orang Melayu tidak mudah berputus asa kerana mereka berdiri atas yang benar dan ikhlas. Mereka mempercayai penuh bahawa Tuhan senantiasa merestui pihak yang benar.

Semasa upacara perlantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor dan Panglima Agung Malayan Union, tiada seorang Raja atau pembesar Melayu yang hadir. Yang ada di upacara itu ialah empat lima Melayu yang menjadi pelayan di majlis itu. Tatkala upacara itu dijalankan suatu perhimpunan lebih 1,000 orang Melayu telah diadakan di hadapan Stesyen Hotel, di mana Raja-raja bersemayam. Perhimpunan menyeru "daulat Tuanku" dengan begitu hebat dan penuh perasaan besar hati terhadap Raja-raja. Di perhimpunan itu Dato' Onn Jaafar melafazkan ikrar taat setia rakyat kepada Raja-raja. Meskipun pada hari itu Malayan Union diper-

anakan akan tetapi pada mata orang Melayu dan pada mata keadilan anak itu tidaklah anak yang halal. Orang Melayu berpegang tetap kepada haknya dan apa juga yang datang dan berlaku tidak akan menginjakkan pendirian mereka.

Majlis Penasihat Malayan Union telah mengadakan mesyuarat pertama pada 1 April 1946 dengan dipengerusikan oleh Gabenor Edward Gent. Tujuh orang ahli Melayu yang tidak hadir sebagai membantah cadangan Malayan Union terdiri daripada Dato' Onn (Johor), Zainal Abidin (Za'aba) (Selangor), Tengku Mohamad (Negeri Sembilan), Mohd. Hashim (Perak), Tengku Mohamad (Pahang), Tengku Ismail (Kedah) dan Nik Ahmad Kamil (Kelantan).

Raja-raja telah menulis surat kepada Ketua Pengarah Hal Ehwal Freeman bagi Tanah Melayu menyatakan mereka tidak hadir di Majlis perlantikan itu "kerana belum selesai bicara Beta-beta sekalian di England fasal hendak menolakkan cadangan Malayan Union yang Beta-beta dan segala rakyat Melayu tidak setuju".

Di hari akhir berkabung, orang-orang Melayu mengadakan sembahyang hajat dan pada tujuh hari Jumaat selepas itu, diadakan pula sembahyang hajat di seluruh Semenanjung memohon Tuhan memakbulkan hajat orang-orang Melayu mempertahankan bangsa dan tanah airnya. Pengarang Warta Negara dalam rencananya menyuarakan bahawa meskipun kita dikatakan kecewa dalam percubaan menolak kedatangan Malayan Union tetapi kita belum tewas di dalam perjuangan kita. Kita masih di dalam perjuangan dan terus akan berjuang hingga ke akhir; kita masih mempunyai azam yang teguh iaitu akan mencapai kemenangan hingga ke akhir; kemenangan akhir itulah kemenangan muktamad. Sesungguhnya doa masyarakat Melayu telah dimakbulkan Allah

pada 1 Februari 1948 apabila Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

9 November 1994.



ASSALAMMUALAIKUM?
PAK DET....

WAALAIKUMMUSSALAM!
AWAT CHEK PANGGIL
PAK DET....
PANGGIL LA TOK DET...

NATEK

Kalam Runcing Atas Kertas Putih

“Adapun kemudian daripada itu saya telah diminta akan penulis melukiskan sedikit perkataan memberi selamat akan Mujallah Guru pada permulaan langkahnya masuk ke tahun yang ketiga ini. Maka beredarlah kalam yang runcing di atas kertas yang putih ditemani oleh setitik dakwat yang kelabu lalu bergurindam membukakan pintu mengalu-ngalukan sekalian yang sudi datang berulit dengan lukisannya”. Demikian kata-kata Za’aba (Tan Sri Prof. Zainal Abidin Ahmad, Allahyarham) selaku penulis utama penerbitan bulanan Mujallah Guru yang menyuarakan hasrat supaya majalah yang mula diterbitkan pada 1 November 1924 akan membuka mata dan pemikiran mereka yang sudi membaca karya penulis “pada ketika yang masih gelap di mana udara pelajaran dan pengetahuan di antara kaum Melayu masih mengerang dengan kesemputan”. Harapan beliau ialah semoga Mujallah Guru berkekalan dan bertambah besar bidangnya serta tiada padam cahayanya. Za’aba menyuarakan hasrat ini di ucapan yang disampaikan sempena keluaran tahun ketiga majalah itu pada bulan Januari, 1926. Mujallah Guru yang diterbitkan oleh Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Pulau Pinang dan dicetak di Seremban mengandungi artikel-artikel yang amat istimewa dan bernas. Isi kandungannya meliputi bidang-bidang pelajaran, bahasa, sejarah, aspek-aspek sosial, tradisi dan budaya serta elemen-elemen kesihatan, ilmu kejadian termasuk hisab, falak dan lain-lain. Terdapat juga cerita-cerita yang mengandungi elemen-elemen tauladan dan iktibar.

Majalah itu menyiarkan gambar tokoh-tokoh lama yang berpendidikan tinggi dan bangunan-bangunan bersejarah di negara dan di luar negeri yang merupakan satu elemen yang seharusnya

dapat menarik kegemaran para pembaca. Gambar-gambar yang disiarkan dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah pada ketika itu diibaratkan seperti "lauk yang menyedapkan makanan; maka tiadalah perisa jika makanan tiada lauk". Tanpa gambar penerbitan-penerbitan tidak akan dinikmati oleh para pembaca. (Macam mana dengan sekarang? Sama juga, bukan!). Sebelum ini penerbitan-penerbitan di negara ini "tersangatlah miskin" dalam perkara-perkara yang melihatkan "berbagai jenis ilmu dan hikmat kebijaksanaan yang memajukan fikiran, menyuburkan akal, meluaskan hati, melebarkan fikiran serta mendalamkan siasatan selidik". Mujallah Guru telah menyiarkan maklumat mengenai hasil peperiksaan Junior dan Senior Cambridge yang melibatkan orang Melayu yang belajar di sekolah-sekolah Inggeris di seluruh negara. Pada tahun 1926 misalnya, jumlah pelajar yang lulus Junior Cambridge (sama dengan Tingkatan 4 sekarang) ialah 653 orang dan pelajar-pelajar Melayu yang lulus hanya 76 orang atau 11.6%. Di peringkat Senior Cambridge (Tingkatan 5), 383 orang telah lulus dan jumlah pelajar Melayu hanya 45 orang atau 11.7%. Laporan juga disampaikan mengenai kejayaan tiga pegawai Melayu dalam bidang undang-undang di London yang termasuk Tunku Abdul Rahman Putra, Raja Musa dan Raja Aznam. Mujallah Guru menyiarkan gambar pegawai-pegawai Melayu yang berjaya dalam bidang-bidang pengajian ikhtisas di luar negeri. Gambar-gambar ini seharusnya memberi dorongan dan inspirasi kepada setiap pembaca yang menghayati apa yang mereka membaca.

Aktikel-artikel lain dalam Mujallah Guru termasuk hal-hal sejarah Tanah Melayu, orang-orang asli dan orang Melayu di negara ini. Bahagian Perempuan merencanakan elemen-elemen budaya dan tradisi dan Bahagian Rencana mengemukakan bermacam-macam makalah mengenai topik-topik yang menarik.

Winstedt dalam satu penulisan telah menyatakan dalam skop karang mengarang, orang Melayu lebih banyak menggunakan maklumat-maklumat yang diterjemahkan. Katanya ramai penulis yang belum boleh mengarang sendiri dengan menjalankan kajian, fikiran sendiri dan memerah atau mencungkil otak sendiri. Melihat kepada pandangan Winstedt, Za'aba berharap Mujallah Guru dapat keluar daripada "keadaan am surat-surat khabar Melayu Semenanjung dan sebanyak yang telah disempurnakan oleh majalah ini ialah suatu cubaan bertaktik hendak membawa keluar daripada situasi demikian kepada jalan-jalan kemajuan yang menyaing orang-orang yang maju".

Surat-surat khabar Melayu dikeluarkan dalam tahun 1880-an tetapi kebanyakannya telah mati setelah beberapa tahun dalam edaran. Salah satu sebab utama kegagalannya ialah kurangnya pembaca yang berpelajaran dan berminat kepada akhbar dan majalah. Begitu juga dengan jenis-jenis karangan yang ada yang kebanyakannya tipis isi kandungannya dan tidak boleh menyukakan pembaca. Jika terdapat ramai yang berkeupayaan menulis dan membaca serta mungkin terdapat artikel-artikel yang tegap dan kukuh kandungannya, keadaan demikian sudah pasti dapat menghidupkan dan memajukan akhbar-akhbar dan majalah di seluruh negara.

Za'aba menyuarakan harapan supaya Mujallah Guru akan kekal penerbitannya. Yang penting ia tidak perlu bergantung nyawanya, kepada yang berlanggan. Majalah itu mempunyai wang yang tetap, datang dari ahli-ahli persatuan dan kesatuan. Majalah itu diminta tidak mencampuri "medan siasah negeri dan gelanggang pertenggaran agama". Majalah 20 muka surat berharga 40 sen dicadangkan Za'aba dibesarkan menjadi 40 muka surat dengan harganya yang sudah pasti digandakan.

Pihak pengurus majalah tidak bersetuju dengan cadangan itu memandangkan “gerak kemajuan pelajaran kaum kita Melayu sekarang ini belum seberapa yang gemar dan tahu akan faedah majalah-majalah dan surat-surat khabar”. Namun begitu cadangan itu diharap dapat “dilaksanakan apabila suasana membaca di kalangan orang Melayu telah ada kemajuan dan terdapat pula pelanggan dari luar serta tenaga-tenaga kerja yang ramai”.

Dari segi isi kandungan majalah bertulisan Jawi itu pada pandangan saya berguna sekali sebagai bahan rujukan dan kajian. Satu bahagian yang pasti menarik minat pelajar-pelajar sekolah di bawah tajuk **Jalan Persekolahan** karya Za’aba menyentuh elemen-elemen pelajaran membaca dalam berbagai-bagai peringkat kelas, membaca kuat-kuat atau diam-diam atau beramai-ramai, syarahan dan huraian, erti cara yang baik dan lain-lain. Jika artikel-artikel itu dibaca dan dihayati oleh orang Melayu pada masa dahulu dan sekarang, saya percaya taraf membaca di kalangan masyarakat kita menjadi tinggi dan hebat sekali.

Daripada apa yang dilihat sekarang, tahap dan minat membaca di kalangan masyarakat Melayu masih rendah. Jumlah pengguna perpustakaan misalnya, membuktikan angka yang kecil. Ini kerap kali memeranjatkan mereka yang tidak mengetahui mengenainya. Melihat kepada hasrat yang disuarakan oleh Za’aba lebih tujuh puluh tahun yang lalu membuat ramai daripada kita merasai peningkatan status membaca perlukan tindakan serta-merta. Apa agaknya masalah yang ada yang membuat ramai kalangan kita tidak berminat meningkatkan pengetahuan menerusi saluran bacaan? Pernah saya membangkitkan perkara ini dalam satu perbincangan. Ada pula yang menyatakan bahawa tidak semua orang Melayu yang tidak minat membaca. Betul. Saya bersetuju 100% dengan kenyataan itu tetapi maksud saya ialah jumlah masyarakat kita keseluruhannya, lebih ramai yang tidak berminat

membaca. Membaca majalah-majalah hiburan, kartun dan komik memang ramai tetapi membaca bahan-bahan yang mencambahkan pemikiran, menambahkan ilmu pengetahuan memang sedikit. Pada masa sekarang jika ada apa-apa program seperti pameran, projek-projek yang memberi maklumat konkrit, yang mempertingkatkan ilmu pengetahuan, jumlah besar hadirin adalah masyarakat bukan Melayu. Jika ada program-program yang menghiburkan dan menyeronokkan perasaan, jumlah penonton yang besar ialah orang Melayu. Saya berani membuat kenyataan ini kerana ini adalah keadaan yang sebenar yang amat merunsingkan dan merisaukan setiap daripada kita yang kasihkan masyarakat dan sayangkan bangsa kita.

26 November 1994.

SAMAN NO ?

MA..MA..MAAP
DATO' TAK
SENGAJA



NAEER

“Bulan Melayu” Terang Cahayanya

Bulan Melayu, sebuah majalah yang diterbitkan oleh Persekutuan Perempuan Melayu Johor, merupakan majalah pertama yang diterbitkan oleh wanita di negara ini. Majalah itu diterbitkan pada 1 Jun 1930 dan diedarkan diseluruh Semenanjung Tanah Melayu serta di Petani, Siam, Brunei, Jawa dan Sumatera. Majalah yang diterbitkan oleh Puan Zain bt. Sulaiman atau Tan Sri Ibu Zain (Allahyarhamah) mendapat sokongan yang baik sekali daripada para guru, nadir-nadir sekolah dan pembesar-pembesar negeri termasuk Tengku-tengku Ampuan, Raja-raja dan pegawai-pegawai Kerajaan.

Tujuan majalah itu dinamakan “Bulan Melayu” ialah ‘terang cahayanya yang menghapuskan gelap-gelita kejahilan di alam Melayu’. Di samping itu kecantikan isi kandungannya diibaratkan sebagai keindahan bulan yang menggemarkan hati setiap yang memandangnya. Perkataan ‘bulan’ digunakan kerana majalah itu diterbitkan oleh wanita. Dalam penggunaan bahasa Melayu asli, “wanita” itu jikalau cantik diumpamakan sebagai ‘bulan’ dan laki-laki yang sama cantiknya diumpamakan seperti ‘matahari’. “Maka perbuatan mengeluarkan majalah wanita oleh wanita merupakan suatu perbuatan yang cantik dan luar biasa dalam alam Semenanjung Tanah Melayu”.

Majalah itu mengandungi ruang-ruang pantun, surat dari para pembaca, laporan mengenai kegiatan pendidikan pelajar-pelajar perempuan, aspek-aspek kesihatan ibu-ibu dan anak-anak, maklumat mengenai seni jahit-menjahit serta penjagaan kebersihan rumahtangga. Panduan-panduan juga disampaikan kepada ibu-ibu dalam membela anak-anak dan mendidik mereka.

Kerap juga dilaporkan mengenai Persekutuan Pelajar Perempuan Melayu Johor yang menerbitkan Majalah Bulan Melayu yang senantiasa menjalankan program-program menolong ibu-ibu yang mempunyai anak-anak untuk mengawal, mengasuh, membimbing dan mendidik mereka. Jika anak-anak bersekolah, ibu-ibu dibimbing tentang cara-cara memajukan mereka supaya cepat pandai dengan tidak merosakkan otak. Juga dibimbing ibu-ibu menggalakkan anak-anak menerima pelajaran tinggi.

Bahagian Perkhawaran di majalah itu melaporkan pergerakan-pergerakan kaum ibu di Indonesia dan di Kuala Lumpur. Satu laporan dari Kuala Lumpur memberi maklumat mengenai kelulusan Che Kontek Kamariah bt. Ahmad (Datin Paduka Cempaka Kontek Kamariah) di peringkat *Senior Cambridge*. Beliau merupakan wanita Melayu pertama yang lulus *Senior Cambridge* di negara ini. Che Kontek kemudiannya berlatih menjadi guru pelatih di *Methodist Girls' School* di Kuala Lumpur serta berlatih pula di *normal class* sebagai guru. Beliau mengajar dua kali seminggu di Sekolah Perempuan Melayu, Kampung Baru. Beliau juga telah dikenalpasti sebagai tenaga yang akan diangkat menjadi *Assistant Lady Supervisor* bagi Sekolah-sekolah Melayu Selangor. Apa yang dirancangan untuk beliau telah berlaku sebenarnya yang telah menjadikan Che Kontek seorang wanita di Tanah Melayu yang mencapai tahap yang amat tinggi dalam bidang pelajaran. Sebagai tenaga pendidik yang berkualiti beliau juga bertugas di Kedah selepas Perang Dunia Kedua.

Sebuah artikel mengenai “**Perempuan Melayu Dengan Kewajipannya**” menyuarakan pendirian bahawa “kita (perempuan Melayu) tidak mahu berlumba-lumba dengan sesiapa. Bukannya kita hendak menyaingi bangsa barat dan tidak pula kita hendak meniru atau menurut orang Turki, Mesir dan sebagainya, tetapi yang sebenarnya kita hanya hendak menunaikan atau

menyempurnakan kewajipan diri kita". Ini adalah pandangan dalam tahun 1930 tetapi pada masa sekarang juga masih terdapat situasi yang sama. Buruk baiknya keadaan ini bergantung kepada aspek mana yang kita fokuskan perhatian. Memang benar sehingga masa kini wanita masih bekerja dan melakukan segala-galanya untuk menyempurnakan kewajipan dan tanggungjawab yang telah diserahkan kepadanya. Wanita di negara kita selalu terlibat penuh dalam perusahaan-perusahaan termasuk dari masa lampau. Di Kelantan dan Terengganu perkara-perkara ini biasa tetapi tidak pernah ditonjolkan atau dihebahkan-hebahkan. Terdapat wanita yang berusaha menerusi bercucuk tanam, ada yang berternak dengan membela kehidupan. Seseengah pula menjalankan perusahaan dan berniaga. Artikel-artikel dalam "Bulan Melayu" menegaskan bagaimana besar peranan perempuan-perempuan Melayu di negara kita. Jika dibandingkan bilangan orang-orang lelaki dan wanita Melayu yang menjalankan perusahaan, baik perniagaan atau bercucuk tanam, didapati wanita yang lebih. Di kampung-kampung, dusun dan di negeri-negeri, ada sahaja wanita yang menjalankan perusahaan termasuk yang menjadi "kuli membelah kayu api dan menoreh getah". Di Kelantan dan Terengganu, sejak dari dahulu lagi terdapat ramai wanita yang berniaga. Di samping itu wanita pasti tidak akan meninggalkan kewajipan mereka menguruskan dan menyelenggarakan rumahtangga.

Hidup wanita senantiasa dipenuhi dengan hasrat menolong terutamanya orang lelaki supaya apa yang dipertanggungjawabkan kepada mereka dilaksanakan dengan sempurna. Setiap masa wanita mahu memperbaiki segala tugas dan tanggungjawab yang diserahkan kepadanya. Tiap-tiap tahun ada sahaja perubahan yang diikhtiarkannya, daripada yang banyak kepada yang mudah, daripada yang sedikit kepada yang banyak. Pendek kata wanita sedar "siapa yang lebih berusaha dialah yang lebih mendapat". Wanita juga sedar tentang kewajipannya "menjaga dan mengawal rumahtangga dan mendidik serta mengasuh anak-anak".

Saya kerap ditanya mengenai situasi wanita Melayu masakini terutamanya mengenai tanggungjawab yang dirasai begitu berat. Jika kita berpeluang membaca artikel-artikel lama dapat kita melihat perkara-perkara mengenai kewajipan dan tanggungjawab wanita. Hal-hal ini kerap dibangkitkan dalam artikel-artikel di majalah dan surat khabar masa lampau. Ramai masyarakat masakini tidak mengetahui bahawa penulisan-penulisan masa lampau mengenai skop dan pandangan terhadap falsafah dan realiti hidup wanita telah lama dibangkitkan. Ramai orang kita masakini yang berpendapat wanita kita mempunyai keupayaan berfikir dan bergerak hanya selepas Merdeka. Jika dilihat daripada artikel-artikel yang disiarkan dalam "Bulan Melayu" sebagai contoh, saya pasti pandangan masyarakat kita terhadap wanita masa lampau, terutamanya wanita Melayu, berlainan sekali daripada yang diketahui selama ini. Bagi mereka yang berminat mengkaji dan melihat situasi sebenarnya di negara kita, saya percaya mengkaji bahan-bahan asal atau bahan arkib pasti akan memberi kita pandangan yang mantap dan kepuasan hati. Kepada mereka yang gemar menulis melalui kajian dan penyelidikan bahan-bahan lama, sama ada dalam bentuk majalah, surat khabar, surat menyurat atau dokumen, pasti akan memberi mereka keupayaan melihat sesuatu isu itu dengan pandangan yang bernas, jujur dan berwibawa.

10 Disember 1994.

KE MANA.....
BINTANG BERIBU.....
DI MALAM INI,
TIADA SATU PUN
YANG KELIHATAN
KECUALI KELAM.



CAREFUL!!



NEVERANDEVER®

Situasi Pendidikan Di Selangor Sekurun Lalu

Beberapa negeri di Malaysia mula dipersekutukan dalam tahun 1895, hampir seratus tahun lalu. Negeri-negeri tersebut ialah Pahang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan yang kumpulannya dikenali sebagai *Federated Malay States (FMS)* atau **Negeri-negeri Melayu Bersekutu**. Pada masa itu ada lima buah negeri yang tidak disekutukan iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu. Negeri-negeri itu dikenali sebagai *Unfederated Malay States (UMS)* atau **Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu**. Di waktu yang sama sudah wujud **Negeri-negeri Selat** atau Straits Settlements yang terdiri daripada Melaka, Pulau Pinang dan Singapura yang ditadbir sepenuhnya oleh pihak British.

Usaha mempersekutukan negeri-negeri ini adalah tindakan pihak pemerintah waktu itu iaitu pentadbir British yang mula mencampurkan tangan pentadbiran negeri-negeri itu dalam tahun 1874 iaitu bermula dengan negeri Perak. Mengikut hujah British, negeri-negeri *FMS* mempunyai permasalahan yang besar; jadi mereka datang untuk "membantu" mengatasi negeri-negeri yang bermasalah itu. Sebenarnya minat mereka kepada negeri-negeri itu adalah kerana kekayaan dari segi wujudnya produk-produk asal seperti bijih timah, emas serta kesuburan tanah kawasan-kawasan yang sesuai bagi tanaman getah dan lain-lain. Kepentingan-kepentingan inilah yang membuat pihak British mengambil alih kuasa di negeri-negeri itu.

Baru-baru ini apabila terkeluar berita mengenai kemajuan murid-murid sekolah di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau yang dikenali dahulu sebagai Sijil Rendah Persekolahan (SRP), teringat pula saya untuk melihat situasi pendidikan seratus tahun dahulu di negeri-negeri *FMS*, terutamanya di

Selangor (termasuk Kuala Lumpur) dan Perak. Dalam tahun 1894 di Selangor terdapat 22 sekolah '*vernacular*' atau sekolah Melayu di mana terdapat 831 murid lelaki sahaja. Pelajar perempuan belum ada di sekolah-sekolah itu lagi. Pukul rata kehadiran mereka di sekolah adalah sebanyak 79%, manakala dalam tahun 1895 terdapat 25 sekolah Melayu di Selangor dengan jumlah 981 murid dengan kehadiran 80%. Dalam bulan Disember 1895, 518 murid menduduki peperiksaan dan jumlah yang lulus 81.7%.

Pendidikan di sekolah-sekolah Melayu diuruskan dengan percuma. Murid-murid diajar menulis dan membaca Melayu dalam tulisan Rumi dan Jawi. Bermakna pada masa itu pihak British sudah mula menggalakkan murid-murid belajar Rumi dengan harapan mereka ketepikan tulisan Jawi yang pihak British sedar diasaskan daripada huruf-huruf Arab, masyarakat yang samasekali mereka tidak hayati. Kebencian masyarakat barat kepada orang-orang Arab telah wujud berkurun-kurun lamanya. Orang Melayu memang sedar komuniti Arab zaman dahulu memang pintar dan amat tinggi daya pemikiran mereka. Keistimewaan itu membuat orang-orang barat, terutamanya yang bukan Islam, irihati dan benci dengan keunggulan daya berfikir masyarakat Islam ini. Kita juga sedar tujuan orang-orang Portugis menawan Melaka dalam kurun ke 16 ialah membuktikan mereka yang beragama Kristian dapat menewaskan negara yang dikuasai oleh orang-orang Islam.

Dalam tahun 1895, di Kuala Lumpur hanya terdapat sebuah sekolah Cina, yang diwujudkan atas permintaan komuniti Cina. Kelulusan diberikan memandangkan pengetahuan bahasa Cina, selain daripada bahasa Inggeris, dapat membolehkan mereka menjadi jurubahasa dan kerani.

Cadangan telah dibuat untuk mewujudkan biasiswa Kerajaan bagi murid-murid berkebolehan untuk mendapatkan

pelajaran Inggeris di Victoria Institution, Kuala Lumpur. Dalam pada itu Kerajaan mengeluarkan elaun bulanan kepada 10 orang anak raja dan anak-anak pembesar daerah dari luar Kuala Lumpur. J.P. Rodger, Pemangku Penasihat British pada tahun itu, merasai bahawa murid-murid Melayu yang berkebolehan harus diberi banyak bantuan untuk memberi mereka peluang belajar bahasa Inggeris kerana di kala itu orang-orang Melayu hanya diberi peluang bertugas sebagai Forest Rangers. Jawatan-jawatan sebagai kerani dan lain-lain di Jabatan-jabatan Kerajaan "*being monopolised by Eurasians, Indians and Sinhales*".

Victoria Institution, sebuah sekolah Inggeris, diwujudkan sebagai kenangan sambutan jubilee perak Queen Victoria dalam tahun 1894. Dalam tahun 1895, prestasi pelajar-pelajar di sekolah itu dikatakan baik sekali yang melibatkan pelajar-pelajar dari semua kaum. Pelajar-pelajar membayar \$1/- sebulan dan jumlah pelajar adalah 158 orang pada tahun pertama. Kehadiran harian ialah 90%. Dalam tahun 1895, pelajar-pelajar berjumlah 201 orang yang terdiri daripada Eropah 4, Serani 25, Melayu 8, India 60 dan Cina 104.

Sehingga tahun 1895, pelajaran bagi anak-anak perempuan tidak diuruskan oleh Kerajaan tetapi diserahkan kepada orang-orang perseorangan. Pada waktu itu tidak ada guru wanita yang berkelayakan terutamanya untuk mengajar bahasa Inggeris. Perancangan dijalankan untuk menyediakan bangunan khas bagi menempatkan sekolah dan tempat tinggal bagi pelajar-pelajar perempuan dengan rumah untuk guru-guru. Guru berkelulusan telah diminta dari England. Sekolah Melayu untuk pelajar-pelajar perempuan telah dimulakan di Kuala Langat dan di Kuala Selangor. Kedua-dua daerah itu mempunyai penduduk Melayu terbesar bagi negeri Selangor. Di sekolah-sekolah itu pelajar-pelajar diajar menenun, menjahit, memasak di samping membaca dan menulis.

Di Perak pula terdapat 96 sekolah dalam tahun 1895 yang terdiri daripada 10 sekolah Inggeris, 84 sekolah Melayu dan 2 sekolah Tamil. Murid-murid kesemuanya berjumlah 4,382 orang dengan kehadiran 70%. Terdapat 10 sekolah perempuan Melayu kesemuanya dengan 262 murid. Kewujudan sekolah perempuan yang besar itu telah menghasilkan guru-guru wanita serta penulis-penulis awal wanita yang berasal dari negeri Perak. Penulis-penulis itu menerbitkan buku dan menyumbangkan makalah ke majalah-majalah. Dari segi peperiksaan pula, jumlah yang lulus adalah sebanyak 86% tetapi dari sekolah-sekolah perempuan pula pencapaian kelulusan adalah jauh lebih tinggi iaitu sebanyak 97%. Angka ini nampaknya tidak berbeza apabila dibandingkan dengan prestasi pelajar wanita seratus tahun kemudian iaitu dalam tahun 1994. Dalam banyak peperiksaan terdapat lebih ramai pelajar perempuan yang lulus dengan jayanya dan cemerlang. Bagaimana agaknya keadaan prestasi perempuan seratus tahun akan datang?

17 Disember 1994.

AZAM AKU TAHUN 97
NI NAK KAWIN
DENGAN TAUKE
BALAK !!



NEVERANDEVER®

Keindahan Kuala Lumpur Dalam Tahun Dua Puluhan

Terdapat beberapa penulisan lama mengenai keindahan bandar Kuala Lumpur hasil karya penulis-penulis luar yang dianggap "pengembara" pada masa dahulu atau "pelancong" pada masa kini yang datang dari England dan Amerika Syarikat. Mereka memuji keindahan "pohon-pohon kayu bandar, pohon-pohon yang menunjukkan seolah-olah Kuala Lumpur itu seperti sebuah taman bunga". Artikel dalam Mujallah Guru, September 1926 mengemukakan aspek-aspek yang menggambarkan kecantikan Kuala Lumpur. Lord North Cliff dan lain-lain pelancong dari Amerika Syarikat dilaporkan memuji keunggulan bandar Kuala Lumpur dalam karangan-karangan mereka. Sebuah artikel menyatakan "setelah saya melawat New York, London, Paris dan lain-lain bandar masyhur dalam dunia, Kuala Lumpur akan tinggal bersih dalam kenangan saya seperti sebuah bandar yang permai dan hijau dengan pohon-pohon dan daun-daun kayu".

Ramai penduduk pada masa itu berpendapat bahawa keindahan Kuala Lumpur itu tidak dapat diperhatikan betul-betul jika seorang itu hanya duduk atau bercakap-cakap di dalam pekan sahaja dan tidak berjalan "pada keliling-keliling bukit dan jalan-jalannya yang terlindung dari pandangan yang ramai".

Kuala Lumpur ialah bandar pusat dan kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan dikenali sebagai '*Federal Capital*' yang sentiasa dianggap indah oleh rakyat tempatan dan luar negeri kerana keistimewaannya yang tersendiri. Pada waktu itu (1926), apabila seseorang tiba sahaja di Kuala Lumpur dengan keretapi, sama ada dari Singapura atau Pulau Pinang, yang mula sekali dilihatnya ialah betapa besarnya Stesyen Keretapi yang "tiada tolok bandingnya" dalam Tanah Melayu. Stesyen di Kuala Lumpur

adalah tempat tumpuan sekalian keretapi dari seluruh negara. Seseorang yang melihat kepada peraturan waktu (*timetable*) keretapi-keretapi yang bertolak dan yang sampai di stesyen Kuala Lumpur serta melihat kesibukannya, nyatalah bahawa stesyen yang sebegitu besar telah dibangunkan dengan tidak sia-sia bahkan kurang besar bagi penumpang-penumpang yang begitu besar itu. Pada waktu itu penumpang-penumpang yang hendak menyeberangi dari stesyen dikehendaki menggunakan jalan bawah tanah yang bermimbuk dengan batu marmar dan diterangi dengan lampu-lampu letrik yang molek cahayanya. Di stesyen itu terdapat hotel yang diberi nama "Stesyen Hotel" yang merupakan salah sebuah hotel terbesar di Kuala Lumpur di waktu itu. Di depan hotel itu "di seberang jalan yang besar" terdiri suatu bangunan yang "sombong dan gagah rupanya". Bangunan itu ialah Pejabat Pengurus Besar dengan beratus-ratus pegawai dan beribu-ribu kakitangan. Tidak jauh dari bangunan itu, ke arah utara bandar, terdapat beberapa buah "bangunan Kerajaan yang terbilang dengan rupanya yang hebat dan tegap" iaitu Pejabat Raya bagi 4 buah Negeri Persekutuan dan bagi negeri Selangor, *Post Office* besar di mana surat-surat dan *telegraph* dalam 4 buah negeri diuruskan. Sederet dengan bangunan *Post Office*, "tersergam pula dengan kesombongan suatu bangunan Kerajaan yang sehabis-habis besar sekali dalam Tanah Melayu" iaitu Pejabat Kerajaan (Bangunan Sultan Abdul Samad) yang dihiasi dengan beberapa kemuncak dan menara jam besar seolah-olah memberi tahu waktu kepada sekalian orang yang mendiami Kuala Lumpur. Di dalam bangunan itu terdapat berberapa pejabat yang besar termasuk Pejabat *Chief Secretary* Kerajaan, Residen Selangor, Penasihat Undang-undang, Pemeriksa Kira-kira (*Auditor-General*), Pejabat Lombong bagi 4 buah negeri dan Selangor, Pejabat Tanah, Pejabat Wang, Pejabat *Commissioner* sekalian perniagaan dan cukai, Pejabat Kesihatan dan lain-lain.

Di seberang sungai terdapat Pejabat Kesihatan Bandar dan Town Hall, Pejabat Ukur yang segak bangunannya yang senantiasa sibuk, Pejabat Hakim dan Mahkamah yang "sentiasa heboh dengan berbagai perkara yang pelik-pelik". Terdapat pula pejabat-pejabat lain di atas bukit di belakang bandar (*Court Hill*) yang terletak bangunan besar yang mengandungi Pejabat Hutan 4 negeri dan Majistret Kuala Lumpur. Berseberangan dengannya iaitu di Bukit Nenas ialah Pejabat Pelajaran Selangor dan Pejabat Ketua Pemeriksa Sekolah-sekolah Inggeris Negeri-negeri Persekutuan dan Negeri-negeri Selat. Tersorok di sebelah Kebun Bunga atau *Lake Gardens* ialah bangunan pejabat Taman-taman bagi Negeri-negeri Melayu. Di lereng bukit tidak jauh dari Stesyen Keretapi ialah Muzium Kuala Lumpur. Selain itu terdapat pula Pejabat-pejabat Cap Mengecap Surat-surat, Pejabat Chandu, Pejabat Membuat Perkakas dan Barang-barang Keretapi (*Central Workshop*) yang terletak bertabur serak pada serata ceruk dalam bandar Kuala Lumpur. Terdapat juga beberapa bangunan sekolah-sekolah Inggeris yang besar serta bangunan sekolah perniagaan yang baru didirikan. Bangunan-bangunan itu tidak mudah dijumpai kerana terletak di celah-celah bukit dan pohon-pohon kayu rendang.

Pada tahun 1926, Kuala Lumpur dilihat sedang mencapai kemajuan yang begitu pesat dan ramai yang berharap dalam sedikit masa sebuah universiti akan diwujudkan. (Universiti Malaya yang ada sekarang diwujudkan pada tahun 1959) "Wah! Pada masa itu barulah ia sombong betul-betul!" mengikut pandangan penulis rencana. Di samping pejabat-pejabat Kerajaan yang terletak di rata tempat, di puncak dan lereng serta kaki bukit yang kesemuanya menghiasi Kuala Lumpur. Bandar ini memanglah kaya dengan bukit-bukit yang cantik-cantik. Di antara rumah-rumah utama di atas bukit termasuklah rumah *High Commissioner*, rumah *Chief Secretary* dan rumah persemayam Sultan-sultan

Negeri Persekutuan. Bukit-bukit adalah tempat yang indah dan hebat yang harus dipelihara sama seperti pokok-pokok di negara ini yang begitu banyak jenisnya yang harus dikekalkan selamanya. Seandainya bukit-bukit diroboh dan pokok-pokok ditebang, langit akan menjadi gelap dan berdebu.

Salah satu tempat di luar bandar Kuala Lumpur yang kerap dilawati orang ialah Gua Batu atau *Batu Cave* yang terletak 7 batu jauhnya dari bandar. Gua yang terletak di atas bukit dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu gua gelap dan gua terang. Batu-batu di dalam gua terukir dengan nama-nama orang yang datang melawatnya. "Apabila kita berdiri di dalam gua terukir itu serta mengadiah ke langit, memandangi awan dari celah-celah retak dan pecahan batu teringatlah kita akan kekayaan Tuhan". Kekuatan air telah menjadikan batu-batu yang kuat dan tegap kelompok, tinggal berbunga-bunga dan kerawang seperti diukir. Inilah '*stalactite*' dan '*stalagmite*' yang masih ada sekarang. Di dalam gua itu keadaannya sunyi sepi, tiada apa-apa kedengaran melainkan bunyi kukuk ayam yang dipelihara penduduk-penduduk di kawasan itu. Jika seseorang memasuki ke dalam gua gelap terpaksa dia memakai lilin dan dipandu oleh seseorang yang biasa dengan tempat itu; jika tidak mungkin dia tersesat. Terdapat juga kelawar yang begitu banyak di *Batu Cave* ini. Di kaki bukit terdapat beberapa orang India meminta sedekah. Pelawat-pelawat merasa keluh kesah apabila "melihat orang-orang India di bawah bukit membuat bisung meminta sedekah".

Saya menulis artikel ini berasaskan fakta dari Mujallah Guru yang menggambarkan situasi di bandar Kuala Lumpur dalam tahun 1926 dengan harapan kita dapat membuat perbandingan dengan situasi masakini. Saya amat tertarik dengan deskripsi *Batu Cave* yang pada masakini dianggap sebagai tempat '*sacred*' kaum India beragama Hindu. Ramai orang masakini yang menyangka

bahawa selama-lamanya *Batu Cave* ini tempat suci bagi orang-orang Hindu. Tetapi jika dilihat daripada artikel tahun 1926 ini tempat ini dipenuhi oleh para peminta sedekah Hindu. Penulisan-penulisan seperti itu amat menarik dan jika para pembaca dapat berfikir dengan waras selepas memperolehi maklumat sah tentulah mereka tidak mudah menerima sesuatu pandangan dengan sewenang-wenangnya.

23 Disember 1994.



AI..YA!!
TANAH LU SUDAH BOLOT.
LANI PASIAG PUN LU
MAU KAUT... INI MACAM
LU.. GI.. LA!!

Nae

DAKERANDEVER®

Polis Dan Penjara

Sambil membaca laporan tahunan Jabatan-jabatan bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu (FMS) bagi tahun 1895, terpendang saya kepada laporan mengenai Polis dan Penjara seratus tahun dahulu di Selangor termasuk Kuala Lumpur.

Pasukan Polis di waktu itu mengandungi seorang *Captain*, *Superintendent* dan pembantunya, 4 *Inspector* Eropah dan pasukan orang Melayu seramai 530 orang dan orang Sikh seramai 227 orang. Pasukan Polis Selangor diketuai oleh *Captain Syers* yang memimpinya semenjak ditubuhkan dalam tahun 1874. Untuk menguruskan pasukan itu, belanjawan pada tahun 1894 berjumlah RM164,541. Kumpulan Kontingen Sikh pada asalnya terdiri daripada dua pasukan iaitu orang-orang Sikh dan Pathan. Kerajaan telah membuat keputusan di awal tahun untuk mengambil pekerja-pekerja Sikh sahaja; jadi jumlah orang-orang Pathan dikurangkan menjadi 45 orang. Tenaga-tenaga Sikh itu diambil terus dari India.

Kontingen Melayu dilaporkan telah kehilangan tenaga-tenaga berkaliber dan telah menjadi kurang mantap dalam tahun 1894. Tetapi situasi itu ditingkatkan semula dalam tahun 1895, jauh lebih baik dari Kontingen orang-orang Sikh. Yang menjadi masalah ialah terjadinya keadaan di mana timbul peraturan mengurangkan kadar membayar elaun kepada pekerja-pekerja berke-lakuan baik. Apabila peraturan itu dipinda semula, ramai tenaga berkaliber itu memasuki semula Kontingen Polis. Anggota-anggota bangsa Melayu yang berkualiti juga telah memasuki semula Polis dan dengan demikian tenaga bercampur yang terdiri daripada orang-orang Tamil, Jawa dan Benggali berkasta rendah, digantikan dengan tenaga Melayu jati.

Captain Syers, yang berpengalaman lama mengetuai Polis Melayu, melaporkan bahawa Pasukan Polis mantap semula dengan dianggotai oleh tenaga-tenaga berkelas. Kata beliau umumnya orang-orang Melayu "*casual and require careful handling*" tetapi di dalam hal ini merekalah sahaja yang gembira sekali kerana Kerajaan menimbang semula untuk "*underplay the Police Force*". Kontingen Melayu ini dilatih sepenuhnya oleh '*instructor*' berbangsa Pathan. Di peringkat atasan terdapat 5 orang pegawai Eropah yang mengawal lebih 500 orang ahli.

Dari segi jenayah yang dilaporkan, terdapat 19 kes rompakan berkumpulan dan 45 kes pembunuhan. Jumlah kes jenayah yang dilaporkan berjumlah 10,907 berbanding dengan 9,612 dalam tahun 1894. Apabila dikaji, didapati sebab-sebab bertambahnya jenayah difokuskan kepada:

- (1) kurangnya tenaga '*efficient*' untuk menangani masalah-masalah jenayah;
- (2) penurunan harga bijih timah yang membuat banyak lombong bijih timah ditutup yang mengakibatkan singkiran tenaga pekerja; dan
- (3) kemasukan watak-watak jahat dari negeri China yang lari dari negerinya untuk mengelakkan diri memasuki khidmat askar semasa perang sedang berlaku antara China dengan Jepun. Daripada penjenayah, 32 orang telah dapat ditahan.


Menyentuh mengenai mereka yang dipenjarakan, dalam tahun 1894 terdapat 292 orang dan dari jumlah itu, 31 orang (termasuk seorang wanita) adalah pesalah Melayu, 243 Cina dan 18 India. Dalam tahun 1895, mereka yang dipenjarakan berjumlah 483 orang iaitu 2 Eropah, 37 Melayu (termasuk seorang wanita),

419 Cina (termasuk seorang wanita) dan 25 India. Kebanyakan penjenayah di penjara baru Pudu digunakan untuk membina bangunan bagi membangunkan kawasan-kawasan di dalam penjara. Ada juga pesalah-pesalah yang digunakan untuk membuat kerja-kerja, membuat perkakas rumah dan lain-lain. Sehingga ini tidak semua pesalah ditempatkan di penjara baru Pudu kerana bangunan belum siap sepenuhnya dan belum lagi disahkan sesuai.

Seramai 14 orang telah lari dari penjara. 2 dari Pudu dan yang lain dari penjara-penjara lain di Selangor. Ada 4 kes pesalah sedang lari tetapi mereka dapat ditangkap semula. Daripada jumlah pesalah, terdapat kematian berjumlah 12% akibat penyakit-penyakit seperti ceret-beret, beri-beri dan lain-lain. Terdapat juga seorang penjenayah Cina yang menjalani hukuman selama 6 minggu telah membunuh diri. Di samping itu, 747 "*vagrants*" ditangkap kerana meminta sedekah di jalan-jalan. Oleh kerana kebanyakan mereka sakit, satu wad khas diperuntukkan kepada mereka di hospital orang-orang miskin (*pauper hospital*).

Pada waktu itu Ketua Polis adalah juga Ketua Penjara. Didapati jumlah penjenayah telah bertambah dengan banyaknya dan dengan kerana itu dirasakan bahawa pentadbiran penjara harus disusun semula. Saya amat tertarik dengan di masa situasi itu kerana pada masa sekarang masih juga terdapat '*linkage*' rapat antara Jabatan Polis dengan Penjara. Setiap Ketua Penjara adalah daripada Jabatan Polis. Apa agak pandangan Dato' Zaman Khan, Ketua Pengarah Penjara sekarang, di dalam hal ini?

31 Disember 1994.



NAECS

Media Lama Bertulisan Jawi

"Mujallah Guru", ialah majalah yang tertua sekali diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu oleh Persekutuan Guru-guru Melayu semenjak 1 November 1924, dengan menggunakan tulisan Jawi sehingga akhir tahun 1949 iaitu selama 25 tahun. Memandangkan majalah itu adalah setua-tua majalah di antara majalah Melayu dalam selengkong alam Semenanjung dan mengandungi banyak maklumat yang membimbing pembaca ke arah kemantapan ilmu pengetahuan, "Mujallah Guru" pernah digelar "Guru Mujallah" di Malayan. Di waktu itu sesebuah majalah yang boleh hidup lama dianggap satu kejayaan yang luar biasa ialah Mujallah Guru.

Bermula dari Januari 1950, Mujallah Guru dikeluarkan dalam tulisan Rumi. Tujuan perubahan menggunakan versi tulisan itu dikatakan bukanlah "hendak ketepikan tulisan Jawi tetapi oleh sebab memandang kepada suasana zaman ini dan juga oleh sebab bahasa Melayu akan dijadikan bahasa rasmi yang akan bersaing dengan bahasa Inggeris". Pihak penerbit merasakan perlu menggunakan tulisan Rumi untuk membolehkan mereka "yang tidak tahu membaca Jawi, tetapi yang tahu berbahasa Melayu," membacanya.

Di waktu itu bahasa Melayu diajar di semua sekolah Kerajaan dan sekolah-sekolah bantuan Kerajaan dan oleh itu bahasa Melayu tulisan Rumi dirasakan perlu digunakan. Dikatakan bahawa kemahiran anak-anak Melayu dikehendaki lebih lagi dalam Rumi daripada Jawi seandainya mereka mahu mengetahui dengan lebih dalam mengenai perkara-perkara rasmi. Pihak penerbit menegaskan bahawa "maksud kita bukan hendak ketepikan tulisan Jawi, tulisan pesaka dato nenek kita dari zaman berzaman itu". Daripada bahan-bahan lama yang tersimpan di Arkib Negara dan juga di luar negeri seperti di Britain, Belanda dan Portugal,

terdapat dokumen-dokumen, manuskrip, suratkhobar dan majalah yang semuanya di dalam tulisan Jawi. Bagi para pelajar dan penyelidik yang tidak tahu Jawi, bahan-bahan yang mengandungi maklumat-maklumat lama tentang sejarah dan budaya negara yang begitu penting dan bermakna tidak dapat digunakan di masa sekarang. Sebenarnya terlalu banyak maklumat lama yang terdapat dalam tulisan Jawi yang memberi gambaran sah mengenai pelbagai aspek sejarah negara ini termasuk adat resam dan budaya kita. Fakta-fakta sah yang menghuraikan dan menganalisis sesuatu peristiwa atau aspek sejarah jarang sekali dipakai oleh penulis-penulis sejarah memandangkan ramai daripada mereka, terutamanya yang bukan Melayu, tidak langsung menggunakan maklumat bertulisan Jawi. Mereka banyak menggunakan maklumat dalam bahasa Inggeris atau yang bertulisan Rumi, jika ada. Di dalam hal ini, amat merugikan sekali warga negara kita, terutamanya orang Melayu, yang jahil dalam tulisan Jawi yang tidak berpeluang melihat perjalanan sejarah dari perspektif tulen serta fakta yang sah dan benar.

Sesiapa agaknya yang bertanggungjawab dalam mempromosikan tulisan Rumi dan mengurangkan penggunaan tulisan Jawi? Daripada apa yang diperkatakan dalam Mujallah Guru, dapat dilihat bahawa ini tidak dilakukan oleh seorang atau sekumpulan manusia. Ia lebih merupakan satu tindakan rata-rata oleh pelbagai pihak untuk mempertingkatkan taraf penggunaan Bahasa Melayu. Ada yang menyatakan penggunaan tulisan Rumi digerakkan oleh Indonesia yang pada suatu ketika dahulu pernah juga menggunakan tulisan Jawi. Ada pula yang berpendapat pihak Cina peranakan (Baba) banyak menggunakan tulisan Rumi dalam penerbitan buku-buku dan suratkhobar seperti yang mula diterbitkan dalam tahun 1890-an dan ini mungkin telah menonjolkan minat orang Melayu terhadap Rumi. Dapat dilihat Mujallah Guru merupakan satu ruang yang telah mempromosikan tulisan Rumi ini.

Ramai yang berpendapat selepas Kemerdekaan (1957), suasana apresiasi tulisan Jawi telah hampir luput. Daripada "Mujallah Guru", dapat dikesan bahawa bermula tahun 1950, tulisan Jawi telah mula dikurangkan penggunaannya. Ini membuktikan suasana dan *trend* budaya Melayu di mana setiap waktu masyarakat disedarkan tentang perlunya mereka dimajukan dan dimodenkan dan apabila ini berlaku dengan serta merta masyarakat menangkis segala yang diwarisi semata-mata kerana hendak menggunakan *trend* yang baru. Tidak dapat dinafikan memang baik sekali masyarakat dibangunkan dan dimajukan ke hadapan tetapi dalam pada itu hendaklah sentiasa dipastikan setiap yang lama diwarisi turun temurun itu perlu disimpan dan dipelihara dengan sempurna selama-lamanya. Misalnya elemen-elemen budaya, aspek-aspek tradisi dan setiap yang diwarisi dari nenek moyang kita termasuk tulisan Jawi yang harus disimpan dan dikekalkan; sebaik-baiknya tulisan Jawi digunakan sepanjang masa supaya menjadi popular di kalangan pengguna-pengguna dan generasi muda. Apabila menilai aspek ini dalam budaya kita, kita harus berusaha keras mengekalkan elemen-elemen penting dalam budaya dan perjalanan hidup kita.

Menyentuh mengenai surat-surat khabar bertulisan Jawi, yang paling awal diterbitkan ialah Jawi Peranakan yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1885. Akhbar itu mengandungi maklumat-maklumat dan laporan mengenai negeri-negeri di Tanah Melayu terutamanya di Pulau Pinang. Di muka depan akhbar itu terdapat iklan-iklan mengenai tukang gigi, kedai-kedai cat dan juga mengenai ubat-ubat yang terdapat di Indonesia yang diiklankan dalam tulisan Rumi dengan ejaan Indonesia tradisional. Akhbar empat muka itu kerap mengandungi syaer mengenai peristiwa-peristiwa yang berlaku di negeri-negeri. Banyak berita mengisahkan peristiwa-peristiwa yang melibatkan binatang-binatang seperti harimau, buaya, gajah dan lain-lain. Ada juga

dilaporkan perkara-perkara seperti lawatan rasmi Sultan Kedah ke Siam dan sambutan yang dilakukan apabila Sultan kembali ke Kedah.


Akhbar Warta Melayu yang mula diterbitkan pada 23 Mac 1898 di Singapura merupakan satu lagi akhbar Melayu bertulisan Jawi yang diterbitkan di waktu itu. Akhbar lapan muka itu melaporkan pelbagai perkara yang berlaku di dunia termasuk di negeri China, Siam, Annam, Filipina, Cuba, Germany, England, Mesir dan India. Berita-beritanya banyak menumpukan mengenai peperangan, serangan dan huru-hara di negeri-negeri berkenaan. Laporan-laporan adalah menarik dengan maklumat terperinci yang menimbulkan minat para pembaca.

“Laporan atau akhbar Negeri Melayu” merupakan bahagian yang melaporkan mengenai perkara-perkara yang berlaku di India, Holland, Aceh dan negeri-negeri Melayu termasuk Melaka dan Pahang. Di Melaka dilaporkan mengenai hal ekonomi peladang yang mencapai kejayaan. Di waktu itu kebun-kebun kopi, ubi kayu dan lain-lain beruntung lebih sedikit daripada 2-3 tahun sebelumnya. Ini telah membuat pihak Warta Melayu merasai lebih berkeyakinan pada diri.

Tujuan pihak penerbit mengeluarkan surat khabar dalam Bahasa Melayu ialah untuk membolehkan lebih ramai para pembaca mengetahui berita dan laporan-laporan mengenai apa yang berlaku di seluruh dunia. Pihak akhbar tidak mahu masyarakat tidak tahu tentang peredaran dunia dan menjadi seperti “kodok di bawah tempurung” yang hanya tahu tempurung itu sebagai langit. Pihak akhbar juga mahu “orang yang menuntut pengetahuan dan yang sentiasa belajar segala perkara yang berguna maka akalunya dan ilmunya pun paling dalam dan nasihatnya dipinta orang yang mencari pedoman yang tentu.”

Harapan saya dari dulu, kini dan sampai bila-bila akhbar-akhbar bertulisan Jawi digunakan oleh setiap penyelidik yang hebat pendiriannya, yang mahu mengesan maklumat paling awal mengenai sejarah, adat resam dan budaya kita yang amat hebat mutu serta kualitinya.

18 Januari 1995.



SESIAPA YANG TAK TAHU
BACA DAN TULIS JAWI...
CIKGU AKAN MASUK
JAWI DIA SECOND ROUND!

Pandangan Penulis Barat Terhadap Orang Melayu

Frank Swettenham, tokoh kolonial British yang terkenal di negeri-negeri Melayu Bersekutu, kerap menulis mengenai Tanah Melayu dan penduduk asalnya, orang Melayu. Di waktu itu Swettenham berhubung rapat dengan orang Melayu dan banyak terlibat dengan peristiwa-peristiwa yang mengwujudkan perhubungan antara pihak British dengan orang Melayu. Beliau mengeluarkan pandangan mengenai orang Melayu, terutamanya Melayu Perak, menerusi sebuah penulisan berjudul "*The Real Malay*" yang ditulis dalam tahun 1893.

Saya rasa perlu untuk mengeluarkan pandangan orang Barat mengenai orang Melayu yang beliau rasa amat beliau kenali untuk pengetahuan masyarakat kita. Ada elemen-elemen yang dibangkitkan oleh Swettenham yang benar dan masih wujud sehingga ke hari ini; di samping itu ada pula yang boleh dipertikaikan. Saya rasa perlu sekali mengeluarkan pendapat yang disampaikan itu untuk kita sama-sama membaca, berfikir dan menilai pandangan orang luar terhadap masyarakat kita. Walaupun maklumat yang dikeluarkan itu berusia lebih seratus tahun ada elemen-elemen yang masih wujud sehingga ke hari ini. Ini memberikan gambaran bahawa ciri-ciri perwatakan Melayu adalah mantap; soal buruk baik perwatakan itu adalah soal berasingan yang berbeza pandangannya dari masa ke semasa. Saya ingin berkongsi maklumat yang ditulis di hujung kurun ke 19 itu dengan akhir kurun ke 20 kerana rata-rata perubahan sedang berlaku dan bertambah-tambah lagi perlu kerana kita akan memasuki bukan sahaja abad yang baru tetapi *millenium* yang baru.

Mengikuti kenyataan Swettenham, untuk memahami watak serta resam hidup orang Melayu, seseorang itu harus tinggal di negerinya, bercakap bahasanya, hormati agama dan kepercayaannya, berminat dengan segala yang diminatinya, humor segala prejudisnya, bersimpati kepadanya dan membantunya jika di dalam permasalahan serta berkongsi segala kesukaannya dan mungkin juga risikonya. Pendek kata, untuk mengenali rapat orang Melayu, seseorang itu harus menjadi sahabat karib kepadanya. Dengan pendekatan itu orang Melayu akan lebih yakin dengan orang yang rapat dengannya itu. Melalui keyakinan ini, seseorang itu dapat memahami hati naluri masyarakat Melayu. Pengetahuan seperti itu hanya boleh diperolehi oleh mereka yang ada peluang sedemikian dan dapat menggunakan peluang itu sepenuhnya. Swettenham berpendapat cara mengkaji dan menilai orang-orang Melayu di negara asalnya, di mana tingkah laku dan perwatakan sahnya dapat dilihat sepenuhnya, tidak banyak dilakukan oleh orang-orang Eropah yang jumlah kecil sahaja, mempunyai kecenderungan untuk berhubung rapat dengan orang Melayu. Orang Barat yang minatnya kepada bangsa Melayu kuat dan mendalam bukan sahaja menerima apresiasi daripada orang Melayu tetapi kesanggupan mereka berkorban kerana persahabatan yang begitu akrab itu.

Dari segi rupa, kata Swettenham, orang Melayu jati bertubuh rendah tetapi badannya tegap. Mereka berambut hitam dan lurus, kulitnya pula berwarna coklat, manakala hidung dan mulutnya tebal tetapi matanya bersinar, segar serta waras. Perilakunya mesra, tingkah lakunya tertib dan menyenangkan. Dengan orang yang tidak dikenali mereka lebih berhati-hati dan kadang-kadang mengesyaki walaupun hakikat itu tidak ditonjolkan atau ketara kepada sesiapa. Orang Melayu berani dan boleh dipercayai sepenuhnya apabila diserahkan tanggungjawab; tetapi umumnya dia boros, suka meminjam wang dan selalunya lambat membayar wang pinjaman, kata Swettenham. Mereka pandai

bercakap, selalunya dalam *parables* dengan banyak menggunakan peribahasa, ungkapan bistari dan berminat penuh kepada perkara-perkara berjenaka. Mereka erat dan prihatin kepada tetangga mereka yang mengakibatkan mereka mudah membawa mulut. Sebagai orang Islam mereka berpegang teguh kepada takdir dan nasib tetapi mereka juga menghayati kepercayaan-kepercayaan karut. Orang Melayu tidak meminum arak dan jarang pula menghisap candu. Ada yang berminat berjudi serta melaga ayam. Dari segi resmi, orang Melayu memang gemar bersukan, suka menangkap dan menjinakkan gajah, menjadi nelayan yang cekap dan amat selesa sekali bila berada dalam perahu. Dalam menangani perjalanan hidup mereka boleh dianggap konservatif, tetapi berbangga dan mengasihi negara serta rakyatnya. Mereka mematuhi adat dan tradisi lama, menghormati Raja dan penguasa-penguasa bertauliah. Dalam pada itu mereka melihat sesuatu inovasi baru dengan perasaan was-was dan sukar pula mereka menerimanya jika diperkenalkan dengan tiba-tiba. Tetapi jika mereka diberi masa untuk menganalisis dan menilai perkara-perkara baru itu yang tidak disembahkan ke atas mereka dengan begitu sahaja, pasti mereka dapat menerima faedah daripada perkara-perkara itu. Orang Melayu juga dapat menghayati sesuatu bidang yang dipelajari dengan baik dan jika mereka mempunyai cita-cita dan hasrat untuk maju dalam bidang itu, mereka akan menjadi tenaga kerja yang berkebolehan tinggi.

Kata Swettenham lagi, adakalanya orang Melayu dianggap malas; selalunya dikatakan mereka tidak mempunyai cara atau peraturan melakukan sesuatu, tidak mengenal dan mengira waktu termasuk waktu makan. Umumnya mereka menganggap 'waktu' atau 'time' itu tidak penting. Rumah Melayu dikatakan tidak kemas, kadang-kadang kotor tetapi orang Melayu mengutamakan soal membersihkan diri. Mereka mandi dua kali sehari dan gemar pula menghiasi diri serta memakai pakaian yang bergaya.

Orang Melayu sama sekali tidak boleh tahan sesuatu yang mencaci atau menghina; kepadanya perkara-perkara ini harus dibuang dari darah daging manusia. Demikian pandangan mantap Frank Swettenham terhadap orang Melayu yang beliau rasa beliau kenali dan memahami falsafah dan naluri hidupnya. Selalu orang Melayu merenung mendalam memikirkan penghinaan terhadap mereka sehingga mereka berazam memberi balasan kepada orang yang melakukannya. Biasanya jika mereka tidak dapat mengesan sesiapa yang menghina dan menjatuhkan nama mereka, akan mereka menyerang sesiapa sahaja yang berada di depan mereka, tidak kira lelaki atau wanita, muda atau tua. Situasi marah ini mewujudkan kejadian yang dipanggil 'amok' atau mengamok. Swettenham menyebut orang Melayu pernah dikatakan tidak jujur dan tidak setia tetapi beliau sendiri tidak bersetuju dengan kata-kata itu kerana beliau mengenali orang Melayu dengan rapat. Katanya orang Melayu amat tertib dan bersopan santun dan dengan kerana itu mereka mengharap ketertiban itu ada balasannya.

Semangat berpuak atau bersuku memang kuat di kalangan masyarakat Melayu. Orang Melayu menghayati warisan keluarga dan menghormati pemimpin-pemimpin keluarga. Mereka tetap mempertahankan keluarga serta saudara mara dan menjadikan segala masalah mereka tanggungjawab bersama.

Semasa remaja, budak lelaki Melayu memang lawa, dengan mata, bulu mata dan bulu kening yang mempersonakan. Tetapi pandangannya selalu berat dan menyedihkan seolah-olah dia telah meninggalkan tempat yang lebih indah dan selesa dan terpaksa datang ke tempat buangan yang tidak menyenangkan. Mukanya bersih dan tidak ada bahagian-bahagian muka seperti hidung yang kotor dan comot. Dia dijaga dengan baik dan dihormati kemahuaannya; dia tidur ikut sesuka waktu dan boleh berjaga pada bila-bila

masa yang dia suka dan dia makan hanya bila lapar. Dia juga tidak diberikan apa-apa permainan, jarang dipukul dan jarang pula menangis. Sehingga dia mencapai usia 15 tahun, persekitaran hidupnya adalah baik dan mempersonakan. Kerap kali dia rajin belajar, terutamanya membaca Al-Quran.

Daripada umur 16 hingga 25 tahun dan selepasnya dia harus dielakkan. Dia senantiasa menyeronokkan diri dengan menaburkan benih di merata tempat sama seperti remaja dari negara-negara yang lebih tinggi tamadunnya; dia berlebih-lebihan dalam tingkah laku, suka berjudi, terlibat dengan hutang serta gemar pula melarikan isteri jirannya. Ini berlaku untuk sesuatu jangka waktu dan kerap kali selepas selesai menyeronokkan diri dia akan mengubah tingkah lakunya, kata Swettenham.

Selepas berusia 40 tahun dia akan menjadi manusia yang waras dan prihatin; kerap kali ini membuatnya menjadi manusia yang dihormati. Orang Melayu mudah melupakan kelemahan seseorang jika orang itu mengubah sikap dan gaya diri serta menjadi seseorang yang ada keistimewaan dalam bidang-bidang tertentu.

Budak perempuan pula tidak selawa budak lelaki semasa kecil dan keluarganya juga kurang memberi perhatian kepadanya. Dia dibenarkan bebas dan melakukan bermacam-macam perkara sehingga berusia 5 tahun. Selepas itu dia diajar membantu dalam kerja-kerja rumah, di dapur, menjahit, membaca dan menulis serta mungkin juga bersawah. Dia dikawal supaya tidak rapat dengan mereka yang tidak dikenali. Kebimbangan ini dikaitkan dengan moral hidup. Bila berusia 15-16 tahun, anak perempuan mempunyai tingkah laku yang lebih menarik; kerap kali dia malu, suka memakai pakaian cantik-cantik dan barang-barang kemas. Umumnya wanita Melayu lebih putih daripada lelaki serta mempunyai tangan dan kaki yang kecil dan comel, mukanya senantiasa

WAA... SMART HANG MACHO NAMPAK ARI NILI... HABIS

LAIN MALAM SAJA BUNYI NI.. MESTI ADA YANG TAK KENA NILI...

BEDONG NI

Apa punya orang... Sama budak pun mau paw...



senyum dan ketawa, gigi pula baik serta mata dan kening istimewa sama seperti mata anak lelaki Melayu. Wanita Melayu bangga dengan rambutnya yang lebat, hitam dan lurus. Kulitnya licin berwarna buah zaitun dengan bulu kening yang lentik bak anak bulan, di samping pipi dan dagu berlesung pipit. Huraian ini menggambarkan betapa berminatnya Swettenham kepada rupa paras anak-anak dara Melayu.

Anak-anak muda wanita yang masih bujang dilarang sama sekali berhubung dengan lelaki melainkan yang bersaudara dengannya. Mereka tidak digalakkan mengangkat mata apabila bercakap dengan lelaki atau melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan yang diturut serta oleh pihak lelaki.

Kata Swettenham, selepas berkahwin wanita Melayu di beri kebebasan yang amat dihargai sepenuhnya untuk berinteraksi dengan semua pihak. Keunggulan wanita Melayu, terutamanya dari keluarga orang kenamaan, ialah keupayaan berbicara dengan waras, kecekapannya berinteraksi dan lebih daripada itu ialah kebolehan berjenaka dan kemampuan memahami erti bidalan serta kata-kata bistari yang senantiasia wujud di dalam sembangan orang Melayu. Mereka gemar membaca tulisan-tulisan mengenai pelbagai perkara dan suka pula menggunakan perkataan-perkataan atau ungkapan kata yang selalunya jarang difahami oleh pihak lelaki. Untuk mengeluarkan perkara-perkara bertaraf sulit dan rahsia, mereka berupaya menggunakan kata-kata yang jarang difahami oleh masyarakat umum.

Mengenai patuhan terhadap agama, mengikut pandangan Swettenham, orang Melayu tidak begitu patuh kepada ciri-ciri Islam termasuk melaksanakan upacara-upacara Islam. Seperti yang kita sedar dan ketahui ini adalah pandangan orang Barat terhadap orang Melayu lebih seratus tahun dahulu. Katanya lagi orang

Melayu memberi perhatian sepenuhnya kepada aspek-aspek pangkat dan asal usul seseorang terutamanya dalam soal perkahwinan. Pemilihan menantu menitik beratkan latar belakang keluarga seseorang yang dipilih sebagai menantu itu.

Swettenham merasa perlu untuk menyebut bahawa lelaki Melayu dibenarkan mempunyai seramai empat orang isteri, menceraikan isteri dan menggantikannya dengan isteri baru. Jika lelaki itu berharta dan berhidup mewah, dia menggunakan kuasa yang ada itu untuk berkahwin lebih daripada sekali, bercerai dan mencari isteri pengganti. Tetapi pada masa itu, kata Swettenham, lelaki jarang mempunyai empat orang isteri di sesuatu masa. Wanita boleh memohon untuk diceraikan oleh suami. Syarat-syarat perkahwinan dan penyelesaian masalah perkahwinan termaktub secara bertulis, terutamanya bagi orang-orang kenamaan, di mana syarat dan peraturan tentang penjagaan anak-anak, pengagihan harta dengan nyata. Dengan kerana ada peraturan-peraturan itu membuat budaya hidup orang Melayu tidak menyusahkan. Jarang sekali terdapat mereka yang gila atau tidak siuman di kalangan masyarakat Melayu disebabkan masalah perkahwinan.

Itulah pelbagai pandangan daripada Frank Swettenham mengenai orang Melayu yang dikeluarkan dalam bukunya "*The Real Malay*" pada tahun 1893. Seorang lagi pegawai kanan British yang mempunyai banyak penulisan tentang orang Melayu R. J. Wilkinson, telah menulis mengenai aspek-aspek tradisi dan budaya Melayu termasuk cara hidup dan adat resam mengikut pandangan beliau. Banyak penulisannya boleh menggerakkan kita berfikir, misalnya mengenai senitari dan drama Melayu. Kata beliau pengaruh-pengaruh dari negara luar termasuklah dalam bidang wayang dari China, bangsawan dari Eropah, ronggeng, gambuh dan joget dari Jawa, boria dari India, hadrah dan dabus dari Arab, makyong dan menora dari Ligor, Siam. Katanya dari kajiannya

sukar sekali beliau hendak mengesan sesuatu yang sebenarnya berasal dari negara ini. Menurut beliau orang Melayu dan budayanya amat pentingkan senitari, seni lagu dan lain-lain aspek hiburan. Dengan kerana itu Wilkinson menyoal dengan bersungguh adakah bermakna kegemaran kepada seni ini diperolehi dari luar dan orang-orang Melayu tiada apa-apa yang betul-betul berasal dari negaranya. Atau kata beliau, kita boleh putuskan bahawa jenis-jenis seni dan hiburan dari luar negeri yang terdapat di negara kita ini telah mengambil alih elemen-elemen seni dan budaya asal yang telah wujud juah lebih lama di negara kita. Kerap kali juga ada kenyataan yang menggambarkan bahawa orang Melayu yang mengutamakan kemajuan kerap sekali mengenyepikan warisan seni yang sedia ada.

Dari segi rekreasi kepada sesuatu perkara, orang Melayu amat menggemarinya dan rekreasi menjadi sebahagian daripada budaya hidup Melayu. Mengadakan temasya merupakan sejenis hiburan yang disukai sepenuhnya oleh orang Melayu. Perjalanan dan ekspedisi dibuat rata-rata termasuk ke hutan untuk memburu, ke pantai untuk mengumpul telur penyu dan ke laut untuk memancing serta berkelah rata-rata. Segala aspek menggunakan masa di luar rumah menggambarkan betapa hebatnya *commitment* orang Melayu terhadap cara hidup menggunakan alam semulajadi. Boleh dikatakan apresiasi terhadap alam sekitar adalah unsur-unsur sihat yang melambangkan watak jati orang Melayu.

Wilkinson menganggap orang Melayu moden (beliau menulis pada tahun 1910) gemar membaca jika dibandingkan dengan datuk nenek mereka yang tidak pernah membaca. Setiap orang Melayu banyak terlibat dengan *gossip* dan ramai pula dipercayai apa yang mereka dengar. Orang Melayu selalunya tidak berhati-hati apabila melakukan sesuatu dan gemar sekali berjenaka. Kata Wilkinson lagi orang Melayu juga menghargai keindahan

hidup tetapi mereka sederhana dalam menangani amalan hidup: sama ada mereka sedar atau tidak, tidaklah diketahui. Orang Melayu suka makan tetapi tidak sampai terlalu kenyang. Mereka selalu berinteraksi tetapi secara sederhana. Ada di kalangan mereka, kata Wilkinson, berjudi tetapi hanya di waktu-waktu tertentu. Ada pula orang Melayu yang menghisap candu tetapi secara sedikit. Adalah salah jika dikatakan orang Melayu moden dirosakkan kerana kemajuan negara atau oleh dorongan orang Eropah, atau oleh candu China atau dengan pelacuran serta berbagai isu lain. Beliau meminta orang membaca dan menghayati sejarah Melayu yang mengeluarkan cerita-cerita mengenai berbagai aspek tradisi dan budaya orang Melayu. Dari segi Melayu moden, penulisan Abdullah Munshi mengenai lawatannya ke Kelantan memberi pendedahan mengenai budaya wanita Melayu di negeri tersebut. Wilkinson juga merujuk kepada diari-diari Birch yang kerap menyebut tentang orang-orang Melayu dan kelemahan-kelemahan mereka seperti menghisap candu dan lain-lain.

Waktu telah membuktikan kewujudan *glamour* pada masa-masa lampau. Wilkinson merasai bahawa tamadun moden sedikit sebanyak telah mengubah kejatian budaya orang Melayu. Mengenai belia lelaki Melayu dalam tahun 1910, Wilkinson menyebut tentang perubahan-perubahan yang berlaku yang membuat mereka lebih bergaya dengan memakai kasut berkilat serta cermin mata berhias yang kesemuanya menggegarkan perasaan gadis-gadis terhadap mereka.

Inilah sebahagian daripada pandangan yang dikeluarkan oleh R. J. Wilkinson pada tahun 1910. Pandangan yang dikeluarkan oleh beliau dan Frank Swettenham membuat saya berfikir dengan sepenuh-penuhnya. Saya mengeluarkan perkara-perkara ini semata-mata untuk memberi peluang kepada para pembaca kita meneliti komen-komen dan penilaian tokoh-tokoh British menge-

nai aspek-aspek tradisi dan budaya bangsa Melayu serta tingkahlaku dan minat orang Melayu. Kalau dibuat analisis sepenuhnya ada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh mereka melibatkan hanya satu dua orang sahaja yang mereka temui yang membuat mereka mengeluarkan rumusan. Harapan saya apa yang dikeluarkan itu akan dinilai oleh sesiapa yang membacanya dan dengan itu dapat kita meneliti dan memahami rumusan bangsa-bangsa asing terhadap masyarakat kita. Kepada saya rumusan mereka selalunya tidak betul kerana mereka sebenarnya tidak memahami adat resam dan budaya bangsa Melayu.

20 Februari 1995.



SAMPAH TANG
AJLIS PERBAH
BEDONG

BEGINIKAH YANG
DIKATAKAN MELAYU
JATI PANDANGAN
SEKURUN...

D'amok

Za'aba Dengan Penulisan Sejarah Tanah Melayu

Dalam Mujallah Guru yang mula diterbitkan pada 1 November 1924, Pak Za'aba (Allahyarham Tan Sri Prof. Zainal Abidin bin Ahmad) merupakan penulis yang unggul yang menyebarkan maklumat mengenai bahasa dan aspek sejarah. Saya mengenali Pak Za'aba sebagai *Professor* di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Singapura yang mengajar bahasa kepada kami pelajar-pelajar semenjak tahun 1958. Sebagai seorang pensyarah, cara beliau menyampaikan maklumat subjek Bahasa Melayu adalah unik sekali. Beliau senantiasa menyampaikan syarahan dengan gaya yang penuh *humour* yang membuat subjek yang agak berat menjadi begitu menarik. Banyak maklumat yang telah beliau sampaikan tetap saya kenangi buat selama-lamanya.

Dari segi maklumat sejarah, beliau banyak menulis dalam Mujallah Guru di bawah tajuk "Bahagian Tarawikh". Berbagai aspek sejarah disentuhinya dan saya rasa perlu kita melihatnya terutamanya seorang intelek Melayu pada tahun 1927. Mungkin ada maklumat-maklumat terkini yang diperolehi mengenai subjek yang ditanganinya itu tetapi saya rasa perlu untuk mengeluarkan data-data yang beliau telah kumpul hampir 70 tahun yang lalu itu.

Topik yang saya pilih kali ini dari tulisan Pak Za'aba ialah mengenai "Bekas-bekas zaman telah beragama Islam di Tanah Melayu". Pada waktu itu maklumat yang paling lama yang menunjukkan kewujudan agama Islam di Tanah Melayu ialah seperti yang terdapat di Batu Bersurat Terengganu yang dijumpai dalam tahun 1922 yang dianggap "baru" diperolehi pada waktu itu. Batu Bersurat itu telah dipinjamkan oleh Sultan Terengganu kepada Raffles Museum di Singapura.

Batu Bersurat itu dijumpai oleh seorang saudagar Arab dan pencari lombong timah bernama Syed Hussein kira-kira 25 tahun sebelum 1927 dalam Sungai Tersat dekat Kuala Berang iaitu 25 batu jauhnya mudik ke hulu dari Kuala Terengganu. Kampung berhampiran di situ dikatakan tersangat molek yang terletak pada pertemuan tiga buah sungai. Kawasan itu ialah pusat perniagaan dan pasar jualan bermacam-macam jenis barangan. Dikatakan kawasan itu mungkin pernah menjadi ibu negeri Terengganu pada suatu masa dahulu.

Menurut cerita penduduk-penduduk di kawasan itu, batu itu terletak beberapa lama di hadapan sebuah surau dibuat tangga dan alas bagi orang-orang membasuh kaki apabila hendak ke surau. Bukti penggunaan itu dapat dikesan kerana sebahagian daripada tulisan yang terpahat di atas batu itu telah hakis dek kerana digesek dengan kaki. Suatu hari imam surau itu melihat tulisan di batu itu dan dia terus menyuruh batu itu dibawa balik ke tepi sungai, tetapi Syed Hussein telah mengambil balik batu itu. Orang-orang Melayu Kuala Berang yang amat mempercayai perkara-perkara yang karut-karut, takut pula untuk memegang atau melihat batu itu.

Akhirnya batu itu di bawa hilir ke kuala dan dipersembahkan kepada Sultan. Sultan pula mengarahkan batu itu diletakkan di dalam kota tua di Bukit Puteri dekat dengan muara sungai. Ada juga orang Melayu yang cuba membaca tulisan di batu itu sehingga ada pula yang mengatakan batu itu "memberi tahu akan sesuatu tempat yang boleh didapati beberapa harta kekayaan yang disembunyikan oleh orang dulu-dulu." Ada pula yang mengatakan itu adalah "suatu batu peringatan bagi balasan yang telah dihukumkan di atas seorang isteri yang tidak setia" oleh seorang Raja pada zaman dahulu. Di samping itu satu "tiruan" dibuat daripada tulisan di atas batu itu yang dikirimkan ke Mekah meminta

Haih! Surat atas
batu !!

Ni batu bersurat ke?



diterangkan maksud penulisan itu. Bantuan dari ulama-ulama di Tanah Arab itu dipohon tetapi mereka tidak memberi apa-apa kenyataan.

Kemudian perkara mengenai Batu Bersurat itu telah sampai kepada seorang orang putih di Terengganu dalam tahun 1922 dan beliau sendiri telah mengirinkan contoh surat tersebut kepada pendita-pendita di Eropah yang pakar dalam tulisan lama-lama. Mereka dapat mengesan bahawa itu adalah tulisan Melayu huruf Arab yang bermaksud menyuruh mendirikan agama Islam serta menyatakan dengan ringkas beberapa hukum yang besar-besar dalam agama Islam. Tarikh yang termaktub di surat itu ialah Hijrah 721 iaitu bersamaan Masihi 1303. Sehingga 1927 belum didapati sebarang bukti tentang kedatangan agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu terlebih awal dari itu.

Pak Za'aba telah menulis satu lagi bukti mengenai kewujudan agama Islam di Tanah Melayu yang dikaji sepenuhnya oleh penyelidik-penyelidik masa lampau iaitu kubur seorang yang bernama Sheikh Ahmad di Pengkalan Kempas hampir dengan Port Dickson, Negeri Sembilan. Kubur tersebut bertarikh Hijrah 876 bersamaan 1467 Masihi dibuat daripada batu tanah merah dan ada tulisan Arab di batu nisan yang sudah tidak dapat dibaca lagi. Terdapat juga suatu "tiang bermuka empat (empat persegi) daripada batu pasir bertebuk dengan suatu lubang yang dipercayakan ketat. Ia dikelilingi tangan orang yang bersumpah dusta apabila disarungkan tangannya ke dalam lubang itu." Terdapat juga satu tulisan Jawi yang menyebutkan tarikh kubur itu dan satu lagi ditulis dalam bahasa India Selatan yang belum dapat dibaca. Cuma yang dapat dibaca ialah nama "Ahmad Majana" yang ertinya "Ahmad yang besar".

Selain daripada itu terdapat pula selonggok tiang batu yang diperbuat daripada batu besi Tanah Melayu. Di hadapan longgok batu itu terdapat satu tambak rata yang tertinggi. Satu daripada tiang-tiang itu dikesan terukir gambar kuda atau kuda padi (kecil) dan di sebelah atas ukiran kuda itu diukir pula gambar burung. Sebatang lagi tiang disebut 'pedang' dan di atasnya terukir perkataan "Allah". Batu-batu itu dikatakan "batu berdagu" daripada jenis pertukangan yang wujud di Minangkabau dan dibandingkan dengan batu nisan Raja Aditiawarman yang berada di makam Diraja Sumatra bertarikh 1378 Masihi.

Di waktu itu dikatakan tidak dapat dipastikan adakah tiang-tiang batu tersebut bersamaan masa tarikhnya, diperbuat dengan tarikh kubur Sheikh Ahmad itu atau tiang-tiang itu diperbuat terdahulu daripada kubur itu. Dalam suratan huruf Arab di tiang itu dikatakan wali Allah yang dikuburkan di situ hidup di zaman pemerintahan Sultan Mansur Shah di Melaka. Sultan Mansur Shah mangkat dalam tahun 1477 dan batu nisan baginda berukir-ukir dan terdapat dengan eloknya. Satu daripada perkataan yang terpaht ialah sebuah syair dalam bahasa Arab yang membandingkan keadaan dunia yang tidak kekal dengan jaring yang dibuat oleh labah-labah.

Di Raffles Museum Singapura ada disimpan satu lagi batu nisan yang tidak banyak ukiran, hanya lurus dan senang pembuatannya iaitu batu nisan seorang yang bernama Nakhoda Hj. Kambabat, anak kepada Jamaluddin yang meninggal dunia mungkin di Melaka pada 9 Ogos 1459. Selain daripada itu terdapat di Raffles Museum Singapura batu nisan yang dikatakan diperbuat daripada tembok kota Melaka yang lama. Kubur itu ialah kubur Hj. Nasruddin yang meninggal dunia pada 18 Januari 1480.

Artikel Pak Za'aba mengeluarkan maklumat mengenai beberapa makam Diraja yang terdapat di Pekan, Pahang yang sama bentuk batu nisannya dengan makam-makam di Kota Raja di negeri Aceh. Rujukan dibuat kepada Kitab Bustanus Salatin yang dikarang dalam kurun ke 17 oleh Sheikh Noordin yang ada menyebut seorang Raja Aceh bernama Sultan Iskandar yang ke 2, iaitu Alaidin Maghayat Shah (mangkat pada 1641), putera kepada seorang Raja Pahang bernama Ahmad Shah yang telah ditawan dan dibawa ke Aceh. Sultan Iskandar itu telah menghantar suatu angkatan ke Pahang dengan membawa batu-batu nisan bagi kubur nenek-nenek Baginda yang tinggal di Pahang. Dijangka bahawa batu-batu nisan yang serupa lanting China yang didapati di tanah perkuburan di Pekan itu ialah batu-batu nisan yang dibawa dari Aceh.

Satu lagi batu yang dikatakan elok dan berada di Pekan itu telah tertanam beratus tahun dalam pasir di Sungai Pahang di tempat yang bernama Tebing Tinggi. Batu itu dikatakan daripada kubur seorang Raja bernama Raja Fatimah yang meninggal dunia dalam tahun 1495. Iaitu adalah satu-satunya maklumat yang terpa-hat dalam tulisan Melayu menurut rupa contoh pertukangan batu nisan Arab. Pak Za'aba merujuk kepada makam Sultan Abdul Jamil atau Marhum Sheikh yang tersebut dalam Sejarah Melayu telah dimakamkan di Lubuk Pahang (Pelangi) yang belum dijumpai lagi. Pak Za'aba menyebutkan tentang kubur-kubur yang didapati di Bruas, Perak pula yang terletak Kerajaan tua yang binasa pada permulaan kurun Masihi ke 16 dan semuanya adalah sama seperti contoh pertukangan yang terdapat di Sumatera.

13 Mac 1995.

PI MESEJIO
MASTI NAK TUNJUK
DIA PUNYA KEDURUKAN.

Ala.... Takkan kemana...
Nanti LUBANG KUBUR
DIA NAK PI.. JUGAR.



Sempena Kemerdekaan Tanah Air

Pada 1 September 1956 Setiausaha Agung UMNO, Encik Senu Abdul Rahman (Allahyarham Tan Sri), dalam kata pengantar bagi buku UMNO 10 Tahun, 1646-1956, yang diterbitkan ke arah pencapaian Kemerdekaan menyuarakan harapan buku itu dapat menyedarkan ingatan penduduk-penduduk negara ini, khususnya orang Melayu serta ahli-ahli UMNO, kepada perkara-perkara yang menyebabkan UMNO dilahirkan serta juga segala pahit maung dan masam manis yang dirasai dan ditempuh oleh ahli-ahli UMNO "dalam masa mereka melayarkan bahtera pertubuhan mereka dari sejak dilahirkan".

Kesyukuran kepada Ilahi dinyatakan sepenuhnya dalam buku tersebut yang menyuarakan ucapan syukur kerana UMNO telah menjadi sebuah parti politik yang sebenar-benarnya merupakan sebuah benteng yang kukuh dan gagah perkasa untuk mempertahankan dan memperjuangkan hak-hak kedaulatan serta kemuliaan orang Melayu. Dengan jasanya merobohkan Malayan Union, UMNO berjaya menghembus dan mengembalikan semangat kemuliaan, ketuanan dan keberanian yang menjadi "pesaka kemegahan dan kebesaran Melayu di masa lampau". Pada ketika itu telah hidup dan subur semula "jiwa Merdeka rakyat serta semangat cintakan bangsa dan tanah air kita". Dengan timbulnya semangat Kemerdekaan serta kebangsaan "putuslah tali sutera penjajah yang selama ini menjerat semangat jiwa orang Melayu dan hapuslah semangat dan jiwa hamba yang telah ditanam bertahun-tahun untuk menjadikan orang Melayu tak ubah sebagai abdi yang terpaksa bergantung kepada kasihan belas tuannya".

Dalam buku tersebut disenaraikan Anggota Majlis Kerja Tertinggi UMNO bagi tahun 1956 yang berjumlah 20 ahli. Gambar-gambar mereka disiarkan sepenuhnya bersama gambar Pengerusi-pengerusi Tetap UMNO, Ketua-ketua Kaum Ibu, Ketua-ketua Pergerakan Perikatan Pemuda, Setiausaha-setiausaha Agung dari tahun 1946, Pegawai-pegawai Penerangan, Pegawai-pegawai Kewangan serta pegawai-pegawai dan ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Bahagian-bahagian UMNO seluruh Malaya. Gambar-gambarnya masih terang dan boleh dibuat salinan bagi sesiapa yang memerlukannya. Selaku Yang di Pertua UMNO, Tunku Abdul Rahman Putra, mengeluarkan sepatah kata yang memberi ringkasan penubuhan UMNO, yang seperti diketahui umum, ditubuhkan untuk menentang *Treaty* MacMichael yang menubuhkan Malayan Union. Tunku telah mencatatkan mengenai penubuhan Kerajaan Persekutuan, peranan Dato' Onn sebagai pengerusi UMNO "yang telah berpecah belah kerana Dato' Onn berfikir iaitu dengan ada orang Melayu sahaja di dalam UMNO ini satu pun tidak dapat dihasilkan. Dia berfikir dengan bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain senanglah kita mencapai Kemerdekaan".

Terdapat butir-butir mengenai perletakan jawatan Dato' Onn sebagai Yang di Pertua Agung UMNO. Tunku telah diberi teraju mengetuai UMNO dan selepas itu terdapat banyak sekali maklumat mengenai peranan Tuanku.

Tunku telah membangkitkan perkara yang dianggap "sangat-sangat luar biasa yang berlaku masa dalam perjuangan kita ialah sikap Kerjaan British yang telah bersetuju menentu dan mengisytiharkan hari dan tarikh Kemerdekaan bagaimana kehendak dan keputusan UMNO dan perikataan iaitu 31 Ogos 1957. Ini tidak pernah dibuat oleh Kerajaan British dalam sejarah penjajahannya".


Tunku seterusnya telah mengeluarkan perasaan curiga dan bimbang melihat kepada perkara-perkara yang berlaku yang boleh mengganggu perjalanan ke arah Kemerdekaan. Dikatakan ada sebilangan orang daripada bangsa asing yang menuntut berbagai-bagai perkara. "Ada di antara kita yang menjawab segala tuntutan itu dengan tidak mengambil nasihat dan fikirkan daripada Ibu pejabat UMNO". Tunku bimbang dengan keadaan demikian "akan berlaku perkara-perkara yang kita tidak ingin di antara bangsa kita dengan bangsa lain".

Terdapat berbagai artikel yang amat penting menggambarkan sejarah sebelum pencapaian Kemerdekaan. Antaranya termasuk mengenai Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua, kedatangan Malayan Union, Bangkitan Bangsa Melayu, Kongres Melayu pada 1-3 Mac 1946 bersama nama wakil-wakil persatuan dan kesatuan dari setiap negeri. Butir-butir mengenai Kongres yang mempunyai kepentingan besar kepada sejarah negara di siarkan dengan begitu menarik. Maklumat mengenai penubuhan UMNO juga disiarkan bersama gambar-gambar mesyuarat Agung UMNO di negeri-negeri.

Laporan mengenai rombongan Merdeka yang pergi ke London dalam bulan Januari 1956 menghuraikan perbincangan-perbincangan yang amat penting untuk mencapai Kemerdekaan. Butir-butir mengenai pengumuman tarikh Kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra yang di buat pada 20 Februari 1956 di Melaka amat penting sekali. Terdapat gambar-gambar yang jarang dilihat di mana-mana. Ucapan-ucapan Tunku daripada Ogos 1951 hingga 20 Februari 1956 begitu penting dan bermakna sekali.

Buku ini mengandungi maklumat yang amat berguna dan bermakna kepada sesiapa yang berminat mengetahui sejarah Kemerdekaan tanah air kita berasaskan apa yang sebenarnya berlaku bagi parti politik yang berusaha dengan begitu keras dan yakin untuk memerdekakan tanah air daripada dijajahi oleh orang-orang luar.

5 Ogos 1996.



Persediaan Menyambut Kemerdekaan

Laporan mengenai persediaan menyambut Kemerdekaan, termasuk temasya Merdeka yang diadakan di *Lake Garden*, Kuala Lumpur pada 1 dan 6 September 1957, di laporkan dalam akhbar-akhbar pada 15 Julai 1957. Temasya dalam air dijangka menjadi satu upacara yang gembira dan mempersonakan. Temasya tersebut mengisahkan cerita di negeri Johor tahun 1700 ke 1712, bagaimana negeri tersebut menjadi sebuah kubu yang kukuh bagi orang-orang Melayu, selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis.

Menteri Perusahaan dan Perniagaan Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman (Allahyarham Tun) semasa bertolak ke Amerika untuk memegang jawatan Menteri Utusan Malaya membuat kenyataan bahawa bantuan yang sebesar-besar dan paling digemari boleh diberi oleh mana-mana negeri kepada Malaya yang Merdeka seandainya bidang perniagaan di negara diperbesarkan. Kata beliau apa yang kita kehendaki bila negara ini Merdeka ialah perniagaan yang lebih banyak. Fokus pembesaran perniagaan yang disebutkan ialah getah dengan bijih timah.

Sebuah artikel oleh Frank Sullivan berjudul "Menuju ke Arah Kesenian Malaya yang Tunggal" disediakan pada 16 Julai 1957 sempena persediaan Kemerdekaan. "Dengan tibanya Kemerdekaan sampailah masanya untuk menentukan corak kesenian Malaya". Penulis menegaskan bahawa kesenian Malaya yang istimewa dan bernilai tinggi hanya berkembang seandainya masyarakat Malaya sendiri sanggup memberikan "penghargaan tinggi kepada hasil-hasil ciptaan ahli-ahli seni kerana semuanya itu adalah sememangnya hak milik mereka". Apabila negara Merdeka masyarakat digalakkan menjalankan penyelidikan terhadap aspek-aspek seni dan budaya yang wujud dan yang telah ketinggalan tetapi boleh dihidupkan semula.

Che Halimaton Abd. Majid (Allahyarhamah Datin), satu-satunya wanita di ketika itu yang menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan (*Federal Legislative Councillor*) dilaporkan giat bekerja untuk memajukan wanita Melayu di negara yang akan Merdeka. Beliau bekerja keras untuk “kemajuan kaum ibu, meninggikan taraf mereka dalam masyarakat”, serta memberi perangsang kepada mereka untuk meninggikan pelajaran. Beliau yakin wanita akan dapat menghadapi Kemerdekaan dengan penuh keyakinan serta keazaman kuat bekerja untuk masa depan.

Encik S. M. Zainal Abidin, Presiden UMNO, Bahagian Pulau Pinang pada 17 Julai 1957 telah mengeluarkan pandangan bahawa Kemerdekaan untuk Malaya tidak akan memberi orang Melayu suatu hak melakukan apa sahaja yang mereka suka. Beliau membangkitkan bahawa sebelum perang orang-orang Melayu di bandar-bandar dan di kampung tidak bergaul bebas. Mereka seolah-olah orang asing. Semenjak UMNO ditubuhkan orang Melayu di bandar-bandar dan di kampung-kampung telah bergaul bersama-sama dan menunjukkan perpaduan dan kerjasama yang begitu hebat sekali.

Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman Putra pada 18 Julai 1957 menyuarakan harapan agar askar Persekutuan Tanah Melayu dibenarkan bergerak di Thailand selepas Merdeka. Beberapa ramai pengganas Komunis telah berpindah dari Malaya ke perenggan Thailand. Pada waktu itu dikatakan masih terdapat 1,900 pengganas dalam hutan. Daripada jumlah itu 1,000 orang ada di utara Malaya, 550 di Johor dan perenggan-perenggan Melaka dan 150 di Selangor dan Negeri Sembilan.

Dengan tercapainya Kemerdekaan tanah air pada 31 Ogos 1957 dua buah negeri Selat hak British iaitu Pulau Pinang dan Melaka “akan hilang taraf mereka sebagai tanah jajahan dan akan

menjadi rakan-rakan yang sama setaraf dengan negeri-negeri Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka". Majlis mesyuarat *Settlement* Pulau Pinang telah menerima cadangan-cadangan perlembagaan yang membuat perubahan tersebut.

Pada 19 Julai 1957 Sir Malcolm MacDonald menulis mengenai Keajaiban Dari Malaya yang menyuarakan perasaan beliau terhadap situasi di Malaya terutamanya mengenai perhubungan dan persefahaman antara kaum. Beliau menganggap ini suatu kewajipan yang amat berat. Malaya yang terletak di tengah-tengah kawasan termasuk Burma, Siam, Indo-China, Filipina dan Indonesia diumpamakan seperti jantung yang terletak di tengah badan. "Jika jantung bergerak dengan sempurna, maka kekuatannya adalah juga memperhubungkan dengan anggota-anggota badan yang lainnya".

Sir Malcolm MacDonald membangkitkan isu-isu masalah komunis. Katanya "kebanyakan orang-orang Cina di Malaya terdiri daripada orang Cina yang tidak dapat dibentuk perasaan mereka yang telah terikat kuat kepada tempat tumpah darahnya, China. Ini adalah sebahagian sebab adanya pergerakan pengganas komunis yang telah merosok di Malaya selama sembilan tahun".

Mengenai jantung di negeri-negeri di Asia yang terus bergerak dengan kuat MacDonald membangkitkan sekiranya jantung itu berhenti bergerak, kelemahan itu boleh menjangkit dengan merbahaya ke negeri-negeri yang berdekatan dengannya iaitu Malaya. Tetapi rumusan beliau ialah "Malaya adalah negara yang kuat dan teguh yang beberapa minggu dari sekarang akan bergembira dengan lahirnya satu bangsa baru Malayan yang Merdeka".

5 Ogos 1996.



Ooo macam nie...
yang diutamakan
pergaulan mencapai
kemajuan



Laporan Sambutan Kemerdekaan

Di mesyuarat-mesyuarat agung Cawangan UMNO dalam bulan Julai 1957 banyak perkara dibangkitkan mengenai Kemerdekaan dan apakah akan diperolehi rakyat apabila negara sudah tidak dijajah lagi. Kepayahan-kepayahan dalam zaman penjajahan diharap menjadi senang setelah negara Merdeka. Misalnya dalam bidang pelajaran harapan rakyat sekolah-sekolah akan diadakan di kawasan-kawasan kecil seperti di kampung-kampung.

Cawangan UMNO Merlimau Melaka pula membuat keputusan menjemput Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, hadir di upacara penyerahan serta menurunkan bendera negeri Melaka pada 31 Ogos 1957. Tunku yang membuat lawatan di banyak tempat termasuk di Pulau Pinang, di akhir ucapan di perhimpunan raksaksa 10,000 orang meneriak "Merdeka" sekuat-kuatnya dengan tangan terenggam. Gambar-gambar yang menunjukkan ucapan itu selalu membuktikan setiap tangan yang diangkat itu terenggam sama seperti yang dilakukan oleh Tunku.

Persediaan penduduk-penduduk di Kelang untuk menyambut hari Kemerdekaan termasuk kawasan-kawasan perumahan dikehendaki mengadakan bendera kertas bewarna merah, putih dan hijau yang direntangkan di hadapan setiap rumah bersambung-sambung setinggi 6 kaki selama 3 hari. Lampu-lampu juga dikehendaki dipasang selama 3 hari berturut-turut. Pintu gerbang juga didirikan di jalan masuk ke kawasan-kawasan berkenaan.

Setiausaha Agung UMNO, Encik Senu Abd. Rahman (Allahyarham), membuat seruan kepada semua parti politik dalam negara "mengeneipkan kepentingan *nasional* dan bersatu padu

membina negara dan bangsa yang akan Merdeka. Ditegaskan bahawa apabila negara telah Merdeka "tidak ada tempat kita boleh mengadu, jika keadaan bangsa Melayu seperti keadaan sekarang juga" Dikatakan pada masa sebelum Merdeka "kita boleh menyalahkan British, menyalahkan penjajahan kerana menyebabkan kita jadi begini, tetapi setelah kuasa diserahkan kepada kita dan nasib kita begini juga, maka kitalah yang salah" Seruannya yang jelas dan nyata meminta" kita mestilah menyinsing lengan, bekerja lebih kuat dan keras daripada masa yang sudah-sudah dan kita tidak boleh sekali-kali mengharapkan bantuan daripada orang-orang asing".

Editorial Utusan Zaman pada 21 Julai 1957 membangkitkan soal pemulihan akhlak yang diperlukan oleh Malaya yang Merdeka. Soal perpaduan antara rakyat serta rasa saling mengerti yang ketiadaan di zaman sudah-sudah amat diperlukan. Ditegaskan bahawa pembangunan *nasional* negara tidak dapat diadakan sekiranya rakyat Malaya dari berbagai-bagai kaum, agama dan adat resam tidak bersefahaman, hormat menghormati antara satu sama lain. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru diluluskan memberi ketegasan tentang soal hormat menghormati antara rakyat negara.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Persekutuan Tanah Melayu, Encik Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman dalam sebuah ucapan telah mengingatkan masyarakat supaya jangan menyangka bahawa dengan Kemerdekaan "kita akan mendapat kesenangan dengan segera. Kemerdekaan itu ialah satu percubaan yang pada mulanya payah dan berkorban". Beliau menasihatkan penduduk-penduduk supaya menjaga ekonomi negara sehebat-hebatnya.

Ketua Pergerakan Kaum Ibu UMNO, Puan Fatimah Hj. Hashim (Tan Sri) menyeru kepada kaum ibu “supaya bekerja lebih keras pada zaman Merdeka. Kemerdekaan tidak ada apa-apanya jika sekiranya kita tidak bekerja keras untuk mengisinya”. Beliau menegaskan kewajipan kaum ibu adalah amat besar iaitu dari rumahtangga sehingga kepada soal-soal mengenai tanah air. Ibu-ibu harus mengasuh anak-anak untuk mendapatkan pelajaran dan kelayakan sebagai bangsa yang Merdeka. “Dengan tidak ada kepandaian dan kelayakkan mereka tidak akan dapat menjadi tiang negara yang teguh. Tiang lapuk bukan boleh menegakkan negara tetapi sebaliknya akan meruntuhkannya”.

Suatu pengumuman dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaya di London, Encik Othman Mohamad pada 24 Julai 1957 bahawa penuntut-penuntut Malaya di United Kingdom yang berjumlah 1,000 orang menyambut Kemerdekaan dengan mengadakan “*National Convention*” dan lain-lain lagi sambutan selama 36 hari bermula pada 26 Julai 1957. Pelajar-pelajar merasai erti Kemerdekaan yang begitu hebat sekali.

Antara sambutan-sambutan Kemerdekaan di negeri-negeri tertentu termasuk persembahan pentas ‘Malam Sejarah’ di Kuala Terengganu yang menonjolkan segala peristiwa dalam sejarah tanah air mulai daripada perkembangan penjajahan sehingga datangnya fajar Kemerdekaan. Setiap babak diselangi dengan tari-tarian yang menunjukkan penyeludupan seni budaya asing yang mempengaruhi kebudayaan Melayu.

7 Ogos 1996.



GOLOK KONTOT
PUNG MU NOK GIE
LAWE OGE PUTEH.

HAMBAT
ORANG
PUTEH

Ke arah Kemerdekaan

Suatu siaran khas Radio Malaya bahagian Melayu sempena menyambut Kemerdekaan melibatkan Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra dengan beberapa pakar lain. Tunku terlibat dengan program Sejarah Orang-orang Melayu semenjak 2,000 tahun B.C. Antara siaran-siaran hiburan termasuk puspa ragam kanak-kanak, aneka warna Merdeka, dondang sayang Merdeka serta puspa warna Merdeka.

Menteri Pelajaran dan Ketua Jawatankuasa Sambutan Hari Kemerdekaan, Dato' Abdul Razak Hussein (Tun) membuat pengu-muan sebaik-baik sahaja Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan mengisytiharkan Kemerdekaan pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka. Azan dilaungkan di angkasa raya melalui empat kemuncak penjuru di Stadium Merdeka. "Gema dan erti yang dibawa oleh suara azan itu kelak dengan sendirinya dapat membuktikan bahawa agama Islam ialah agama rasmi bagi negeri ini dalam zaman Kemerdekaannya".

Dato' Abdul Razak menyeru orang supaya menyambut hari Kemerdekaan dengan cara yang teratur, aman dan selamat serta penuh bertanggungjawab.

Pada 26 Julai 1957 satu berita memaklumkan Sultan Terengganu dan Sultan Johor telah tidak mencalonkan diri untuk menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka. Sultan Johor menyatakan keenggananya bertanding dalam pilihan Yang di-Pertuan Agong itu kerana Baginda sudah tua. Manakala Sultan Terengganu pula merasa Baginda adalah seorang yang termuda sekali dalam jawatan sebagai Sultan. Pilihan bakal Yang di-Pertuan Agong berlangsung pada

Ogos 1957 dalam Persidangan Khas Raja-raja Melayu. Mereka yang rapat dengan Persidangan Raja-raja Melayu meramalkan Yang di-Pertuan Agong dipilih di antara Sultan Pahang dengan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan manakala Timbalannya di antara Sultan Selangor dan Sultan Kedah.

Untung nasib orang Melayu telah terjamin dengan adanya Kertas Putih Perlembagaan baru Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pada 11 Julai 1957. Kenyataan dibuat oleh ahli Majlis Mesyuarat Negeri Johor, Hj. Taha bin Hj. Zakaira. Kertas Putih itu menjamin hak-hak istimewa orang Melayu, agama Islam dan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi. Perkara-perkara itu dikatakan menentukan untung nasib bangsa Melayu.

Menteri Pertanian dan Perikanan Persekutuan Tanah Melayu, Encik Abdul Aziz Ishak ketika melawat Pulau Redang memberitahu penduduk erti Kemerdekaan kerana mereka amat gelisah mendengar dakyah-dakyah memomokkan Kemerdekaan. Mereka mendengar bahawa Kemerdekaan kononnya akan melahirkan mala petaka seperti di zaman Jepun di negara ini di mana serba serbi susah belaka. Encik Aziz menjelaskan erti dan kesan-kesan Kemerdekaan untuk menghapuskan keraguan rakyat. "Kemerdekaan akan memberi kesempatan yang lebih besar kepada penduduk-penduduk negeri ini memperbaiki dan memajukan nasib dan penghidupannya".

Encik Abdul Aziz juga telah menegaskan bahawa keamanan dan kemakmuran Malaya Merdeka adalah terletak atas kesenangan dan kesempurnaan hidup rakyatnya dan sebarang kecuaiian dan tindasan hendaklah dihapuskan. "Kesempurnaan hidup yang sesuai dalam pelajaran yang menjadi hak tiap-tiap rakyat yang setia dalam negara yang maju dan demokratik mestilah mendapat jaminan".

Pertandingan bola Merdeka dimulakan pada 31 Ogos 1957 dengan lapan buah pasukan mengambil bahagian yang dibahagikan kepada dua bahagian mengandungi empat pasukan bagi tiap-tiap bahagian. Semua pasukan yang menang dimasukkan dalam bahagian 'A' dan yang kalah ke bahagian 'B'. Susunan perlawanan awal ialah Hong Kong melawan Kambodia, Indonesia melawan Siam, Singapura melawan Vietnam dan Persekutuan melawan Burma.

Di malam Pesta Wartawan Melayu Persekutuan pada 28 Julai 1957 seruan telah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman kepada wartawan-wartawan supaya bersama-sama mengambil bahagian membina negara Malaya yang Merdeka sehingga menjadi sebuah negara yang aman dan damai. Tunku berjanji untuk menghulurkan pertolongan sedaya upaya kepada wartawan-wartawan supaya "dengan demikian dapatlah saya tumpang mengambil bahagian bersama-sama wartawan-wartawan dalam usaha mereka memberikan pimpinan dan asuhan kepada rakyat negara ini". Tunku menghargai Pesta Wartawan yang menjadikan cita-cita beliau untuk menghidupkan kebudayaan Melayu tercapai dengan secukupnya. Beliau merasa amat puas hati kerana sambutan itu datang dari orang Melayu dari merata tempat sehingga ke wartawan Melayu.

Persatuan Wartawan Melayu di mesyuarat agungnya yang pertama telah mengalu-alukan Kemerdekaan tanah air. Sejarah Kemerdekaan tanah air tidak dapat "dipisahkan oleh para wartawan Melayu dalam soal mendorong semangat rakyat". Para wartawan Melayu telah menyemaikan semangat dan perasaan kebangsaan yang meluap-luap dalam perjuangan Kemerdekaan negara ini sepanjang masa menerusi setiap akhbar yang ada di kala itu.

9 Ogos 1996.



Pelbagai Persiapan Menyambut Kemerdekaan

Dari Universiti Malaya, Singapura, Lee Ting Him, telah membangkitkan adakah pihak British bekerja bersungguh-sungguh terhadap Kemerdekaan. Perkara yang dibangkitkan pada 30 Julai 1957 merujuk kepada penulisan Prof. C. N. Parkinson bertajuk "Dari Sebuah Kerajaan Melayu Lahir Suatu Bangsa Malayan". Perkara utama yang dibangkitkan bahawa Kemerdekaan Malaya adalah hasil dari dasar Kerajaan British iaitu satu kurniaan dari Kerajaan British kepada Tanah Melayu.

Antara perkara-perkara yang dibangkitkan ialah pihak British telah berusaha menghubungkan tempat-tempat di Tanah Melayu dengan membuat jalan-jalan raya serta jalan-jalan keretapi. Pada pandangan Lee, Kerajaan British mengadakan kemudahan-kemudahan itu dengan tujuan supaya dengan mudahnya hasil-hasil ekonomi Malaya dapat dikeluarkan untuk kepentingannya. Jalan-jalan raya serta jalan-jalan keretapi dibuat sesudah munculnya hasil getah dan bijih timah dan dikatakan kebanyakan kerja-kerja itu diselenggarakan oleh Frank Swettenham. Lee menyoal adakah sewaktu menjalankan kerja-kerja itu beliau berfikir mengenai Kemerdekaan Malaya?

Lee juga membangkitkan bahawa yang sebenarnya bertanggungjawab menimbulkan gerakan kebangsaan bukanlah kerajaan British tetapi oleh pihak Jepun. Pihak Jepun semasa berada di Malaya setiap masa menegaskan konsep Asia untuk bangsa-bangsa Asia dan "perhatian yang telah diberikan kepada orang-orang Melayu ialah yang bertanggungjawab memberikan roh dan semangat kepada Malaya".

Satu kejadian di waktu pemerintahan Jepun yang ada hubungkait dengan perkara ini ialah persidangan pemimpin-pemimpin orang Melayu pada bulan Ogos 1945 di Kuala Lumpur dengan anjuran pemerintah Jepun. Persidangan itu antara lain telah membincangkan cadangan “mendirikan sebuah Republik Malaya yang Merdeka, dan diadakan sebaik-baik Maharaja Jepun mengisytiharkan serahan diri bala tenteranya kepada pihak sekutu dan bertepatan pula dengan pengisytiharan Kemerdekaan Indonesia”. Ini merupakan satu tindakan pemerintah Jepun untuk “menghalang atau menyukarkan per kembalian British ke Malaya”.

Dato' Onn Jaafar telah mengambil bahagian dalam persidangan itu dan beliau juga telah mengetuai penentangan orang Melayu terhadap rancangan lepas – perang British hendak menjadikan negeri-negeri Melayu tanah jajahannya. Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 adalah hasil dari gerakan kebangsaan Melayu yang baru lahir itu.

Persatuan Malayan di Hong Kong telah meminta Kerajaan Persekutuan supaya menimbangkan taraf orang-orang Malaya yang tinggal di Hong Kong selepas Merdeka. Setiausaha Persatuan itu telah membincangkan perkara itu dengan Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman yang telah berjanji perkara itu dikaji. Orang-orang Malaya di Hong Kong di waktu itu dikatakan masih lagi memandang Malaya sebagai negeri mereka. “Kami dilahirkan, dididik dan mengaji di Malaya. Jika kami tidak cintakan Malaya sebagai negeri kami maka tentulah tidak kami tubuhkan Persatuan Malayan”.

Persediaan-persediaan di negeri-negeri Tanah Melayu sempena menyambut Kemerdekaan termasuklah di Kelantan di mana disediakan perusahaan tenun untuk menenun kain-kain songket benang emas dan sutera. Yang diutamakan ialah membuat baju-

baju labuh istiadat yang cantik untuk pakaian pembawa-pembawa tanda-tanda kebesaran dalam perayaan. "Antara baju-baju istiadat yang telah siap dibikin sungguh cantik dan menarik hati iaitu dengan karangan bunga benang emas yang indah bertanahkan kain sutera hitam betul". Tiap-tiap pakaian istiadat mengandungi lima barang iaitu sepasang seluar hitam, satu kain sarong, satu baju, satu tengkolok dan satu bengkong.

Sementara itu di Terengganu pula perusahaan besar-besaran dibuat kerana perayaan Merdeka. Barang-barang yang disediakan termasuk barang-barang perak, kain-kain tenun, bakul dan lain-lain. "Terengganu akan dapat bermegah secara istimewa kerana menguntukkan 44 baju labuh istiadat untuk perayaan dan diukur menurut kain-kain yang cantik yang sangat berpadanan kerana menyambut hari yang istimewa itu". Terengganu juga membuat barang-barang perak dan emas untuk dipakai di dalam banyak istiadat perayaan Merdeka terutama sekali cokmar besar untuk Yang di-Pertuan Agong.

Pada 31 Julai 1957, sebulan sebelum negara Merdeka suatu kenyataan dibuat mengenai upacara sambutan Kemerdekaan Tanah Melayu. Di istiadat pengisytiharan Kemerdekaan pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka gendang-gendang dibunyikan dan Lagu Kebangsaan yang pertama diperdengarkan setelah Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan Kemerdekaan. Tepat pada waktu itu, bendera Persekutuan dikibarkan di atas satu tiang bendera berwarna putih. Tunku sendiri mengetuai pekikan 'Merdeka' berkali-kali serta mengangkat tangannya menghormati bendera itu.

Upacara itu diadakan dengan penuh adat istiadat menyambut Perdana Menteri dan Raja-raja Melayu. Sultan yang akhir memasuki Stadium Merdeka di istiadat itu ialah bakal Yang di Pertuan Agong yang disambut dengan suatu tiupan trompet. Mereka berjalan di dalam suatu arakan dari tempat duduk di Raja ke suatu pentas khas di mana mereka menanti ketibaan wakil Queen Elizabeth II iaitu Duke of Gloucester yang diiringi oleh Sir Donald MacGillivray, Persuruhjaya Tinggi British. Mereka berdua memeriksa barisan kehormatan ahli-ahli askar Persekutuan. Duke of Gloucester dijangka memberi ucapan dan menyampaikan alat-alat perlembagaan mengenai Kemerdekaan kepada Tunku Abdul Rahman. Selepas itu Tunku membaca Pengisytiharan Kemerdekaan. Suatu tembakan 101 das sebagai kehormatan dimulakan, sambil Lagu Kebangsaan diperdengarkan dan bendera Persekutuan dikibarkan. Kemudian doa selamat dibacakan oleh Mufti bagi kebahagiaan, kesejahteraan dan kemakmuran negara yang Merdeka.

12 Ogos 1996.

Tercapainya Kemerdekaan

Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan dengan rasminya Merdeka tepat jam 9.30 pagi 31 Ogos 1957 oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, di Stadium Merdeka dengan kehadiran lebih 20,000 rakyat serta tetamu-tetamu agung dari negara asing. Kemerdekaan negara ini bukanlah bermakna lahirnya sebuah negara baru yang Merdeka tetapi merupakan kejayaan perjuangan rakyat negara ini menebus semula Kemerdekaan negaranya yang telah dirampas oleh kuasa asing sejak 446 tahun sebelumnya. Persekutuan Tanah Melayu pada hakikatnya telah Merdeka semula pada jam 12 satu minit selepas tengah malam 31 Ogos 1957 tetapi pengisytiharan rasminya hanya dilakukan pada pagi 31 Ogos 1957 kerana menyesuaikan dengan peraturan-peraturan yang telah disusun berhubung dengan penyerahan surat-surat perlembagaan dari wakil Queen Elizabeth II, Duke of Gloucester, kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman.

Di waktu itu rakyat juga mendengar lagu kebangsaan British '*God Save the Queen*' bagi kali terakhir. Sebaik-baik sahaja Tunku Abdul Rahman menamatkan pembacaan Pengisytiharan Kemerdekaan di tengah-tengah tepuk sorak dan teriakan Merdeka yang gemuruh, bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan iringan lagu kebangsaan '**Negara Ku**'. Tunku meneriakkan '**Merdeka**' sebanyak tujuh kali di hujung Pengisytiharan itu dengan sambutan yang amat gemuruh oleh setiap yang hadir. Bacaan Kemerdekaan Tunku telah diselang-selang dengan pekikan "**Merdeka**" yang amat gemuruh.

Tunku begitu terharu sekali dengan peristiwa yang sangat-sangat bersejarah kepada rakyat dan negara sehingga hampir-hampir tidak dapat mengeluarkan suaranya dan banyak kali terhenti-henti waktu beliau membaca Pengisytiharan Kemerdekaan. Selama beberapa detik Tunku telah terhenti sama sekali apabila sampai kepada ayat maka dengan nama Allah yang Maha Murah lagi Mengasihani saya Tunku Abdul Rahman Putra Sesungguhnya Tunku amat terharu apabila hendak menyebutkan namanya sendiri sebagai orang yang diamanatkan oleh rakyat mengisytiharkan Kemerdekaan negara ini. Jelas sekali Tunku sedar betapa besarnya tanggungjawab yang dipikulnya sebagai orang yang menerima amanah yang cukup besar ertinya.

Dalam ketika yang sama kebanyakan rakyat yang hadir "mengeluarkan sapu tangan mengeringkan air mata kegembiraan bercampur terharu dengan peristiwa dalam saat yang bersejarah itu". Setelah selesai Tunku mengumumkan Kemerdekaan, suara azan bergema di angkasa raya bersambutan dengan bunyi tembakan meriam seratus satu das.


Setiap rakyat yang hadir menumpukan mata kepada lambang bangsa dan negara dengan penuh minat, perhatian dan perasaan. Walaupun hujan turun sehingga menyebabkan upacara pengisytiharan Kemerdekaan ditangguhkan selama satu jam, upacara itu dijalankan dengan cukup sempurna serta penuh kemegahan dan kegembiraan. Hujan membawa rahmat yang turun daripada jam 5.25 pagi tidak menghalang orang-orang datang ke Stadium Merdeka, tempat yang paling bersejarah bagi upacara Kemerdekaan. Mereka yang datang berjalan kaki, walaupun basah kuyup berseri-seri wajah masing-masing 'kerana dapat turut serta merayakan hari yang amat bersejarah itu'. Begitulah juga dengan pasukan tentera yang berbaris di sepanjang jalan dengan pakaian upacara, walaupun ditimpa hujan mereka tetap berdiri tegak seolah-olah tidak ada berlaku apa-apa pun.

Semua tetamu dari luar negeri memakai pakaian kebangsaan masing-masing, manakala Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan memakai pakaian istiadat yang direka oleh Tunku. Tunku mula tiba jam 8.16 pagi dan selepas lima minit mula tiba Raja-Raja Melayu setiap satu minit satu. Raja yang akhir sekali tiba ialah Yang di-Pertuan Agong pada jam 8.48 dan yang akhir sekali ialah Duke dan Duchess of Gloucester pada jam 8.57 pagi.

Pada keseluruhannya upacara proklamasi Kemerdekaan berjalan dengan penuh meriah bercampur perasaan terharu. Setelah selesai upacara pengisytiharan Kemerdekaan bunga api pula ditembakkan ke udara menerbangkan berbagai barang permainan kertas dan lain-lain termasuk bendera Persekutuan. Selepas jam 11.00 pagi Yang di-Pertuan Agong yang pertama mengangkat sumpah, dituruti dengan Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri, Hakim Besar, ahli-ahli Jemaah Menteri serta Gabenor-gabenor Pulau Pinang dan Melaka. Istiadat ini telah diadakan di Istana Negara.

Dalam ucapan Tunku sebelum mengisytiharkan Kemerdekaan, beliau menyuarakan kesedaran meskipun Kerajaan sedar bahawa di depannya ada berbagai-bagai kesukaran dan kesulitan tetapi beliau yakin dengan limpah rahmat Tuhan, segala kesukaran itu dapat diatasi. Tunku menyeru kepada rakyat "sambil mengenang masa yang lampau kita memandang kepada kepercayaan dan harapan masa depan. Daripada ketika ini juga kitalah yang akan menentukan nasib kita yang akan datang. Kesejahteraan tanah air yang dicintai adalah tanggungjawab kita sendiri".

27 Ogos 1996.



KES BUANG
ANAK LAGI.
FRANCE: un un
un un un un un
un un un un un
un un un un un
un un un un un
un un un un un
un un un un un

Damou

Kartun dan Kartunis

Persatuan Pelukis-pelukis Kartun atau PEKARTUN menerbitkan buku “Khazanah Kartunis Malaysia” yang melibatkan maklumat latar beberapa kartunis masa kini. Usaha ini amat bermakna kerana mengeluarkan fakta-fakta sahih hampir setiap kartunis yang popular di Malaysia. Seperti yang di sedari seni kartun adalah satu elemen seni di kalangan masyarakat Melayu yang amat bermakna dan mempunyai hubungkait rapat dengan budaya masyarakat Melayu.

Pada masa sekarang apresiasi terhadap seni kartun, karikatur dan komik amat hebat sekali dan saya percaya kehebatan itu akan terus kekal buat selama-lamanya. Elemen seni begitu bermakna kepada masyarakat Melayu yang melihat erti dan nilai hidup dengan begitu tajam dan dalam sekali. Orang Melayu berbudaya unggul mengutamakan keadaban, kesopanan dan kesusilaan. Banyak perkara ingin dicurahkan, banyak maklumat ingin di ketengahkan dan ini semua dilakukan dengan gaya dan nada yang penuh syahdu. Umumnya maklumat-maklumat ini tidak dapat di sampaikan terus-menerus dek kerana kesannya kepada si penerima dirasai tidak menyenangkan. Oleh itu jalan yang baik ialah menerusi elemen-elemen seni halus dan sedap tetapi ertinya mantap dan tajam. Mesej-mesej seperti itu selalunya di sampaikan menerusi puisi, irama dan lagu; yang paling berkesan pada masa kini ialah budaya kartun.

Semasa mengkaji akhbar-akhbar dan majalah lama di waktu bertugas di Arkib Negara saya terserempak dengan berbagai jenis kartun dan karikatur zaman silam yang memberi mesej iktibar yang cukup menarik dan bermakna. Kartun dan karikatur zaman silam begitu unik sekali dan sudah pasti berperanan penting sebagai penyedar kepada masyarakat. Hakikat ini telah

merangsang saya menulis sebuah buku yang di beri nama "Senda, Sindir, Sengat" yang memaparkan kartun-kartun silam dari zaman sebelum Perang Dunia Kedua, bermula dari tahun 1936. Saya telah menggunakan akhbar-akhbar Majlis, Warta Ahad dan Warta Jenaka untuk buku tersebut. Saya sedar memang ada banyak lagi kartun dalam berjenis akhbar dan majalah yang belum diketengahkan oleh sesiapa menerusi analisis dalam penulisan. Begitu juga dengan kartun-kartun Malaysia dalam akhbar-akhbar Inggeris yang belum lagi diketengahkan oleh sesiapa. Saya berharap akan menghuraikan kartun-kartun itu pula di masa akan datang.

Kartun dan karikatur dalam akhbar dan majalah Melayu silam banyak mencetuskan kesedaran politik di kalangan masyarakat Melayu. Sambil cuba menghiburkan para pembaca, karya-karya itu membawa perhatian kepada isu-isu yang melibatkan permasalahan semasa. Di waktu hampir Perang Dunia Kedua dan selepasnya, terdapat banyak percambahan pemikiran mengenai isu-isu politik dan elemen kebangsaan. Pada waktu itu penulis yang lantang berusaha dan kartunis yang berani melukis tidak putus-putus mencernakan idea yang menghasilkan karya mengenai kemunduran orang Melayu akibat ditindas oleh pelbagai pihak dan menggerakkan mereka memperjuangkan hak mereka di tanah air mereka sendiri. Isu demi isu ditimbulkan untuk menyedarkan masyarakat Melayu mengenai masalah yang ada di sekeliling mereka yang mengancam mereka sepanjang masa.

Daripada kajian dan penilaian yang telah saya lakukan di dapati kartun dan karikatur mempunyai peranan yang amat istimewa di negara ini terutamanya karya-karya yang mengandungi satira politik dan sosial. Walaupun kadangkalanya dianggap kasar, biadab dan tidak adil, lukisan-lukisan itu dengan kata-katanya mempunyai tempat tertentu dalam pemikiran dan sanubari masyarakat. Semenjak waktu sebelum Perang Dunia Kedua lagi


terdapat kartun dan karikatur yang menyindir dan mempersendakan masyarakat melalui media cetak yang disebarkan kepada pembaca umum. Sindiran-sindiran tajam mengenai masyarakat dan watak-watak tertentu menjadi bahan lucu yang di minati setiap pembaca. Sebagai bahan penghibur, penyindir dan penyengat, kartun dan karikatur senang diterima oleh setiap pembaca. Pada umumnya orang Melayu lebih mudah menerima sengat dari pena daripada tamparan dan teguran dari tutur dan kata.

Antara kartunis masa lampau semenjak tahun 1936 termasuklah Muhamad Salleh bin Sulaiman dari Kedah, Abdul Manan dari Taiping, Zakaria bin Hj. Mohd. Nor dan Abu Bakar bin Mohd. Nor dari Pulau Pinang, Mohd. Nor bin Abdul Syukor dari Ipoh, Ahmad Murad bin Nasruddin dari Tanjung Malim, Abdullah bin Omar dari Kuala Terengganu, Mohd Nor bin Awang, Amir Hamzah bin Mir Baru dari Kota Bahru, Abdul bin Abas dari Melaka, S. B. Ally atau Salleh bin Ally, Saidin bin Yahya dari Kedah dan Bee Bee dari Pulau Pinang. Terdapat ramai juga kartunis selepas Perang Dunia Kedua tetapi mereka tidak memasukkan nama mereka sebenarnya.

Kartunis zaman lampau yang datang dari seluruh negara berani menyuarakan pendapat dan kesedaran jiwa melalui lukisan dan coretan. Sebagai pengkritik masyarakat dan sekali gus pejuang kebangsaan, mereka tetap mempunyai tempat dalam sejarah. Sebagai bahan kajian sejarah dan masyarakat, kartun dan karikatur adalah media yang unik yang mempunyai ciri-cirinya tersendiri. Walaupun kelihatan ringan dan bersahaja, media kartun mempunyai kesan yang mendalam terhadap masyarakat dan menjadi sebahagian daripada bahan bukti yang merakamkan sejarah tanah air kita.

10 September 1996.

BALIK
PAMELAN



GULAU PERAKUN
KELAS



PETAI KUDONG
PERAKUN KELAS